

Senarai Ahli dilampirkan  
Kandungan dilampirkan

\*\*\*\*\*

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 20 Oktober 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan, apakah semua negeri telah menubuhkan Persatuan Ibu Tunggal dan apakah prestasi empat panel yang ditubuhkan di bawah Program Ibu Tunggal Waja.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini negeri Johor, Pahang dan Perak telah menubuhkan Persatuan Ibu Tunggal masing-masing. Manakala di negeri-negeri lain sedang dalam proses mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita dan pengerusi-pengerusi panel yang dipertanggungjawabkan telah menjalankan program-program yang disusun khas untuk dimanfaatkan oleh ibu-ibu tunggal dan anak mereka di seluruh negara sesuai dengan penubuhan panel-panel tersebut iaitu Panel Sokongan Kelompok dan Pembimbing, Panel Sokongan Guaman, Panel Sokongan Ekonomi dan Panel Sokongan Pendidikan. Sehingga kini pencapaian prestasi keempat-empat panel ini berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk membantu ibu-ibu tunggal menyelesaikan masalah mereka sama ada dari segi ekonomi, guaman, motivasi dan pendidikan anak-anak ibu tunggal.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah di pihak negeri-negeri di mana telah terdapat Persatuan Ibu Tunggal

umpamanya Johor, Pahang dan Perak, apakah mereka telah mendapat manfaat daripada panel-panel yang telah ditubuhkan oleh pihak kementerian dan sejauh manakah prestasi yang telah dapat ditonjolkan dari segi perbezaan *improvement* keadaan ibu-ibu tunggal di negeri-negeri tersebut dapat dirasai perbezaannya?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mahu tahu perbezaan. Jadi, perbezaan ini saya rasa bukan spesifik tetapi merangkumi keempat-empat panel yang saya telah sebut tadi.

Jadi, bagi contoh boleh saya beri prestasi berkenaan dengan pendidikan. Pada tahun 1997, panel ini telah mengadakan kursus kem motivasi untuk 200 orang kanak-kanak pada awal Mac 1998 dan teknik menghadapi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM pada bulan Mei 1998. Namun begitu, program ini adalah dijalankan secara berkala dan tidak dapat meninggalkan sebarang kesan kepada kanak-kanak.

Menyedari bahawa keupayaan intelektual dan pencapaian akademik yang tinggi tanpa ketahanan emosi yang mencukupi bagi menjamin kejayaan dan kesejahteraan hidup dalam masyarakat hari ini dan akan datang, maka satu program peningkatan ketrampilan psiko-sosial anak-anak ibu tunggal telah dirancang. Program ini bertujuan untuk membekalkan anak-anak keluarga istimewa ini dengan kemahiran khusus untuk meningkatkan keupayaan yang merupakan kualiti penting. Sasaran yang dikenal pasti adalah pelajar-pelajar di dalam Tingkatan I dan Tingkatan II dan aktiviti susulan akan dilaksanakan sehingga pelajar ini tamat Tingkatan V. Keputusan SPM adalah merupakan *indicator* penting penilaian. Jabatan Hal Ehwal Wanita baru meluluskan peruntukan untuk projek ini dan akan dimulakan pada bulan November 1999. Bagi projek yang pertama iaitu sampai tahun 2000.

Jadi, mula-mula projek ini iaitu kepada guru di Selangor dan di Wilayah Persekutuan. Lebih kurang 200 orang akan terlibat dalam projek ini dan anak-anak mereka lebih kurang 8,000 orang.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa program khusus ialah untuk menghadapi masalah psiko-sosial anak-anak ibu tunggal. Tetapi apakah program khusus yang dirangkakan sekarang untuk menghadapi masalah psiko-sosial yang dihadapi oleh ibu tunggal itu sendiri bagi menghadapi cabaran hidup yang ada hari ini. Misalnya dari segi menambah yakin diri

dan juga bagaimanakah tentang perkembangan, dengan izin, human development ibu tunggal sendiri untuk menjaga anak-anak di bawah jagaannya?

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak anak-anak ibu tunggal ini mereka adalah dicampur dengan anak-anak yang lain berkenaan dengan perkara sosial. Jadi, perkara sosial ini memang telah dirancang. Oleh kerana, itu satu dari perkara dalam Rang Undang-undang Kanak-anak 1999 yang akan dibentang, saya rasa mungkin pukul 11.00 pagi. Jadi, inilah satu caranya untuk mengurangkan masalah sosial di kalangan anak-anak bersama-sama anak-anak ibu tunggal.

2. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah sekolah menengah di kawasan mukim Marak-Parak, Kota Marudu. Penubuhan sebuah sekolah menengah amatlah diperlukan kerana jumlah pelajar di sekolah-sekolah rendah di kawasan tersebut sudah begitu ramai. Jika ya, bilakah penubuhan tersebut akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan sesebuah sekolah di satu kawasan adalah berdasarkan kepada permohonan masyarakat setempat dan dipohon melalui Jabatan Pendidikan negeri. Mengikut kajian yang dibuat oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kota Marudu dan Pejabat Pendidikan Bahagian Pantai Barat-Utara, keperluan untuk membina sebuah sekolah menengah di kawasan Marak-Parak belum begitu mendesak. Ini kerana SMK Tandek dan SMK Ongkilan yang akan dibuka pada tahun 2000 masih boleh menampung pelajar-pelajar baru. Sungguhpun begitu, pihak JPN Sabah akan membuat kajian lanjut sama ada sebuah sekolah menengah perlu diwujudkan di kawasan tersebut dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana pihak kementerian sedia maklum SK Marak-Parak ini adalah satu-satunya sekolah yang berasrama bagi mukim Marak-Parak dan mukim Gana yang begitu jauh kira-kira 20 kilometer daripada pekan Kota Marudu. Sekolah ini juga mempunyai bekalan elektrik melalui sistem solar. Adakah pihak kementerian berdasarkan kepada kesedaran ini boleh mempertimbangkan memperluaskan fasilitas asrama dan semua kelengkapan kerana tidak mencukupi pada saat ini dan juga seterusnya mempertimbangkan memulakan pengajian komputer ataupun penggunaan komputer sesuai dengan dasar kerajaan untuk

memperluaskan penggunaan komputer di luar bandar berdasarkan bahawa sekolah ini mempunyai sistem bekalan elektrik dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang lain.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soal untuk menambah kemudahan di sekolah-sekolah dalam pelbagai perkara ini sentiasa kita uruskan mengikut keperluan di satu-satu tempat dan juga kemampuan dan keupayaan kerajaan. Kalau sekiranya kita betul-betul dapati keperluan-keperluan dan kemudahan-kemudahan ditambah, kita tambah. Memang tugas biasa dan routine kementerian. Begitu juga soal hendak membekalkan peralatan komputer. Program ini sudah mula berjalan. Semua sekolah yang terlibat dalam program komputer dalam pendidikan iaitu melibatkan sebanyak 333 buah sekolah akan mula dibekalkan sedikit masa lagi. Kalau sekiranya kita dapati kita mampu untuk mempertingkatkan, lagi kita akan berbuat demikian.

3. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada memandangkan jangkaan usia (*life expectancy*) telah meningkat dan negara-negara lain juga telah melanjutkan usia persaraan sehingga 65 tahun, sama ada kerajaan akan melanjutkan umur persaraan kepada 60 tahun. Jika tidak, mengapa kerajaan tidak mahu menggunakan kepakaran dan pengalaman golongan ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa jangkaan hayat telah meningkat akibat daripada peningkatan dalam taraf kesihatan penduduk secara amnya. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menerima satu cadangan dari CUEPACS untuk dinaikkan umur persaraan bagi anggota-anggota awam daripada 55 kepada 58 tahun, kerajaan sedang mengkaji cadangan ini.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bahawa berapa jumlah rakyat Malaysia telah sampai usia 55 setakat ini dan apakah jumlah bilangan di sektor awam dan juga sektor swasta, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan ini?

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:** Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua. Mana saya tahu berapakah rakyat yang berumur 55 tahun sekarang. Tetapi kalau tanya anggota kerajaan yang umurnya 55 tahun, pada tiap-tiap tahun lebih kurang antara 8,000 ke 9,000 orang yang bersara wajib. Ini bererti bahawasanya setiap tahun dari segi anggota kerajaan yang berjumlah 622,000 lebih kurang 10,000 kalau hendak mudahkan kira antara 8,000

ke 9,000 yang sampai usia 55 tahun. Tetapi di samping itu ada juga yang persaraan sukarela di antara 4,000 ke 5,000 atau 6,000 setahun mengikut keadaan, kalau ekonomi baik ramai bersara, tetapi bila ekonomi turun angka persaraan menurun.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, semasa kerajaan mengkaji cadangan untuk mempertingkatkan umur persaraan ke 60 tahun atau lebih, saya hendak bertanya sama ada mempunyai satu cadangan atau rancangan untuk mewujudkan satu skim atau sistem untuk golongan yang telah bersara supaya golongan ini dapat melanjutkan pekerjaannya.

**Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawasanya kerajaan ada skim tertentu di mana sebelum pegawai-pegawai kita bersara kita menggalakkan mereka melalui kursus-kursus tertentu untuk menyesuaikan diri mereka ke alam selepas bersara. Untuk makluman, saya difahamkan juga Jabatan Tenaga Rakyat juga mempunyai caranya tersendiri untuk mendaftarkan pegawai-pegawai kita yang hendak bersara dan diregukan dengan keperluan daripada swasta. Dengan itu, kalau boleh saya nyatakan bahawasanya walaupun pegawai-pegawai kita bersara dengan umur yang muda pada 55 tahun, ianya merupakan kadang-kadang kerugian kepada pihak kerajaan, dengan izin, *the government lost but the private sector gains* kerana mereka akan pergi ke swasta dengan kemahiran masing-masing seperti doktor, engineer, guru-guru dan memanfaatkan kumpulan swasta. Akhirnya *there is zero sum effect*. Terima kasih.

*[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh) tidak hadir]*

5. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) taburan serta bilangan pusat pemulihan dadah yang dikendalikan oleh pihak swasta pada masa sekarang; dan
- (b) prosedur permohonan untuk mendapatkan permit yang berkaitan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taburan pusat pemulihan dadah dikendalikan oleh pihak swasta adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Pusat Pemulihan Swasta (buah)</b>
Selangor	9
Wil. Persekutuan	8
Perak	5
Johor	3
Pulau Pinang	2
Melaka	2
Negeri Sembilan	1
Terengganu	1
Kedah	1
Pahang	1
Kelantan	1
Sabah	<u>1</u>
<b>Jumlah:</b>	<b><u>35 buah</u></b>

Permohonan untuk menubuh dan mengendalikan pusat pemulihan dadah swasta hendaklah dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri melalui Ibu Pejabat Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri dengan menggunakan borang berkaitan yang boleh diperolehi daripada agensi ini.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah pembanterasannya habis-habisan bagi kita menghapuskan gejala dadah memandangkan kes-kes penyalahgunaan dadah dan pil khayal ecstasy masih meningkat ke satu tahap yang sangat serius.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, dadah memang merupakan satu wabak yang sedang merebak dan walaupun apa yang kita buat nampaknya setakat ini kesannya belum dapat dilihat secara menyeluruh tetapi pendekatan yang dibuat oleh kerajaan dapat dibahagikan kepada dua, satu pendekatan melalui pendidikan yang dikendalikan di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan dan satu lagi di bawah KDN sendiri yang merangkumi semua bidang di mana adanya mereka yang bekerja, bermakna kita membuat satu pendekatan untuk memerangi dadah di semua tempat kerja di seluruh negara.

Ini sedang dalam peringkat permulaan dan kita akan dapati selepas ini dengan adanya dua pendekatan ini, akan dapat kita mendekati masalah dadah dengan lebih menyeluruh dan kita harapkan dalam tahun 2003 negara kita akan bebas dari dadah.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhir-akhir ini, di pusat-pusat pemulihan dadah banyak berlaku merusuh, lari, bergaduh dan lain-lain lagi, apakah punca perkara yang berlaku ini, adakah daripada salah cara pentadbiran ataupun terlampau banyak makan, sebab kalau mereka terlampau sihat pun susah sebab kita lihat di penjara ini, kalau makan terlalu sihat pun, dia pandai macam-macam, ada yang pandai bohong, ada yang pandai berlakon, ada yang pandai fitnah, kalau di pusat pemulihan dadah ini mereka pandai lari, pandai bergaduh. Saya minta ingin tahu puncanya.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, ada tiga unsur yang menyebabkan yang dikesan membawa kepada rusuhan, pertamanya *overcrowding* iaitu kesesakan pusat-pusat yang dimaksudkan untuk pemulihan dadah di mana jumlah penagih lebih besar dari jumlah yang boleh dihadkan. Dan ini berbanding dengan jumlah kaunselors ataupun mereka yang memberi nasihat secara *psycho social* kepada penagih-penagih tidak mencukupi maka di peringkat kementerian kita sedang berusaha menambah jumlah ini dengan cara latihan dan cara jangka panjang.

Keduanya, ada juga kepala-kepala samseng yang dimasukkan ke tempat-tempat ini yang menjadi pendorong dan penggalak kepada mereka yang lain.

Dan yang ketiganya, ada juga masalah dalaman di mana mereka yang berada di pusat-pusat serenti tidak berpuas hati dengan keadaan dalaman seperti makanan dan apa juga kemudahan yang ada yang tidak begitu mencukupi.

6. **Tuan Karpal Singh [Jelutong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan akan tahap kejayaan keputusan kerajaan untuk membeli ruang masa siaran untuk rancangan Televisyen Pendidikan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang mengadakan rundingan dengan pihak Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn. Berhad (MTEOR) mengenai sewaan masa siaran ataupun air time rancangan TV Pendidikan.

Sekiranya persetujuan tercapai, penyiaran TV Pendidikan akan diuruskan oleh MTEOR bagi mengambil alih penyiaran yang selama ini dibuat melalui TV2 RTM. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan mempunyai cita-cita untuk menubuhkan TV Pendidikan, tidak campur yang lain, hanya pendidikan for 24 hours dan sebagainya.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Baru-baru ini saya mendengar iaitu kementerian ataupun Jabatan Pendidikan akan menyambungkan TV Astro kepada semua sekolah di seluruh Malaysia, itu pandangan yang saya dapati. Persoalan saya, sama ada betul ataupun pun tidak. Yang kedua, apakah relevannya kalau Astro ini disambungkan ke sekolah-sekolah, oleh kerana kalau kita pandang dalam Astro apa yang ada ialah CNN News dan cerita-cerita daripada Hollywood ataupun Bollywood.

Jadi, benda-benda ini tidak ada langsung corak pendidikan dan kenapa pula di rumah, murid-murid ini sudah diberi dengan saluran TV yang begitu banyak sekali. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jelaskan sedikit. MTEOR ini ialah sebuah konsortium antara universiti-universiti tempatan yang mengendalikan pendidikan jarak jauh dan pihak MTEOR akan menyewa masa siaran daripada Measat Broadcasting Network System iaitu pengendali televisyen satelit pertama Malaysia di bawah jenama Astro bagi tujuan program PJJ.

Untuk tujuan itu, pihak Astro menawarkan pakej pendidikan yang mengandungi saluran pendidikan selama 16 jam sehari bagi program PJJ dan lima saluran lain iaitu *Discovery*, *National Geography*, *Asian Learning Week*, *CNN* dan *Disney*.

Jadi, pihak MTEOR akan menyewa juga masa siaran selama empat jam sehari bagi penyiaran TV Pendidikan dan dari segi kementerian, kita akan membekalkan kepada sekolah-sekolah *decoder* dan *satellite disc* dan sekolah-sekolah yang belum ada terpaksa membeli TV sahaja, serupa juga macam sekarang ini melalui TV2 kerajaan membiayai kos untuk mengendalikan program ini.

7. **Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementeriannya untuk menangani masalah yang dihadapi oleh pembeli rumah yang dipaksa menerima kunci rumah daripada pemaju rumah, walaupun kualiti rumah itu kurang memuaskan ataupun rumah itu belum dibekalkan dengan elektrik dan air dan tanpa sijil kelayakan menduduki (C.F.).

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, surat perjanjian jual dan beli di antara pemaju dan pembeli mensyaratkan supaya setiap penyerahan pemilikan kosong dikeluarkan kepada pembeli apabila perakuan dikeluarkan oleh arkitek pemaju memperakukan bahawa bangunan tersebut telah siap dengan sewajarnya. Bekalan air dan elektrik telah sedia untuk penyambungan ke bangunan tersebut dan pemaju telah memohon dikeluarkan sijil layak menduduki dari pihak berkuasa tempatan. Pada lazimnya bekalan air dan elektrik akan disambung sebaik sahaja sijil kelayakan menduduki (CF) diperolehi.

Sekiranya kualiti bangunan kurang memuaskan maka pembeli hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada pemaju untuk mengambil tindakan pembaikan selaras dengan surat perjanjian jual dan beli. Sekiranya tidak ada sebarang reaksi dari pemaju dalam tempoh 30 hari pembeli boleh memberikan notis hendak memperbaiki sendiri kerosakan tersebut dalam tempoh 14 hari.

Sekiranya masih juga tidak ada apa-apa respond, maka pembeli boleh memperbaiki sendiri kerosakan dan mendapatkan kos pembaikan tersebut dari wang yang dipegang oleh peguam cara pemaju sebagai pemegang amanah atau stakeholder pemaju.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Baru-baru ini saya ada satu kes yang mana dapat aduan daripada pembeli-pembeli di Skudai Plaza di Skudai yang mana pemaju telah menutup Skudai Plaza itu dan pembeli-pembeli kedai dalam kompleks itu telah tidak dapat berniaga di dalam kompleks itu. Apakah perlindungan dan nasihat Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri dalam hal ini kerana saya sebagai Ahli Parlimen kawasan itu hingga masa sekarang tidak dapat mengambil tindakan untuk menolong pihak pembeli di dalam kompleks itu. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemaju Perumahan hanya dikuasai oleh pemaju-pemaju yang memajukan rumah kediaman di atas kedai tetapi kalau bangunan-bangunan tersebut hanya untuk maksud komersial atau industri maka pemaju seperti itu adalah di luar daripada Akta Pemaju Perumahan. Oleh sebab itu, maka kementerian ini pun tidak dapat mengambil apa-apa tindakan secara undang-undang yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sedang diambil pertimbangan dalam satu jawatankuasa mengkaji semula Akta Perumahan dan kita sedang berusaha untuk mengambil pandangan dari semua pihak termasuk juga masalah yang dihadapi oleh pihak pembeli kedai dan bangunan komersial.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapakah aduan yang telah diterima oleh kementerian Yang Berhormat daripada pembeli-pembeli rumah kerana pemaju rumah itu tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian jual beli ataupun kerana rumah yang diserahkan kepada pembeli rumah itu tidak dibekalkan air dan elektrik. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai pecahan angka tentang aduan-aduan yang diterima, tetapi secara amnya tidak banyak aduan mengenai sambungan air dan bekalan elektrik itu tidak sampai ke bangunan atau kediaman tersebut. Kebanyakan aduan atau komplain yang kita terima adalah mengenai kecacatan pembinaan dan juga mengenai lambat menyerahkan atau menyiapkan rumah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika ada specific complaint mengenai perkara ini, kita juga mempunyai satu jawatankuasa di kementerian mengenai aduan-aduan terhadap pemaju-pemaju yang kurang menunaikan tanggungjawab mereka dalam perjanjian jual beli dan kita akan mengambil tindakan terhadap perkara tersebut.

*[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]*

**9. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah petunjuk-petunjuk ekonomi dan sosial yang boleh dijadikan bukti bahawa langkah-langkah pemulihan ekonomi mengikut pendekatan kerajaan sekarang boleh dianggap mengalami perkembangan positif. Apakah dengan pertumbuhan ekonomi melebihi 4% pada tahap suku kedua tahun 1999 seperti yang dialami negara sekarang membuktikan bahawa kegawatan ekonomi negara kini sudah pulih sepenuhnya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Lipis yang dijadualkan pada 25 Oktober 1999 dan pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat bagi Tenom yang dijadualkan pada 26 Oktober 1999, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam memulihkan ekonomi telah memberi kesan yang positif. Segala petunjuk ekonomi membuktikan ekonomi negara ini sudah pulih, misalnya:

- (i) pertumbuhan KDNK benar menjadi semakin pesat iaitu daripada kadar pertumbuhan purata 1.4% pada bulan Februari dan Mac 1999 kepada 4.1% pada suku kedua tahun ini;
- (ii) pertumbuhan keluaran sektor perkilangan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 17.4% pada bulan Ogos tahun ini berbanding dengan penguncupan sebanyak 17.1% pada bulan Januari tahun ini;
- (iii) kadar pertumbuhan tahunan nilai eksport dalam Dolar Amerika Syarikat, meningkat daripada 4.3% dalam suku pertama tahun ini kepada 15.6% dalam suku kedua tahun dan 23.1% pada bulan Ogos tahun ini;
- (iv) import dalam nilai Dolar Amerika Syarikat yang menguncup sebanyak 26.2% pada tahun 1998 dan 6.6% dalam suku pertama tahun 1999 telah meningkat pada kadar 10.5% dalam suku kedua dan 24.6% pada bulan Ogos. Perkembangan ini menunjukkan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih pesat;
- (v) imbalan perdagangan pula terus mencatatkan lebih bernilai RM46.2 bilion ataupun AS\$12.2 bilion dalam lapan bulan pertama tahun ini berbanding dengan lebih sebanyak RM32.5 bilion ataupun AS\$8.2 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998;

- (vi) rizab luar negara pula meningkat daripada RM57.88 bilion ataupun AS\$20.23 bilion pada akhir bulan Ogos 1998 kepada RM119.28 bilion ataupun AS\$31.39 bilion pada akhir September 1999 iaitu mampu membiayai 6.5 bulan import tertangguh;
- (vii) kadar inflasi telah berkurangan iaitu pada kadar purata 3% dalam sembilan bulan pertama tahun 1999 berbanding dengan 5.2% dalam tempoh yang sama tahun 1998;
- (viii) jumlah jawatan kosong yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat meningkat daripada 6,005 pada bulan Ogos 1998 kepada 12,876 pada bulan Ogos 1999; dan
- (ix) indeks komposit BSKL telah meningkat sebanyak 174.5% pada 5 Oktober 1999 daripada kedudukan pada 1 September 1998.

Tuan Yang di-Pertua, dengan petunjuk-petunjuk ekonomi semasa yang mencerminkan pemulihan ekonomi negara yang semakin kukuh, maka wajarlah pelbagai pihak berpandangan ekonomi akan berkembang pada kadar positif pada tahun ini sama ada ekonomi negara berkemungkinan berkembang melebihi 1% pada tahun ini dan terus pulih sedia kala menjelang alaf baru, ini akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2000.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Korea Selatan, Thailand, apakah tahap pemulihan kita di dalam negara ini dan saya nampak ada sembilan petunjuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan dengan rizab yang cukup menampung import 6.5 bulan dan juga indeks komposit, adakah kedua-dua ini dapat membayangkan keadaan yang sebenarnya? Bukankah kalau kita cakap rizab sahaja mungkin kerana kita tidak import begitu banyak dan rizab meningkat kerana eksport lebih banyak

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bandingkan keadaan ekonomi, perlulah kita merujuk kepada petunjuk-petunjuk antaranya seperti yang telah saya sebutkan dan selain dari itu memang bolehlah kita bergantung kepada penarafan kredit Malaysia yang telah diberikan oleh agensi-agensi antarabangsa seperti Moody's yang telah menarafkan Malaysia dari stabil ke positif bagi mata wang asing, bagi bon dan deposit mata wang asing iaitu yang telah diumumkan pada 8 Oktober.

Begitu juga yang telah diberikan penarafan kredit Malaysia oleh *Fitch IBCA* iaitu kepada *investment grade BBB* daripada *non-investment grade BB* sahaja.

Dan juga boleh saya sebutkan beberapa penganalisis yang telah meningkatkan ramalan pemulihan ekonomi bagi Malaysia antarabangsa seperti *Credit Suisse*, *Fitch Boston* yang telah meramalkan Malaysia akan mencapai pertumbuhan ekonomi pada peringkat 3.9%, *Goldman Sachs* – 4.2%; *Merrill Lynch* – 4.9%; *SG Securities* – 5.6%; *Standard and Poors* – 5.2%; *Deutch Bank* – 4% dan sebagainya.

Jadi, ini adalah bukan yang kita sebutkan, ini adalah petanda-petanda dan angka-angka yang disebutkan oleh agensi-agensi dan institusi-institusi antarabangsa.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat persoalan-persoalan berhubung dengan sama ada pembangunan Malaysia itu positif ataupun negatif adalah kebanyakannya bercorak politik. Oleh kerana kita lihat sembilan petunjuk yang menunjukkan negara kita memang menunjukkan petunjuk positif yang telah membangun. Tetapi apa yang jarang dilihat ialah keadaan negara kita di samping boleh membangun sedemikian dengan tidak menggadaikan maruah negara ini kepada IMF. Itu yang utama.

Kedua, kadar dalam masa yang sama kita tidak ada orang yang menganggur. Beratus-ratus syarikat boleh diselamatkan daripada bankrap dan juga kita boleh menjadi 'host' kepada sejuta lebih pekerja asing di negara kita ini. Jadi, macam mana pandangan kerajaan dalam persoalan ini kerana perbandingan ini biasa dibandingkan dengan negara Thailand, Korea yang telah menggadaikan maruah negara mereka kepada IMF tetapi kita tidak?

Jadi, persoalan ini tidak melihat soalan berhutang ataupun tidak berhutang di negara kita ini. Macam mana pandangan kerajaan soalan ini?

**Dato' Wong See Wah:** Saya bersetujulah. Antara petunjuk-petunjuk yang lain mungkin ini adalah satu-satunya yang penting juga dalam kita menilai sama ada kita telah mencapai kejayaan yang tinggi dan boleh juga saya sebutkan satu lagi petunjuk yang penting iaitu KDNK per kapita. Seperti yang kita katakan bagi negara Malaysia bagi tahun 1998 itu, KDNK per kapita Malaysia ialah RM12,166 pendapatan setiap orang di Malaysia ini. Ini amat penting sekali kerana inilah yang menentukan taraf kehidupan kita dan inilah salah satu daripada pencapaian yang agak kita banggakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Lim Si Cheng.

**Dato' Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sehingga hari ini terdapat juga negara-negara..... minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat yang ke-10 itu.

*[Ketawa]*

10. **Dato' Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bagaimana dan kenapa MAS menghadapi kerugian sebanyak RM643 juta dalam tahun 1998 sebagaimana yang dilaporkan baru-baru ini; dan
- (b) sama ada negara kita merupakan salah sebuah daripada negara-negara yang masih belum memenuhi keperluan Y2K sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak ICAO bagi memastikan keselamatan penerbangan pada tahun 2000.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dia hendak jawab soalan saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi Tahun Kewangan 1998/1999, MAS telah mencatat kerugian sebanyak RM578.9 juta. Kerugian ini pada dasarnya adalah hasil dari kegawatan ekonomi yang melanda beberapa negara di kawasan Asia Pasifik termasuk Malaysia dan dalam hal ini MAS telah mengalami tekanan ekonomi yang hebat ke atas prestasinya.

Dalam tempoh masa berkenaan kesemua laluan domestik MAS telah mencatat kerugian, sementara kebanyakan laluan antarabangsa terutamanya penerbangan di kawasan Asia dan Amerika Syarikat juga mengalami kerugian. Faktor-faktor utama MAS mengalami kerugian ini ialah kerana:

- (a) kenaikan kos operasi dan pengurusan disebabkan kejatuhan nilai Ringgit, penurunan permintaan trafik secara keseluruhan serta kemerosotan hasil ataupun 'yield', dengan izin. Adalah dijangka dengan pemulihan ekonomi negara yang sudah mula menunjukkan tanda-tanda yang positif, prestasi jangka masa sederhana MAS akan juga bertambah baik.
- (b) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia adalah antara negara yang akan memenuhi keperluan Y2K seperti yang

ditetapkan oleh International Civil Aviation Organization (ICAO). Jabatan Penerbangan Awam Malaysia yang diberi tanggungjawab selaku penyelaras untuk sektor penerbangan telah melaksanakan segala keperluan yang telah ditetapkan ICAO bagi memastikan semua sistem dengan izin, 'mission critical' meliputi sistem kawalan trafik udara, sistem-sistem lapangan terbang dan Syarikat Penerbangan Malaysia telah mencapai kepatuhan hampir 100%. Pada keseluruhannya sektor penerbangan akan mencapai tahap kepatuhan 100% menjelang akhir bulan November, awal bulan Disember 1999 sejajar dengan keperluan kerajaan dan ICAO. Pelan tindakan kontinjensi dari segi teknikal dan pergerakan penerbangan telah juga disediakan.

**Dato' Lim Si Cheng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, ingin saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada terdapat juga negara-negara yang masih belum memperolehi keperluan Y2K. Dalam hubungan ini adakah negara kita akan membenarkan penerbangan dari negara-negara yang masih belum memenuhi keperluan Y2K mendarat di lapangan terbang negara kita dan sebaliknya adakah juga penerbangan negara yang masih belum memenuhi keperluan Y2K dibenarkan masuk ke negara kita.

**Dato' Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini yang selalu dibincangkan dan perkara ini yang sampai sekarang belum habis-habis kita bincangkan. Masalah Y2K ini bukan masalah negara kita bersedia. Kalau negara kita bersedia 100% pun, negara yang lain itu belum bersedia, maka kita terpaksa menggunakan Kontinjensi Pelannya, sebab kalau hendak guna Y2K, maknanya semua negara mesti sedia dengan Y2K. Jika negara ini sedia, negara lain tidak sedia pun masalah juga. Oleh sebab itu kita ada Kontinjensi Pelan. Kontinjensi Pelan inilah yang akan digunakan jika negara-negara yang tidak sedia dengan Y2K. Sebab itu dia tanya ada Kontinjensi Pelan? Kita akan gunakan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang diketahui umum di antara strategi yang digunakan untuk mengurangkan kerugian MAS ialah mengurangkan servis di dalam penerbangan

termasuk dalam kelas bisnis, tidak ada pencucuk gigi, 'towel' pun daripada kain kepada plastik dan seterusnya.

Saya ingin bertanya adakah ini telah betul-betul mengurangkan perbelanjaan ataupun sebaliknya pula mengurangkan pelanggan oleh kerana *standard servis* yang telah menurun?

**Dato' Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang servis, kita anggap kita cakup agaknya secara realitif kalau kita bandingkan dengan sistem-sistem penerbangan yang lain. Walaupun, apa yang dikatakan tentang MAS, maka '*relatively speaking*' dengan izin, kita lebih baik daripada sistem-sistem penerbangan yang lain.

Walau bagaimanapun, apa strategi MAS ialah kita hendak memberikan perkhidmatan yang baik tetapi di samping itu juga hendak mengurangkan kerugian. Tidak bermakna bahawa hendak mengurangkan kerugian, kita mengurangkan perkhidmatan. Kita hendak menjaga perkhidmatan serta status yang baik tetapi mengurangkan kerugian dan cara mengurangkan kerugian bukan sahaja dari segi servis tetapi dari segi lain-lain banyak lagi.

11. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan supaya menyegerakan penempatan guru-guru terlatih sama ada daripada Maktab Perguruan atau Universiti (Gred PPPLD DGA 6/PPPS DG3) di sekolah-sekolah kerajaan yang bersesuaian demi menjaga nama baik dan imej Kementerian Pendidikan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan menempatkan guru-guru terlatih dengan serta merta sekiranya terdapat kekosongan jawatan.

Untuk makluman, guru-guru lepasan Maktab Perguruan keluaran bulan Jun 1999, terpaksa ditempatkan di sekolah secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kekosongan jawatan. Pada masa ini terdapat seramai 4,412 orang guru yang belum ditempatkan. Bagi guru-guru siswazah terlatih, pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah DG3, Kementerian Pendidikan tidak menghadapi masalah untuk menempatkan guru-guru ini.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan mengapakah berlakunya masalah sukar untuk menempatkan guru-guru daripada kelulusan maktab ini? Adakah perancangan dibuat kurang teliti oleh pihak kementerian ketika mengambil guru-guru pelatih? Baru-baru ini masalah penempatan guru ada dibincangkan di dalam surat khabar yang mengatakan guru-guru ini tidak mahu dihantar keluar.

Jadi, saya hendak tanya adakah kementerian bercadang supaya membuat satu dasar di mana guru-guru ini diberikan keutamaan mengajar di kawasan masing-masing seperti mana di tempat asalnya kerana ini boleh mendatangkan kebaikan kepada guru dan masyarakat setempat. Mereka boleh memberi khidmat dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela jika mereka dapat duduk di kampung masing-masing. Adakah kementerian bercadang untuk membuat dasar seperti yang saya cadangkan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Dua perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, pasal apa keadaan ini jadi macam ini. Sebenarnya kita ada membuat pengambilan berganda '*double intake*' pada satu ketika dan ini disebabkan pada masa itu perancangan ataupun unjuran itu dibuat begitu rupa, maka pengambilan berganda ataupun '*double intake*' itu dibuat dan adalah tersasul sedikit.

Saya kena mengakulah tetapi kita tengah cari jalan tentang cara mana untuk kita selesaikan. Insya-Allah, mengikut perbincangan-perbincangan yang telah kita buat di peringkat kementerian, seramai 4,000 orang guru yang belum ditempatkan ini akan dapat kita tempatkan selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Kedua, soalan penempatan guru-guru. Umumnya ada perjanjian yang dibuat di mana guru-guru ini menerima sekiranya mereka ditempatkan di mana-mana sahaja di negara kita ini. Namun begitu, kalau sekiranya ada pandangan untuk menempatkan guru-guru di tempat masing-masing, ini adalah satu perkara yang boleh kita teliti tentang untung rugi dan buruk baiknya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada langkah yang tersasul oleh kementerian. Kita dengar ada kelebihan sekarang tidak dapat ditempatkan. Tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan di manakah kita

masih mendapat kekurangan guru dan jenis guru yang kita kurang sekarang ini? Apakah bilangan yang dikurangkan sekarang ini?

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah sebahagiannya kita ada kelebihan. Namun sebahagian yang lain, kita ada kekurangan, kekurangan mungkin kerana mata pelajaran yang tertentu.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, kita dalam Barisan Nasional kalau ada buat silap, kita mengakui. Ya, kita tidak ada bohong-bohong, tidak ada cakap bohong. Kita mengaku dan kita cuba perbetulkan. Itu yang kita buat dan ini pun sesuai dengan kehendak agama Islam.

Jadi, saya telah katakan tadi yang seramai 4,412 orang ini kita akan selesaikan penempatannya selewat-lewatnya bulan Disember akhir tahun ini. Tidak ada masalah, satu.

Kedua, tentang kenapa separuh terdapat kelebihan dan ada yang dapat kekurangan? Yang Berhormat, yang kurang guru tentang mata pelajaran yang tertentu, kekurangan guru-guru ini, satu terhadap mata-mata pelajaran yang tertentu seperti Matematik, Sains, Bahasa Inggeris. Yang satu lagi kekurangan guru-guru dalam mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Tamil.

Jadi, keadaan ini berlaku kerana misalnya kalau soal kekurangan guru Bahasa Cina dan Tamil kita sudah longgarkan syarat. Itu pun masalahnya kita tidak dapat cukup calon '*not enough candidates*' dengan izin, ini masalah kita. Kita sudah longgarkan syarat-syarat itu. Begitu juga tentang guru-guru untuk mata pelajaran utama teras yang saya katakan tadi. Kita berhadapan dengan masalah hendak mendapatkan calon-calon ini.

Jadi, kita sentiasa berikhtiar. Kita pun faham tentang perlunya, pentingnya guru-guru ini dicari dan ditempatkan di semua jenis sekolah untuk membolehkan anak-anak kita belajar dengan sebaik mungkin. Terima kasih, faham? [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, terlampau bersopan itu.

12. **Tuan Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kementerian dapat menyelesaikan kes-kes projek perumahan yang tidak dapat diselesaikan oleh pihak pemaju; dan
- (b) bilangan projek terbengkalai di negeri Kedah dan apakah tindakan yang diambil terhadap projek terbengkalai "Taman Sri Gedung" di Sungai Petani, Kedah.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian:

- (a) mulai tahun 1989 hingga akhir tahun 1998 sebanyak 311 projek terbengkalai ini telah berjaya dipulihkan. Kemajuan ini memberi faedah kepada 42,215 orang pembeli yang melibatkan sebanyak 57,650 buah unit rumah. Daripada jumlah itu sebanyak 32 projek telah dapat disiapkan dan menunggu Sijil Kelayakan Menduduki (C.F.O). Mana kala 279 projek yang disiapkan telah diperolehi C.F.O;
- (b) negeri Kedah terdapat 22 buah projek terbengkalai. Projek terbengkalai Taman Seri Gedung di Sungai Petani, Kedah adalah di dalam kajian kemungkinan untuk pemulihan. Pihak Syarikat Gedung Corporation Sendirian Berhad telah memaklumkan jawatankuasa kerja projek terbengkalai negeri Kedah berhubung hasrat pemulihan projek tersebut.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bukankah kerajaan telah mensyaratkan bahawa untuk sesuatu projek perumahan satu akaun khas perlu diwujudkan supaya segala perlepasan bayaran kepada pemaju cuma boleh dibuat setelah mendapat pengesahan siapnya projek dari satu peringkat ke satu peringkat.

Jadi, apakah sebabnya masih boleh berlaku projek-projek terbengkalai? Adakah ini disebabkan langkah itu tidak dikuatkuasa dengan baik dan kurang pemantauan oleh pihak kementerian dan apakah langkah yang boleh diambil terhadap arkitek dan bank yang tidak mengikut syarat tersebut?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, angka atau statistik yang saya sebutkan tadi mulai tahun 1989 dan kini apabila akaun khas yang diwajibkan oleh semua

pemaju, masalah projek terbengkalai sekarang sudah kurang dengan banyak dan ada sebabnya sekarang kita tengok dalam dua tahun ini ada pertambahan sedikit projek terbengkalai. Ini disebabkan masalah kegawatan ekonomi yang mengakibatkan pihak pemaju menghadapi masalah pinjaman daripada bank. Kerana kita tahu ada setengah-setengah pemaju ini kena mengadakan pinjaman yang besar dan apabila pinjaman itu tidak dapat disalurkan daripada bank kepadanya, maka mereka menghadapi masalah 'cash flow' dan oleh sebab itu adalah projek seperti itu dilambatkan atau ditangguhkan sementara dan kini kebanyakan projek ini sudah berfungsi semula untuk melanjutkan pembinaannya.

Saya memang setuju dengan Yang Berhormat, akaun khas ini memang patut kita beri pemantauan yang lebih ketat supaya akaun ini tidak disalah guna dan hari ini memang pemantauan atau pengawasan itu dibuat kerap kali.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Petua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa masalah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai sekarang ini ialah kerana terpaksa memenuhi kehendak-kehendak IWK. Saya mengambil contoh seperti di kawasan saya, Taman Masedi di bawah pemaju 'Nagati Sdn. Bhd.' sekarang ini sudah diberi kepada Price Waterhouse untuk buat. Semasa layout perumahan itu dibuat, IWK belum wujud pun. Jadi, bila ia hendak mulakan projek ini maka syarat-syarat yang ditetapkan oleh IWK terpaksa dipenuhi. Jadi, mereka terpaksa *adjust* sana dan sini kadang-kadang pemaju tidak boleh memenuhi syarat-syarat IWK ini. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan ataupun kementerian akan ambil supaya mana-mana pemaju yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat IWK ini diberikan pengecualian supaya projek ini terus dapat dijalankan?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Tuan Yang di-Petua. Mengenai projek yang *layout* nya sudah diluluskan sebelum IWK diwujudkan atau Akta Pembetungan itu diwujudkan, maka projek ini bolehlah kita memberi sedikit kelonggaran. Kalau Yang Berhormat dapat terus merujuk projek itu kepada saya, saya akan ambil perhatian kepada perkara ini dan berbincang dengan pihak Jabatan Pembetungan untuk menyelesaikan masalah ini.

*[Soalan No. 13 - Tuan Paulis Nointien [Penampang] tidak hadir]*

**14. Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan kekurangan guru terlatih yang dihadapi oleh Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan setakat manakah usaha-usaha kementerian untuk mengatasi masalah ini berjaya.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Petua, pada masa ini kekurangan guru terlatih di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ialah seramai 1982 orang dan di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) pula ialah seramai 316 orang.

Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah ini antaranya:

- (i) meningkatkan unjuran pengambilan bagi bidang pengajian Cina dan Tamil;
- (ii) melonggarkan syarat-syarat kelayakan minimum;
- (iii) mengadakan temuduga terbuka (*walk-in interview*); dan
- (iv) menemuduga semua calon yang memohon pengkhususan pengajian Cina dan Tamil yang lulus kelayakan pendidikan guru.

Terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Petua, soalan tambahan. Memandangkan masih ada kekurangan guru Bahasa Cina dan saya difahamkan bahawa Jabatan Pendidikan juga ada menggaji guru dari negara China untuk mengajar di sini, setakat ini berapa orang guru negara China telah datang sini untuk mengajar Bahasa Cina?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Petua, saya minta maaf, kalau hendak spesifik angka itu saya tidak ada sekarang, saya boleh siasat berapa yang ada.

**Tuan Yang di-Petua:** Ya, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No .4, 8, 13 dan 15 hingga 24 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 1999****Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.08 pagi**

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 digubal ekoran daripada satu perakuan yang terkandung dalam Pelan Induk Tindakan Sosial - PINTAS yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 Mei 1997. Pelan induk berkenaan telah memperakukan supaya dikaji semula undang-undang berkaitan aspek sosial. Selaras dengan perakuan tersebut, satu jawatankuasa khas mengkaji semula undang-undang sosial yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, telah ditubuhkan.

Ahli-ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Jawatankuasa ini telah memutuskan supaya disediakan suatu kertas kerja bagi membincangkan isu-isu perundangan berkaitan dengan kanak-kanak dan remaja sahaja. Sebagai memenuhi kehendak tersebut, kertas yang disediakan menyentuh mengenai undang-undang sosial masa kini yang berkaitan dengan kanak-kanak dan remaja....

**Tuan Yang di-Petua:** Yang Berhormat, sekejap ya. Tidak ada suara ya, tidak dengar.

**Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tarik mike ke hadapan sedikit.

**Tuan Yang di-Petua:** Ya.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** ....kelemahan-kelemahan perundangan yang ada falsafah dan pendekatan untuk menghasilkan undang-undang baru serta implikasinya. Berdasarkan kertas yang disediakan, jawatankuasa khas mengkaji semula undang-undang sosial telah memutuskan agar digubal satu undang-undang baru yang lebih mantap dan mampu menangani masalah sosial yang melanda golongan kanak-kanak dan remaja masa kini.

Tiga akta utama, iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, yang berkaitan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak dan remaja dicadang digabungkan di dalam satu akta baru.

Suatu pasukan perunding tempatan diambil berkhidmat oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menyediakan draf awal Rang Undang-undang Kanak-kanak. Draft tersebut kemudian telah disemak, diteliti dan disediakan semula oleh Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Petua, sejak kebelakangan ini terdapat perubahan ketara dalam kehidupan masyarakat Malaysia sama ada dari segi sosial, kebudayaan atau perhubungan 'interpersonnel'. Pembangunan pesat ekonomi negara, proses industrialisasi, urbanisasi serta migrasi dari luar bandar ke pusat-pusat bandar merupakan faktor-faktor yang telah memberi kesan terhadap nilai, kepercayaan, sikap dan corak hidup yang sedia ada. Perubahan-perubahan ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial dan juga memberi dimensi baru kepada masalah sosial yang sudah lama wujud di negara ini. Gejala-gejala seperti penganiayaan kanak-kanak, pembuangan bayi, rogol di kalangan kanak-kanak, jenayah kanak-kanak, kenakalan juvana (*juvenile delinquency*), kehamilan remaja, fenomena lari dari rumah, bohsia, amalan lepak dan pelacuran yang dikaitkan dengan golongan kanak-kanak dan remaja menjadi petanda bahawa undang-undang sedia ada yang telah lama diterima-pakai sebagai satu mekanisma untuk mengatasi masalah sosial kini dipersoalkan dan diragui keberkesanannya.

Masyarakat umum mula menyuarakan kebimbangan terhadap penguatkuasaan dan peranan undang-undang sebagai satu mekanisma pengawalan, pengawasan dan perubahan.

Penganalisaan secara imbasan, peruntukan undang-undang yang sedia ada seolah-olah telah memenuhi semua keperluan dan hak kanak-kanak dan remaja tetapi penganalisaan secara mendalam menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk diperbaiki dan dikemaskinikan. Selaras dengan Wawasan 2020, adalah wajar supaya digubal satu undang-undang baru yang mengambilkira tanggungjawab semua pihak khususnya individu itu sendiri, ibu-bapa dan keluarga serta ahli masyarakat keseluruhannya untuk menjamin kehidupan, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak.

Di samping itu, undang-undang ini perlu juga mempunyai elemen membimbing dan mendidik kanak-kanak dan remaja supaya bertanggungjawab terhadap diri sendiri, ibu bapa, keluarga, masyarakat dan negara. Keluarga merupakan unit asas sosialisasi kanak-kanak dan remaja. Pembangunan institusi keluarga yang mantap merupakan satu keperluan untuk menangani penyakit sosial masa kini terutama yang melanda kanak-kanak dan remaja. Sistem kekeluargaan di negara ini telah tergugat dengan pelbagai cabaran terutamanya perubahan dalam struktur keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh media dan budaya asing. Kewujudan keluarga yang tidak stabil atau keluarga yang diketuai oleh ibu atau bapa tunggal akan memberi implikasi ke atas corak dan cara gaya kehidupan kekeluargaan terutamanya dalam aspek penjagaan dan pendidikan anak.

Bagi membolehkan seluruh keluarga terus memainkan peranan sebagai agen sosialisasi yang berkesan, penggubalan undang-undang baru perlu mengambilkira aspek perkhidmatan sokongan kepada keluarga terutamanya keluarga yang menghadapi pelbagai masalah. Peruntukan yang mewajibkan kaunseling bagi keluarga serta anak yang didera atau yang melakukan salahlaku akan dapat membantu keluarga berkenaan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi daripada diambil tindakan yang bercorak punitive dari segi penguatkuasaan undang-undang.

Penggubalan Rang Undang-undang Kanak-kanak bertujuan menyelaraskan apa-apa pertindihan yang terdapat dalam Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, bagi mengelakkan berulang masalah penguatkuasaan.

Turut diberi penekanan ialah aspek kehidupan, perlindungan, pembangunan, peranan dan tanggungjawab keluarga serta penyertaan masyarakat dalam pembangunan kanak-kanak.

Pada masa yang sama undang-undang baru ini juga perihatin dan peka kepada perspektif kanak-kanak bertujuan untuk membentuk sahsiah kanak-kanak pada masa hadapan. Sebagai sebuah negara yang maju dan berada di arena antarabangsa, Malaysia turut terlibat untuk mengikuti ketetapan global. Kepentingan hak asasi kanak-kanak telah pun diberi keutamaan dalam Deklarasi Vienna dan rancangan tindakan mengenai hak asasi manusia yang menyatakan bahawa:

*“In all actions concerning children, non discrimination and the best interest of the child should be primary considerations and the views of the child given due weight. National and international mechanisms and programmes should be strengthened for the defence and protection of children in particular, the girlchild, abandoned children, street children, economically and sexually exploited children, including through child pornography, child prostitution or sale of organs, children victims of diseases including acquired immuno deficiency syndrome, refugee and displaced children, children in detention, children in armed conflict, as well as children victims of famine and drought and other emergencies. International cooperation and solidarity should be promoted to support the implementation of the convention and the rights of the child should be a priority in the United Nations system-wide action on human rights. The World Conference on Human Rights also stresses that the child could for the full harmonious development of his or her personality should grow up in the family environment which accordingly merits broader protection”.*

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 merupakan suatu usaha kerajaan untuk mengadakan peruntukan undang-undang yang lebih baik dan rapi bagi memelihara, melindungi dan memulihkan kanak-kanak demi untuk kesejahteraan mereka. Mukadimah atau “*preamble*” rang undang-undang ini mengandungi falsafah

dan prinsip-prinsip am yang memberi garis panduan mengenai semua aspek yang melibatkan kanak-kanak dengan merujuk terutamanya kepada konvensyen mengenai hak kanak-kanak.

Mukadimah Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 mengiktiraf bahawa kanak-kanak merupakan kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran negara. Kanak-kanak juga berhak mendapatkan perlindungan dan bantuan dalam segala hal tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan seperti ras, asal usul budaya dan agama. Rang undang-undang ini juga mengakui dan mengiktiraf bahawa keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembesaran, penyaraan dan kebajikan kanak-kanak. Dengan itu keluarga juga wajar diberi bantuan yang perlu untuk membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab mereka sepenuhnya sebagai sumber pemeliharaan, penyaraan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak dalam masyarakat.

Rang undang-undang ini juga telah mengambil kira perbezaan dari segi umur yang terdapat di antara tiga akta utama sedia ada, yang telah menimbulkan kesulitan semasa menguatkuasakan undang-undang ini. Takrif “kanak-kanak” diberi erti seseorang yang berumur kurang dari 18 tahun. Walau bagaimanapun umur bagi tanggungjawab jenayah kekal pada umur 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 mengandungi 15 bahagian dan 135 fasal kesemuanya. Izinkan saya memberi huraian ringkas mengenai bahagian-bahagian berkenaan serta menyentuh dan menjelaskan beberapa peruntukan yang penting:-

- (i) mengandungi penjelasan mengenai pemakaian dan tarikh permulaan kuatkuasa rang undang-undang dan peruntukan mengenai tafsiran;
- (ii) memperkatakan penubuhan fungsi keanggotaan mesyuarat dan perjalanan majlis penyelarasan bagi perlindungan kanak-kanak. Antara fungsi majlis ialah bertanggungjawab menasihati menteri tentang segala aspek perlindungan kanak-kanak. Mengesyorkan

perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan perkhidmatan kanak-kanak. Membangunkan program untuk mendidik orang ramai dalam pencegahan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak dan bertindak sebagai penasihat mengenai pengurusan, operasi dan amalan pasukan pelindung kanak-kanak di seluruh Malaysia . Majlis dalam hal ini boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi membantu melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah rang undang-undang ini. Di samping itu, majlis juga hendaklah menubuhkan pasukan perlindungan kanak-kanak di seluruh Malaysia bagi menyelaraskan perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;

- (iii) memperkatakan perlantikan dan kuasa perlindungan, pendaftar besar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, pendaftar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pegawai akhlak;
- (iv) memperkatakan penubuhan dan bidang kuasa mahkamah bagi kanak-kanak.

Semua perkara yang terkandung di bawah rang undang-undang sepadu ini hendaklah diuruskan di hadapan mahkamah bagi kanak-kanak ini. Mahkamah bagi kanak-kanak terdiri daripada seorang hakim. Mahkamah Sesyen hendaklah dikecualikan dalam hal yang diperuntukan dalam Fasal 11(2), dibantu oleh dua orang penasihat, seorang daripadanya mestilah seorang wanita.

Fungsi penasihat adalah untuk menasihati mahkamah bagi kanak-kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat terhadap mana-mana kanak-kanak yang dihadapkan ke mahkamah itu dan jika perlu untuk menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang terlibat.

Bahagian ini juga memperuntukan bahawa jika dapat dilaksanakan, mahkamah bagi kanak-kanak hendaklah bersidang di tempat atau hari-hari yang berlainan daripada

tempat atau hari persidangan mahkamah yang lain. Turut diperuntukkan ialah larangan terhadap penyiaran nama, alamat, gambar dan apa-apa maklumat mengenai kanak-kanak yang terlibat. Dalam konteks ini mahkamah bagi kanak-kanak mewajibkan pengwujudan persekitaran yang mesra kanak-kanak atau *child-friendly* dan ini amat penting untuk memahami dan memulihkan kanak-kanak demi kesejahteraan mereka.

Bahagian V mengandungi peruntukan berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Peruntukan yang sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukkan dalam Bahagian IV, V, M dan VII Akta 468 antara lain:-

- (a) pelbagai hal keadaan yang mesti wujud sebelum seseorang kanak-kanak boleh digolongkan sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan diperihalkan dalam Fasal 17;
- (b) jagaan sementara dan pemeriksaan dan rawatan perubatan masing-masing dalam Fasal 18 dan 21; dan
- (c) kesalahan berhubung dengan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak yang diperihal dalam Bab 3. Pemberitahuan apabila mengambil kanak-kanak dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan diperuntukkan dalam Bab 4.

Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam Akta berhubung dengan Bahagian ini seperti yang berikut:-

- (i) Fasal 28 dan 29 bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas tiap-tiap anggota keluarga seseorang kanak-kanak dan pengasuh kanak-kanak untuk memberitahu seseorang pelindung jika dia mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu telah dianiayai dan Akta 498 hanya meletakkan tanggungjawab kepada seorang pengamal perubatan atau pegawai perubatan untuk melaporkan kejadian penganiayaan. Peruntukan ini bertujuan

memastikan bahawa anggota keluarga dan pengasuh kanak-kanak lebih bertanggungjawab dan mengambil berat mengenai keadaan kanak-kanak yang didera, terbiar dan sebagainya.

- (ii) Apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam mana-mana perintah yang dibuat oleh mahkamah bagi kanak-kanak di bawah Fasal 30 tidak boleh melampaui tarikh kanak-kanak yang dimaksudkan dalam perintah itu mencapai umur 18 tahun.
- (iii) Sesuatu perintah yang dikeluarkan di bawah Fasal 30(1)(e) untuk meletakkan seseorang kanak-kanak dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan seseorang ibu atau bapa peliharaan (*foster parent*) perlu dilaksanakan dengan serta-merta. Jika kanak-kanak itu tidak dituntut dalam tempoh yang disebut dalam perintah itu dan mahkamah berpuas hati bahawa langkah-langkah yang munasabah telah diambil oleh pelindung untuk mengesan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak, keizinan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak bagi pengangkatan kanak-kanak itu hendaklah dikecualikan.
- (iv) Perintah-perintah yang dikeluarkan boleh ditambah dengan syarat-syarat tertentu seperti mewajibkan ibu atau bapa atau penjaga yang ditemani kanak-kanak itu menghadiri bengkel interaktif yang diaturkan oleh pihak berkuasa tertentu. Menghendaki ibu atau bapa atau penjaga melawat kanak-kanak di tempat selamat dan sebagainya. Tujuan menambahkan syarat-syarat ialah supaya ibu atau bapa atau penjaga lebih bertanggungjawab ke atas kesejahteraan dan kebajikan anak-anak mereka sejajar dengan hasrat dan tujuan rang undang-undang ini.
- (v) Fasal 31(1) - memperuntukan penalti yang lebih berat terhadap pendera kanak-kanak iaitu denda wang tidak melebihi RM20,000 berbanding dengan RM10,000 di bawah Akta 468 atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun berbanding dengan tempoh 5 tahun di bawah Akta 468 atau kedua-duanya.

Bahagian VI mengandungi peruntukan berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan. Peruntukan sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukan dalam Bahagian III dan IV Akta 106. Peruntukan-peruntukan yang sedia ada hanya memberi perlindungan kepada kaum wanita daripada dieksploitasi secara seksual tetapi di bawah rang undang-undang ini kanak-kanak lelaki juga termasuk dalam kategori yang memerlukan perlindungan dan pemulihan. Antara lain:-

- (i) pelbagai hal keadaan yang mesti wujud sebelum seseorang kanak-kanak digolongkan sebagai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan diperihalkan dalam Fasal 38;
- (ii) pelbagai kesalahan di bawah Bahagian ini, diperihalkan dalam Bab 2.

Antara peruntukan-peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam akta berhubung dengan bahagian ini adalah seperti yang berikut:-

- (i) Apabila mahkamah bagi kanak-kanak mengeluarkan perintah meletakkan seorang kanak-kanak di suatu tempat perlindungan, Fasal 40(3)(a) atau membuat perintah meletakkan seseorang di bawah pengawasan seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat, Fasal 40(3)(d) ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dikehendaki menyempurnakan suatu bon selama tempoh perintah itu dengan syarat-syarat seperti lawatan tetap ke tempat perlindungan, memastikan kanak-kanak tinggal di dalam rumah pada masa yang dinyatakan dan sebagainya, Fasal 40(7). Peruntukan baru ini dimasukkan bagi tujuan menjadikan ibu dan bapa atau penjaga kanak-kanak lebih bertanggungjawab ke atas kelakuan kanak-kanak itu.

- (ii) Mengenai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 41(2) termasuk kanak-kanak perempuan yang hamil luar nikah. Peruntukan baru ini bertujuan memperluas ruang lingkup perlindungan di bawah fasal ini dan membolehkan kanak-kanak yang sedang hamil bersalin di tempat yang selamat. Ini juga merupakan satu cara untuk menangani masalah bayi dibuang.
- (iii) Fasal 43(1)(j) mewujudkan suatu kesalahan baru terhadap para pelanggan yang mengambil kanak-kanak untuk memuaskan nafsunya bagi apa-apa balasan berharga. Akta yang sedia ada tidak memperuntukkan hukuman kepada mereka yang mengeksploitasikan wanita dan gadis dan menimbulkan tanggapan masyarakat bahawa akta ini gender wise kerana tindakan hanya diambil terhadap wanita sedangkan kaum lelaki yang menggunakan perkhidmatan wanita tersebut terlepas daripada sebarang tindakan.
- (iv) Fasal 43 juga memperuntukkan penalti yang lebih berat terhadap mereka yang disabitkan atas kesalahan-kesalahan dalam Bab 2. Hukuman pemenjaraan dan sebatan adalah mandatori bagi mereka yang mempedagangkan atau hidup atas punca pencarian pelacuran 'bapa dan ibu ayam' dan mereka yang melanggan atau menyewa seseorang kanak-kanak untuk memberi perkhidmatan bagi nafsu seksnya. Hukuman ditambah daripada denda yang tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun kepada denda tidak melebihi RM50,000. Hukuman pemenjaraan mandatori yang tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak melebihi 15 bulan dan sebatan mandatori tidak lebih daripada enam sebatan. Untuk kesalahan kedua dan berikutnya selain hukuman pemenjaraan juga dikenakan sebatan mandatori tidak kurang daripada enam kali sebatan dan melebihi sepuluh kali.

Bahagian VII memperkatakan kanak-kanak yang tidak terkawal dan mengadakan peruntukan yang membolehkan ibu atau bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak meminta mahkamah bagi menahan kanak-kanak itu di sesuatu sekolah yang diluluskan, tempat perlindungan asrama atau pusat atau meletakkan kanak-kanak tersebut di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak.

Bahagian VIII adalah berhubungan dengan memperdagangkan dan membawa lari kanak-kanak peruntukan sedemikian pada asasnya sama dengan peruntukan yang sekarang diperuntukkan dalam Bahagian VIII Akta 468. Peruntukan baru yang terkandung dalam dalam Fasal 52 bertujuan untuk menjadikan satu kesalahan kerana membawa atau menghantar keluar seseorang kanak-kanak tanpa keizinan sewajarnya orang yang mempunyai jagaan yang sah kanak-kanak itu.

Masalah membawa lari kanak-kanak secara paksa seharusnya diberi perhatian. Ia berlaku terutama sekali apabila seorang ibu atau bapa memperolehi perintah jagaan daripada mahkamah dan pihak lagi satu tidak bersetuju atau tidak ingin menghormati perintah mahkamah itu. Peruntukan baru ini cuba menangani masalah ini. Peruntukan baru ini juga membolehkan mahkamah memerintahkan supaya dibuat satu penggeledahan untuk mencari kanak-kanak itu dan mengeluarkan perintah mendapatkan balik recovery order seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 53.

Bahagian IX memperkatakan pelbagai institusi di bawah rang undang-undang yang dicadangkan. Institusi yang dimaksudkan ialah tempat selamat iaitu tempat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak. Tempat perlindungan iaitu tempat bagi pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak, tempat tahanan asrama akhlak, sekolah yang diluluskan dan Sekolah Henry Gurney.

Fasal 67(1) dan 75(1) bertujuan untuk menyatakan pelbagai hal keadaan yang mesti wujud sebelum seseorang kanak-kanak boleh dihantar ke sesuatu sekolah yang diluluskan atau ke Sekolah Henry Gurney.

Bahagian X memperkatakan tatacara jenayah di mahkamah bagi kanak-kanak. Peruntukan-peruntukan ini pada asasnya sama dengan peruntukan yang pada masa sekarang diperuntukkan dalam Akta 90. Kanak-kanak yang dikatakan telah melakukan kesalahan jenayah tidak boleh ditangkap, ditahan atau dibicarakan kecuali mengikut rang undang-undang ini. Bahagian ini juga menyatakan tatacara mahkamah bagi kanak-kanak

apabila seseorang kanak-kanak dibawa kehadapannya bagi apa-apa kesalahan. Peruntukan-peruntukan baru yang dimasukkan ke dalam akta berhubung dengan bahagian ini adalah seperti berikut:-

- (i) Ibu atau bapa atau penjaga dikehendaki hadir pada semua peringkat prosiding di mahkamah melainkan jika dikecualikan oleh mahkamah seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 88. Ibu atau bapa atau penjaga itu boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun jika tidak hadir apabila dikehendaki berbuat demikian. Peruntukan baru ini bertujuan memastikan supaya ibu atau bapa atau penjaga tampil hadapan dan bertanggungjawab terhadap kebajikan anak-anak mereka.
- (ii) Kepentingan kanak-kanak diberi keutamaan dan dijamin seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 90 yang membenarkan ibu bapa, penjaga, mana-mana saudara atau orang lain yang bertanggungjawab membantu kanak-kanak membuat pembelaannya sekiranya kanak-kanak itu tidak diwakili oleh peguam. Sebelum sesuatu perintah dikeluarkan mahkamah perlu mendapatkan dan merekodkan semua pendapat penasihat dan walaupun keputusan mahkamah tidak semestinya terikat kepada pandangan penasihat, mahkamah perlu mencatatkan sebab-sebab tidak bersetuju dengan pandangan tersebut.
- (iii) Pelbagai perintah yang boleh dibuat oleh mahkamah bagi kanak-kanak dinyatakan dalam Fasal 91 termasuk perintah baru yang boleh dikeluarkan iaitu perintah sebatan ke atas kanak-kanak lelaki. Cara melaksanakan perintah sebat diperihalkan dalam Fasal 92.
- (iv) Untuk menanam rasa lebih tanggungjawab kepada ibu, bapa atau penjaga Fasal 93 menghendaki ibu, bapa atau penjaga menyempurnakan satu bon bersyarat bagi kelakuan baik kanak-kanak yang terlibat sebagai tambahan kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah. Sekiranya ibu atau bapa atau

penjaga melanggar mana-mana syarat bon, ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tidak melebihi RM5,000 dan jaminan jika ada boleh dilucutkan.

- (v) Fasal 95(3) memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi hendaklah membuat keputusan muktamadnya berhubung dengan semua rayuan dalam tempoh 12 bulan selepas notis rayuan difailkan. Hasrat peruntukan ini ialah supaya tidak timbul apa-apa kelengahan yang boleh menjejaskan kepentingan seseorang kanak-kanak. Bagi seseorang kanak-kanak tempoh masa adalah penting kerana umur mereka kian meningkat.
- (vi) Fasal 97(4) membolehkan Lembaga Hakim Pelawat bagi sesuatu penjara membuat semakan terhadap kes pesalah kanak-kanak yang ditahan atas limpah perkenan Yang Di Pertuan Agong atau Yang di-Pertua Negeri. Tujuan peruntukan baru ini ialah supaya pesalah kanak-kanak yang sesuai boleh dipertimbangkan untuk pelepasan dari masa ke semasa.
- (vii) Hal-hal keadaan yang membenarkan mahkamah bagi kanak-kanak membuat sesuatu perintah percubaan dinyatakan dalam Fasal 98. Perintah percubaan tidak boleh dibuat dalam hal jenayah berat. Kesalahan sengaja menyebabkan cedera parah, merogol, melakukan sumbang mahram, mencabul kehormatan, kesalahan di bawah Seksyen 377B, 377C, 377D atau 377E Kanun Keseksaan. Dengan perlakuan kesalahan berat dan kesalahan seksual yang berleluasa adalah tidak wajar untuk melepaskan terus pesalah-pesalah berkenaan dalam masyarakat walaupun dengan pengawasan.

Bahagian XI memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan kanak-kanak yang diletakkan dalam pemeliharaan seseorang yang layak dan sesuai termasuk mengenai kesalahan memindahkan atau menolong seseorang kanak-kanak melarikan diri daripada pemeliharaan seseorang yang layak dan sesuai.

Bahagian XII memberi kuasa kepada mahkamah bagi kanak-kanak untuk membuat perintah menghendaki ibu atau bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak membuat sumbangan sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah itu setelah mengambil kira kemampuan ibu atau bapa atau penjaga itu.

Bahagian XIII mengandungi peruntukan berhubung dengan penyiasatan, penangkapan, penggeledahan, penyitaan dan sebagainya.

Bahagian XIV mengandungi perkara-perkara pelbagai seperti kuasa mahkamah bagi kanak-kanak yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi, penyimpan dan penyelenggaraan daftar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan pegawai, penalti am, permulaan dan perjalanan pendakwaan, penyampaian dokumen-dokumen dan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Bahagian XV memperkatakan peruntukan pengecualian dan peralihan, dan antara lain bertujuan memansuhkan Akta 90 dan Akta 468.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 akan memansuhkan Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Manakala pindaan akan dibuat kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 melalui satu rang undang-undang yang lain untuk menghentikan pemakaian peruntukan akta itu bagi seseorang perempuan yang berumur di bawah 18 tahun. Saya penuh yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 akan memudahkan lagi urusan penguatkuasaan di samping mengelakkan kekeliruan pada semua pihak.

Peruntukan-peruntukan yang bertindih dalam ketiga-tiga akta yang sedia ada telah diselaraskan dan peruntukan-peruntukan lain yang tidak berkaitan dengan kanak-kanak telah digugur. Di samping itu peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan menekankan kepentingan terbaik bagi kanak-kanak, *best interest of the child*. Rang undang-undang ini yang turut memberi penekanan terhadap aspek pembangunan dan pencegahan dapat dilihat sebagai alat *intervency* dalam membendung gejala sosial. Rang undang-undang ini merupakan pelengkap kepada usaha-usaha menangani masalah sosial yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui pelan induk tindakan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tawau.

#### **11.48 pagi.**

**Puan Chua Soon Bui [Tawau]:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999. Saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana membentangkan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999.

Akta ini menunjukkan prihatin kerajaan terhadap kebajikan kanak-kanak. Akta ini juga memberi fokus terhadap perlindungan kanak-kanak sebagai tugas bersama semua warganegara Malaysia, ibu bapa, guru-guru dan agensi-agensi kerajaan. Akta ini bertujuan memupuk satu *environment* sihat bagi pembangunan kanak-kanak yang merupakan generasi masa hadapan Malaysia. Bagi tujuan akta ini, kanak-kanak ertinya seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah – ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 82 Kanun Keseksaan, Akta 574 di mana umur bagi tanggungjawab jenayah ditetapkan sebagai 10 tahun.

Contohnya, budak perempuan berumur 16 tahun disyaki membunuh seorang perempuan tua. Adakah budak perempuan ini dikenakan dengan siasatan dan hukuman seperti yang dikenakan pada seorang pembunuh dewasa? Mengikut definisi, kanak-kanak perempuan ini memang dilindungi tetapi berapakah tanggungjawab jenayah budak perempuan ini dikenakan. Budak perempuan ini telah melakukan jenayah berat yang telah dihuraikan dalam akta ini. Adakah budak perempuan ini dibicarakan oleh mahkamah biasa atau mahkamah kanak-kanak yang boleh memberi pertimbangan khas kepada sifat ketidakmatangan fizikal, mental dan emosinya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa seharusnya memberi perhatian terhadap sindiket yang memeralatkan kanak-kanak untuk menjalankan aktiviti-aktiviti jenayah seperti penyeludupan dadah, mengemis, pelacuran kanak-kanak atau eksploitasi seks. Lebih patut jika kanak-kanak yang terlibat dianggap sebagai mangsa, bukan penjahat atau penjenayah terutama sekali apabila kanak-kanak yang didapati terlibat dalam aktiviti jenayah itu adalah berumur 10 tahun atau kurang. Apakah tindakan yang dapat diambil oleh kerajaan supaya dapat melindungi kanak-kanak yang berumur kurang daripada 10 tahun? Sindiket jenayah tentu akan cuba memeralatkan kanak-kanak berumur kurang daripada 10 tahun untuk melakukan aktiviti-aktiviti jenayah. Bagaimanakah akta ini akan melindungi kanak-kanak ini?

Saya ingin menyarankan supaya kanak-kanak ini tidak dianggap sebagai penjenayah-penjenayah seperti mana gambaran yang biasanya diberi kepada orang ramai apabila pihak polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat siasatan. Pertimbangan khas mesti diberikan kepada sifat ketidakmatangan fizikal, mental dan moral kanak-kanak ini. Di samping itu, mereka tidak memahami tanggungjawab sosial yang diharapkan pada mereka. Adakah rekod jenayah kanak-kanak ini menjadi satu tanda hitam bagi mereka pada masa hadapan bila mereka cuba mendapatkan peluang pendidikan tinggi atau mencari peluang kerja? Adakah rekod tanda hitam ini menyusahkan permohonan pasport untuk tujuan perjalanan oleh golongan ini?

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *Employment Act*, orang muda berumur 16 tahun ke atas boleh dilantik sebagai pekerja untuk bidang-bidang tertentu. Tetapi baru-baru ini terdapat pekerja-pekerja *cashier*, kerani, pelayan-pelayan berumur dalam lingkungan 17 hingga 18 tahun di restoran karaoke ditahan oleh pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mereka didakwa terdedah kepada budaya kuning atau disyaki terlibat dalam aktiviti pelacuran. Dengan alasan ini, mereka ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak sementara menunggu siasatan. Ibu bapa mereka rasa tidak patut anak-anak perempuan mereka yang bekerja di restoran karaoke dengan jawatan-jawatan yang sah, yang dibuktikan dengan gaji bulanan, bayaran KWSP dan SOCSO telah didakwa melibatkan diri dalam aktiviti jenayah. Mereka tidak puas hati kerana walaupun kesalahan belum disiasat atau disahkan, anak-anak perempuan mereka sudah ditempatkan di Pusat Pemulihan Akhlak. Ini menjadi satu tanda hitam pada rekod mereka.

Saya ingin menyarankan bahawa kanak-kanak perempuan yang disyaki buat kali pertama perlu dirujuk kepada ibu bapa mereka dahulu dan amaran diberi. Jika perlu, kaunseling yang sesuai dijalankan, bukan terus dihantar ke pusat-pusat pemulihan akhlak. Juga dicadangkan, jika kita memang bertujuan melindungi kanak-kanak perempuan ini, kanak-kanak perempuan berumur lebih daripada 18 tahun sahaja dibenarkan bekerja di tempat-tempat seperti di restoran dan karaoke atau pusat-pusat hiburan. Padahal kebanyakan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan adalah golongan kanak-kanak yang bersekolah, maka amat logik pusat bantuan atau kaunseling disediakan di sekolah-sekolah. Guru Kaunseling dan Guru Besar boleh memberi bantuan dalam urusan kanak-kanak yang memerlukan bantuan seperti membantu membuat aduan kepada pihak polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya tindakan susulan oleh pihak berkuasa dapat diambil. Ini perlu dibuat jika disyaki ibu bapa atau ahli keluarga yang mencederakan kanak-kanak sama ada fizikal, mental atau emosi.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah adalah satu aktiviti yang biasa di kalangan remaja – satu kumpulan di bawah definisi akta kanak-kanak ini, di bawah Fasal 17(1)(f), kanak-kanak itu perlu diperiksa, disiasat atau dirawat bagi maksud memulihkan atau memelihara kesihatannya. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap kes kanak-kanak yang didapati melakukan *glue sniffing*, meminum ubat batuk dan lain-lain yang tidak diliputi oleh Akta Dadah Berbahaya. Saya cadangkan bahawa kes-kes seperti ini dimasukkan ke dalam Fasal 17(1)(f) supaya kanak-kanak ini dapat diberi bantuan rawatan dan kaunseling.

Pada masa kini, saya ingin tahu adakah rang undang-undang atau langkah-langkah untuk mengawal kanak-kanak yang menyalahgunakan *glue sniffing* dan meminum ubat batuk.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat beribu-ribu kanak-kanak pendatang tanpa izin (PTI) di negeri Sabah. Saya ingin bertanya, sama ada golongan kanak-kanak PTI diliputi dalam bidang kuasa Akta Kanak-kanak 1999 ini. Kanak-kanak PTI yang semakin ramai ini juga memberi kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat Sabah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan mesyuarat*]

Di Tawau, terdapat beribu-ribu kanak-kanak PTI yang berumur antara 3 hingga 15 tahun dan yang tidak berdokumen sah. Mereka menjual rokok, makanan, menggosok kasut dan lain-lain untuk mencari rezeki hidup. Malah ramai yang mengemis atau mencari makanan di tong-tong sampah. Masalah yang serius berlaku apabila kanak-kanak ini ditangkap oleh pihak berkuasa tetapi tiada ibu bapa yang sudi menuntut atau mengambil balik kanak-kanak ini. Akhirnya, pihak berkuasa tidak dapat berbuat apa-apa dengan anak-anak ini dan terpaksa membebaskan sahaja mereka.

Saya berharap akta ini dapat juga memberi perlindungan kepada kanak-kanak PTI supaya mereka tidak menjadi satu masalah sosial yang kian merebak di negeri Sabah. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah kanak-kanak PTI ini padahal mereka ini bukan warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi kanak-kanak lelaki tertembak oleh peluru pistol yang dimainkan oleh kakaknya adalah satu peristiwa yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa dan juga pihak berkuasa termasuk pihak polis berkaitan dan perlesenan dan penjagaan senjata api. Kecuaian ibu bapa dalam menjaga senjata api secara selamat telah menyebabkan tragedi tersebut. Di Amerika Syarikat pula hak asasi manusia dan kebebasan rakyat Amerika Syarikat memiliki senjata api sudah membawa kesan buruk baru-baru ini. Murid-murid beberapa buah sekolah menengah didapati menembak rakan-rakan sekolah dengan pistol dan senapang. Ramai yang mati atau tercedera.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya Akta Kanak-kanak 1999 menyediakan peruntukan undang-undang untuk mengharamkan penggunaan senjata api oleh kanak-kanak yang kurang daripada umur 18 tahun dan jika ibu bapa didapati cuai dalam menjaga senjata api yang didaftar di bawah nama mereka maka lesen senjata api berkenaan mesti ditarik balik oleh pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melindungi kanak-kanak yang ditempatkan di pusat-pusat pemulihan akhlak atau sekolah-sekolah khas, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan jagaan dan pendidikan yang sesuai dapat menjamin masa depan kanak-kanak ini. Saya berharap selepas akta ini diluluskan dan mulai dikuatkuasakan penerangan yang lengkap terhadap akta ini perlu didedahkan kepada orang awam dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Diharap dengan cara ini tiada berlakunya kes-kes salah

tafsir atau salah guna akta ini sehinggakan ianya merugikan kanak-kanak yang perlu diperlindungi itu.

Dengan kata-kata ini saya memohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mertajam.

**12.02 tgh.**

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat atas pembentangan rang undang-undang ini.

Undang-undang negara ini sentiasa dipinda dan dikemaskinikan selaras dengan perubahan-perubahan yang dibawa oleh kemajuan masyarakat dan pembangunan negara. Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 dimansuhkan dengan peruntukan dalam akta baru ini. Akta Kanak-kanak 1999 bertujuan menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkaitan yang bersampingan dengannya.

Jika dipelihara, dijaga, diberi pendidikan, ditunjuk ajar pendidikan moral dan agama, kanak-kanak yang berpengetahuan dan bersopan santun bukan sahaja menjadi aset kepada keluarga tetapi menjadi aset kepada negara kita juga. Justeru itu keluarga dan pihak berkuasa kerajaan seharusnya bersama-sama memikul tanggungjawab untuk melindungi kanak-kanak dari semua bentuk ancaman, bahaya dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh mereka dalam masyarakat.

Prinsip pendidikan dan kebudayaan Timur menegaskan bahawa asuhan dan pendidikan kanak-kanak mula di peringkat keluarga. Kemudian ditambah pula pendidikan sekolah, seterusnya di peringkat masyarakat ditambah lagi dengan latihan dan pengalaman kerja bila mereka mula masuk pasaran kerja. Pepatah-pepatah seperti '*bapa borek anak rintik*' dan '*ketam cuba ajar anak berjalan lurus*' menunjukkan bahawa kanak-kanak memang dipengaruhi oleh tingkah laku ibu bapa mereka dan memang mustahil bagi ibu bapa yang bermasalah cuba mengajar anak-anak berjalan secara betul ataupun menjadi orang yang berguna.

Terdapat kanak-kanak yang bermasalah bukan semata-matanya kerana kesalahan kanak-kanak sendiri tetapi akibat kegagalan asuhan dan pendidikan. Dalam hal ini ibu bapa dan guru-guru tidak terlepas daripada tanggungjawab mendidik kanak-kanak ke arah pembangunan akhlak dan pengetahuan kanak-kanak secara sempurna. Kedua-dua orang ibu bapa dalam banyak keluarga terutama sekali di kawasan-kawasan bandar sekarang terpaksa keluar bekerja untuk mencari rezeki hidup keluarga. Bukan tidak biasa lagilah untuk anak-anak keluarga jenis ini dijaga oleh pembantu rumah yang mungkin bukan pekerja tempatan ataupun pekerja asing. Pembantu-pembantu rumah itu mungkin dapat menjaga keperluan hidup harian kanak-kanak itu tetapi bolehkah pembantu-pembantu rumah itu memberi panduan tingkah laku dan pendidikan keluarga yang baik kepada kanak-kanak muda itu. Saya percaya jawapannya tentulah adalah tidak. Masalah memang berlaku di rumah tangga. Terdapat bayi dan kanak-kanak diberi layanan yang tidak patut, yang mencederakan tubuh secara fizikal contohnya luka terbakar, dipukul dengan kasar, diberi minuman keras supaya bayi boleh tidur, diikat dan dipenjarakan dalam bilik, dibiarkan lapar sahaja antara yang lain.

Ada kanak-kanak yang dcederakan secara mental dan emosi juga. Malangnya perbuatan mencederakan bayi dan kanak-kanak bukan dilakukan oleh pembantu-pembantu rumah sahaja tetapi didapati dilakukan oleh ibu bapa ke atas anak-anak mereka sendiri. Antara kes-kes yang lebih serius pembantu rumah yang menculik dan membunuh bayi, bapa yang merogol anak-anak perempuan sendiri. Semua ini menunjukkan kekurangan atau kelemahan moral orang-orang yang terlibat. Ibu bapa yang didapati perbuatan mencederakan anak-anak ini perlu diberi rawatan sakit mental untuk memulihkan kesihatan mentalnya. Anak-anaknya yang teraniaya perlu diasingkan daripada keluarga yang merupakan punca kecederaan dan risiko lanjutan.

Secara langsung atau tidak langsung urbanisasi telah menghakis sistem keluarga luas ataupun extended family, dengan izin, dalam masyarakat Malaysia kini. Keluarga yang terdiri daripada suami isteri dan anak-anak muda menghadapi masalah asuhan dan jagaan anak-anak bila suami isteri keluar bekerja. Membiarkan anak-anak dijaga oleh pembantu rumah biasanya pekerja asing yang tidak mempunyai tahap pendidikan tinggi yang memuaskan. Tentunya tidak dapat memberikan suatu keadaan rumah tangga yang kondusif untuk pendidikan rumah yang berkesan kepada kanak-kanak.

Saya berpendapat bahawa kanak-kanak biasanya adalah mangsa kegagalan asuhan dan pendidikan. Mereka bukan budak nakal ataupun jenayah sebaik sahaja dilahirkan. Jika sesuatu keluarga dapat hidup bersama-sama datuk atau nenek mungkin wargatua-wargatua atau wargaemas-wargaemas itu boleh mainkan peranan asuhan dan pendidikan rumah yang baik. Saya ingin menyarankan bahawa untuk mengurangkan masalah kanak-kanak yang bermasalah, pengaruh datuk dan nenek ke atas cucu tidak dapat diabaikan. Eloklah jika pembantu rumah menjalankan tugas rumah dan biar datuk dan nenek tolong menjaga pembangunan akhlak cucu-cucu dalam keluarga supaya mereka tidak menjadi kanak-kanak yang bermasalah.

Jika semua keluarga boleh mengalu-alukan kedatangan datuk dan nenek wargatua supaya boleh membantu dalam masalah ini maka bilangan kanak-kanak yang bermasalah mungkin akan berkurangan. Bila kanak-kanak sekolah bercampur dengan kawan-kawan yang bertingkah laku buruk atau negatif mereka akan turut menjadi terpengaruh. Berita-berita berkenaan anggota kongsi gelap masuk ke dalam sekolah-sekolah adalah satu-satunya yang membimbangkan ibu bapa. Pihak-pihak berkuasa termasuk polis dan pejabat pendidikan perlu mengambil tindakan segera untuk mencegah murid-murid sekolah dari diganggu oleh kongsi-kongsi gelap.

Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu juga ambil perhatian tentang bagaimanakah kita boleh mengatasi masalah kongsi gelap yang cuba memasuki sekolah-sekolah. Kita tidak ingin melihat banyak kejadian murid mengugut murid, murid-murid berlawan dengan senjata atau murid-murid mencuri motorsikal dan aktiviti-aktiviti jenayah yang lain. Semuanya menunjukkan kegagalan penjagaan ibu bapa dan pendidikan sekolah. Diharap polis dapat mengambil tindakan mencegah kongsi gelap masuk sekolah dan membeza-bezakan murid-murid yang merupakan mangsa dan murid-murid yang merupakan 'bully' atau 'big brother' dalam setiap kegiatan itu. Kadang-kadang kedua-dua kumpulan itu dimasuk ataupun dilayan dengan cara yang sama oleh pihak yang berkuasa itu yang merugikan mangsa-mangsa yang sebenarnya.

Bagi tujuan akta ini, kanak-kanak ini memang bermaksud kanak-kanak yang di bawah umur 18 dan kita mesti memberi perhatian kepada apa yang dimaksudkan umur bagi tanggungjawab jenayah yang ditetapkan sebagai umur 10 tahun. Tetapi apa yang kita boleh buat untuk mengelakkan ataupun cuba melindungi budak-budak di bawah

umur 10 tahun itu diperalatkan oleh kumpulan-kumpulan jenayah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti jenayah juga. Kalau kita katakan umur tanggungjawab itu 10 tahun maka mereka akan cuba memperalatkan budak-budak berumur 8 atau 9 tahun untuk menjalankan kerja. Kalau kita turunkan umur itu mereka akan gunakan budak yang lebih muda lagi. Jadi memang tidak ada jalan keluar dari sini kecuali penguatkuasa yang lebih ketat ke atas kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam aktiviti jenayah.

Jika kanak-kanak berumur lebih daripada 10 tahun didapati terlibat dalam aktiviti penyeludupan dadah dan jenayah berat seperti membakar bangunan, menculik, membunuh dan sebagainya, mereka boleh didakwa dan dihukum secara berat mengikut Fasal 97 akta ini, hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan jika pada hemat mahkamah dia seorang kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan.

Sebagai ganti hukuman mati mahkamah hendaklah memerintahkan supaya seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan ditahan di penjara selama yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau raja atau Yang di-Pertua Negeri. Jelaslah mahkamah bagi kanak-kanak akan menjalankan perbicaraan kes-kes kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah dan ada juga hukuman yang dikenakan terhadap penjenayah criminal antaranya ditahan di sekolah-sekolah khas dan pusat-pusat pemulihan akhlak atau dipenjarakan di penjara biasa.

Saya ingin menyarankan bahawa walau apa bentuk hukuman yang dikenakan kepada kanak-kanak itu diharap pihak berkuasa jangan abaikan tanggungjawab mendidik kanak-kanak itu iaitu perlu diadakan persekolahan dalam penjara untuk memastikan mereka yang membuat salah ini boleh membela diri melalui jalan pendidikan. Saya ingin menyarankan bahawa kanak-kanak perempuan yang disyaki bekerja di pusat hiburan, karaoke dan restoran buat kali pertama perlu dirujuk kepada ibu bapa mereka dan amaran perlu diberi dahulu. Jika perlu, kaunseling yang sesuai dijalankan bukan secara terus hantar anak-anak perempuan itu ke pusat-pusat pemulihan akhlak.

Orang ramai memang rasa kurang puas hati apabila beberapa budak perempuan tidak cukup umur 18 tahun dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah sebaik sahaja mereka ditahan di sebuah pusat karaoke di Pulau Pinang pada suatu hari Jumaat. Oleh kerana tiada majistret mahkamah pada hari Sabtu untuk urusan mendakwa budak-budak

perempuan yang masih belajar di sekolah menengah atas maka dengan cepat-cepat sahaja mereka dihantar ke Batu Gajah. Cara penguatkuasaan ini yang tidak patut digunakan. Jika akta ini benar-benar melindungi kanak-kanak sekurang-kurangnya dalam kes yang tersebut di atas tindakan yang lebih wajar perlu diambil. Contohnya mengesahkan sama ada kehadiran budak-budak perempuan di karaoke itu adalah kerana perayaan hari jadi kawan sekolah sebelum sebarang tindakan yang lain diambil.

Hari jadi itu adalah dipersetujui oleh ibu bapa mereka dan pihak berkuasa perlu mengesahkan persetujuan ibu bapa. Rujuk kepada sekolah sebelum sebarang tindakan keras boleh diambil kerana selepas dihantar ke pusat pemulihan akhlak satu rekod tanda hitam akan merosakkan masa hadapan kanak-kanak perempuan ini walaupun akhirnya ditunjuk bahawa mereka ini memang sebenarnya meraikan hari jadi kawan dengan persetujuan ibu bapa bukan satu jenayah yang boleh dihukum. Hanya *celebrating your birthday or somebody's birthday*, ini bukan satu jenayah yang terpaksa dihukum sampai dihantar ke pusat Pemulihan Batu Gajah. Yang lebih membuat orang ramai marah ialah ibu bapa susah payah mencari tempat membuat hubungan dengan pihak-pihak yang berkuasa supaya dapat peluang berjumpa kanak-kanak itu walaupun cari di sana sini mereka dihantar *on the merry-go-round* supaya mencari tempat di mana boleh berjumpa anak-anak mereka pada hujung minggu itu. Jadi saya rasa cara penguatkuasaan itu kurang baik dan mesti cuba dielakkan selepas Akta Perlindungan Kanak-Kanak ini diluluskan nanti yang berkuatkuasa pada masa depan.

Dengan kata-kata itu saya pohon menyokong Rang Undang-Undang Kanak-Kanak 1999. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bagan.  
**12.17 tgh.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membawa satu masalah yang spesifik yang berlaku di kawasan saya. Ada sepasang suami isteri yang tidak mendaftar perkahwinannya. Mereka mempunyai seorang anak perempuan yang berumur 8 tahun. Anak perempuan ini dimasukkan ke sekolah SJK Keat Hwa Cawangan K di Alor Setar iaitu sebelum mereka bergaduh dan pada masa sekarang, suami isteri ini bergaduh. Suaminya sudah pergi ke Thailand dan berkahwin dengan seorang perempuan Thailand.

Isterinya balik ke tempat saya, Butterworth dan tinggal dengan emaknya, anaknya pula bersekolah di Sekolah Keat Hwa Cawangan K di Alor Setar ini telah ditamatkan persekolahan oleh bapanya dan anak perempuan ini sekarang tinggal dengan ibunya di Butterworth. Ibunya telah empat kali pergi ke Sekolah Keat Hwa supaya meminta pihak sekolah memindah anak perempuan ini balik ke sebuah sekolah di Butterworth, tetapi sekolah Keat Hwa berkata bapanya telah menamatkan sekolah. Pihak sekolah tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan atau mengisi borang-borang untuk berpindah sekolah. Budak perempuan ini sudah tidak bersekolah selama lima, enam bulan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin pula bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ucap syabas kepada Bagan kerana membawa kes ini dan kita bersimpati tetapi sebagai perjuangan Yang Berhormat sebagai wakil rakyat, kenapa tidak anak angkatkan keluarga ini? *[Ketawa]*. Itulah cara untuk kita membela sebagai anak angkat dan Yang Berhormat sendiri boleh menghantarnya ke sekolah sebagai bapa angkatnya *[Ketawa]* dan isterinya pula boleh tinggal bersama di rumah Yang Berhormat. Mengapa ini tidak boleh dijadikan perjuangan Yang Berhormat sebagai wakil rakyat?. Jadi ini akan menunjukkan betapa pekanya dan sensitifnya Yang Berhormat DAP - saya bercakap ini bukan atas parti DAP tetapi atas Yang Berhormat sebagai wakil rakyat. Saya ingin meminta sedikit pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, belum sampai ke tahap itu lagi sehingga memerlukan seorang bapa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh ibu ini ialah dia tidak boleh berbuat apa-apa kerana dia telah pergi ke sekolah dan pihak sekolah tidak boleh berbuat apa-apa. Budak ini sudah tidak bersekolah selama lima, enam bulan *[seorang ahli menyampuk]* - Darjah 1 dan apabila sampai tahun 2000 dia akan masuk Darjah 2 tetapi Darjah 1 pun belum habis belajar lagi. Kalau diizinkan pun dia masuk dan akan lompat masuk Darjah 2, bagaimana dia boleh mencapai satu tahap di mana dia belum habis belajar darjah satu lagi dan dimasukkan ke Darjah 2 tetapi bukan itu masalahnya.

Yang menjadi masalahnya ialah dia tidak mempunyai peluang langsung untuk dipindah dari Sekolah Keat Hwa ke Butterworth. Jadi saya telah berhubung dengan

Sekolah Keat Hwa dan dia telah mengatakan yang dia tidak boleh berbuat apa-apa dan saya juga telah menulis sepucuk surat kepada Pengarah Jabatan Pendidikan negeri Kedah untuk meminta Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah mengarahkan sekolah Keat Hwa supaya mengisikan borang-borang pemindahan supaya anak ini boleh dipindah ke Butterworth tetapi cuma seminggu sahaja saya menghantarkan surat saya ini. Sama ada perbuatan saya ini betul atau tidak, sama ada Pengarah Jabatan Pendidikan membuat sesuatu atau tidak, saya masih belum tahu. Tetapi saya ambil peluang ini untuk meminta satu panduan dan pandangan kementerian Yang Berhormat dalam membentangkan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa satu masalah di mana bayi boleh dijual beli di masyarakat kita ini, memang wujud. Bayi lelaki mungkin sampai RM6,000, bayi perempuan mungkin sampai RM4,000 dijual beli. Bolehkah kementerian Yang Berhormat membuat satu penerangan kepada rakyat, memang keperluan ada kepada suami isteri yang tidak ada anak langsung, mereka ingin sangat mempunyai seorang anak untuk dipelihara. Transaksi ini iaitu jual beli ini dijalankan secara haram.

Yang Berhormat boleh membuat satu kenyataan di mana pada sesiapa ibu bapa yang mereka mempunyai ramai anak yang tidak mampu memelihara boleh diberi kepada pasangan yang sangat memerlukan anak ini dengan secara rasmi, dengan secara rasmi menerangkan kepada masyarakat bagaimana caranya hendak meminta satu surat mengambil anak angkat. Ini barulah boleh menghalang jual beli secara haram. Jikalau tidak, mereka menjalankan secara haram sahaja. Pergi ke Balai Polis untuk membuat laporan bahawa isterinya telah ada seorang anak atau satu bayi tetapi jika didapati tidak benar masalah banyak di belakangnya. Jadi Yang Berhormat, tolonglah membuat sesuatu tentang perkara ini.

Seksyen 32 menghalang ibu bapa atau sesiapa menggunakan seorang kanak-kanak untuk menjadi pengemis. Semalam saya ada pergi ke Subang Jaya ada pasar malam tiap-tiap malam Selasa, ada satu pasar malam. Seorang kanak-kanak duduk di tengah-tengah jalan. Seorang ibu meletakkan bayinya di atas jalan dan duduk di sana meminta sedekah, menjadi seorang pengemis.

Kita ada undang-undang, ada kementerian Yang Berhormat. Saya mintalah Yang Berhormat hantarlah pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan supaya pergi ke tempat-tempat orang ramai seperti pasar malam, Stesen Bas Puduraya. Puduraya pun ada banyak. Mereka menggunakan kanak-kanak untuk mengemis. Mereka ini patut ditahan dan dihantar ke pusat-pusat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada dua orang yang berucap Yang Berhormat bagi Tawau dan Bukit Mertajam. Mereka ada membangkitkan kanak-kanak, khasnya kanak-kanak perempuan yang tidak cukup umur, mereka pergi ke tempat-tempat hiburan dan apabila serbuan dibuat oleh pasukan penguatkuasa maka mereka dihantar ke pusat tahanan. Saya pun bersetuju dengan pendapat kedua-dua Yang Berhormat itu kerana mungkin ini adalah kali pertama budak-budak ini pergi ke karaoke atau *night club* kerana mereka meraikan sesuatu atau *birthday party* dan menjelang akhir tahun ini kita akan melangkaui ke millennium tahun 2000. Saya jangka ada ramai lagi budak-budak akan pergi ke tempat-tempat hiburan untuk meraikan tahun baru yang akan datang dan ini kalau didapati mereka hanya pergi ke sana untuk seronok-seronok sahaja dan bukan menjalankan sebarang perbuatan maksiat, maka bolehlah mereka diikat jamin atau diberi bond oleh ibu bapa mereka supaya bapa mereka boleh mengambil tahu apa tindakan atau kegiatan anak-anak mereka di luar.

Tuan Yang di-Pertua, juga kita selalu baca di dalam surat khabar bahawa bayi ditinggal di tepi jalan, bayi ditinggal di tepi tong sampah. Selepas orang yang berjumpa bayi ini mereka akan membuat laporan polis dan polis akan menghantar bayi ini kepada hospital untuk diperiksa. Apakah kerja susulan pejabat atau kementerian Yang Berhormat selepas terjumpanya bayi ini. Tadi saya ada kata, ada ramai orang yang 'dahagikan' anak. Adakah kementerian Yang Berhormat mempunyai satu senarai ibu bapa yang dahagikan anak-anak. Jikalau ada, bila berlaku kes seperti ini, ibu bapa yang telah mendaftar untuk mendapatkan anak angkat, diberi peluang untuk mengambil bayi ini.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Balik Pulau

**12.30 tgh.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, atas sifat kita sebagai seorang manusia ada banyak perkara yang menyedihkan kita, tetapi ada beberapa perkara bagi saya yang begitu menyedihkan, antaranya ialah apabila kita melihat ada orang-orang tua dalam keadaan sedih atau dalam keadaan yang sunyi ataupun kadang-kadang apabila kita melihat kanak-kanak menangis terutamanya kanak-kanak yang kecil dan kadang-kadang kita melihat orang-orang yang cacat sama ada mereka itu kanak-kanak ataupun orang dewasa berada dalam keadaan yang terbiar.

Saya selalu merasakan bahawa ketinggian, ukuran ketinggian ketamadunan kita dan ukuran kemajuan negara kita, bangsa kita kelak nanti akan diukur dari segi bagaimana kita sebagai satu masyarakat dapat memastikan bahawa tahap kesedihan yang timbul daripada dua tiga perkara yang saya timbulkan tadi itu adalah rendah. Kita nanti akan diukur dari segi bagaimana kita menjaga mereka yang di kalangan kita yang lemah. Bagaimana kita menjaga mereka yang di kalangan kita yang tidak boleh menjaga diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan kita - kalau kita gagal melakukan perkara-perkara ini, hari ini adalah merupakan kegagalan yang kesannya akan dirasai oleh kanak-kanak ini di masa yang akan datang, malah kalau kanak-kanak ini gagal di masa yang akan datang, maka ianya merupakan kegagalan kita hari ini dan khususnya kita ahli-ahli Dewan Rakyat ini perlu dipertanggungjawabkan oleh sejarah nanti kalau fenomena-fenomena yang berlaku sekarang ini kepada mereka yang tidak boleh membantu diri mereka sendiri akan berterusan. Atas sebab itulah saya mengucapkan tahniah kepada kementerian ini kerana memperkenalkan rang undang-undang kanak-kanak 1999 ini yang merupakan, saya sempat baca agak *comprehensive* yang bertujuan khusus untuk daripada tiga kumpulan tadi orang tua, orang cacat dengan kanak-kanak. Ianya menjurus kepada kumpulan sasar iaitu kanak-kanak yang merupakan agak irony juga kerana kalau kita dengar, Yang Berhormat bagi Bagan kata tadi terdapat begitu ramai pasangan suami isteri yang ketiadaan anak, yang sanggup melakukan kesalahan di sisi undang-undang, benda yang salah semata-mata hendak mendapatkan anak tetapi terdapat sebilangan besar pula ibu bapa yang bersifat tidak bertanggungjawab sehingga memerlukan kita

memperkenalkan dan memperketatkan infrastruktur ataupun prasarana perundangan untuk kita kendalikan masalah ini. Tetapi ada juga dua kelompok manusia lagi yang saya sebutkan tadi iaitu orang tua dan orang cacat termasuk juga kanak-kanak yang perlu berbagai-bagai *intervention* yang saya rasa masih boleh diperbaiki dari segi prasarana perundangannya.

Satu perkara yang amat sedih kalau kita kumpul tiga, kumpulan tadi yang menyedihkan lagi apabila kita melihat kepada kanak-kanak yang cacat, sudahlah kanak-kanak dan cacat yang tidak mendapat pembelaan ataupun penjagaan yang sepatutnya mereka dapat. Dalam hal ini, saya minta supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan kemaskan lagi kerjasama diantara kedua-dua kementerian ini untuk memastikan bahawa program-program penjagaan, pendidikan dan juga latihan untuk kanak-kanak cacat dan juga orang-orang cacat secara umumnya diperbaiki lagi.

Sekarang ini saya nampak banyak NGO yang terlibat di dalam usaha tentang kanak-kanak cacat dari segi pendidikan dan latihannya. Walaupun kementerian Yang Berhormat melalui Jabatan Kebajikan telah ada kebelakangan ini, saya ingat tahun ini ada program pemulihan dalam komuniti dan sebagainya, tetapi program-program seperti ini yang bersifat *early intervention* ini perlulah diperkembangkan lagi. Dalam kawasan saya telah kita wujudkan dua pusat ini, tetapi dengan peruntukan saya dengan program yang ada pada kementerian tetapi peruntukan ke arah ini untuk *early intervention* programme untuk kanak-kanak yang kurang kemampuan yang mempunyai kesuntukan-kesuntukan yang tertentu perlulah diperbaiki.

Apa yang nyata daripada program-program ini ialah begitu kurang sekali latihan yang diberi ataupun peluang-peluang latihan yang ada untuk orang-orang yang berminat ke arah terlibat dalam program ini seperti kita perlukan banyak *speech therapist*, kita perlukan banyak *physical therapist* dan sebagainya, tetapi dalam Malaysia hari ini berapa orang sahaja kita ada *speech therapist* untuk membekalkan latihan-latihan dan program-program *early intervention* kepada kanak-kanak ini. Dalam beberapa banyak kita keluarkan, tidak ada satu universiti, tidak ada satu jabatan dan mana-mana universiti dalam negara ini yang sebenarnya mengeluarkan mereka yang bertauliah untuk tujuan ini, *speech therapist* atau *physical therapist* dan juga kaunselor-kaunselor yang boleh

memberi kaunseling kepada ibu bapa dan juga kepada kanak-kanak yang tersebut. Jadi perkara-perkara ini saya harap dapat diperbaiki supaya tidak tercicir mereka ini.

Kita membentangkan undang-undang di sini, saya dan juga semua Ahli Dewan di sini bertanggungjawab untuk meluluskan undang-undang, semuanya undang-undang ini adalah bersifat *intervention* atau pun *corrective*, maknanya ia terdorong dari satu keperluan yang negatif sebenarnya, kerana ada masalahlah kita perkenalkan undang-undang. Kita tidak pernah perkenalkan undang-undang kerana didorong oleh kepuasan hati atau pun kegembiraan.

Rang undang-undang hari ini yang tebal ini diperkenalkan kerana kita berdepan dengan masalah yang banyak yang berkaitan dengan kanak-kanak. Melalui rang undang-undang ini akan wujudkan berbagai-bagai jenis institusi, mahkamah, Majlis Penyelaras Perlindungan Kanak-kanak, dan segala jenis hukuman dan takrif kesalahan.

Saya ingin untuk ucapan saya selanjutnya, untuk pergi kepada sebab, kenapa kita berdepan dengan masalah ini. Kenapa kita berdepan dengan satu keperluan yang memerlukan kita mengadakan satu rang undang-undang yang seperti ini. Kenapa timbulnya keperluan kita ada undang-undang ini? Bagi saya itu merupakan penyelesaian jangka panjang, yang kalau kita beri tumpuan maka di masa-masa yang akan datang kita boleh mengurangkan keperluan-keperluan kenapa kita perlu meluluskan undang-undang seperti ini. Undang-undang, kalau setiap kali kita luluskan undang-undang, akan mengakibatkan hak-hak yang tertentu akan dikurangkan.

Saya sebagai seorang ahli Dewan senantiasa berpendapat bahawa *legislation* adalah langkah yang terakhir yang dibuat oleh masyarakat untuk mengurus dirinya sendiri, tetapi langkah yang sepatutnya lebih awal yang lebih bersifat *preventive* patut kita beri tumpuan dahulu. Kenapakah wujud masalah-masalah deraan kepada kanak-kanak ini? Kenapakah wujud masalah-masalah kanak-kanak ini dibiarkan dalam dunia pelacuran, kenapakah wujud begitu banyak kes-kes juvana sekarang ini, kenapakah wujud begitu banyak kes penyalahgunaan dadah di kalangan kanak-kanak?

Sebabnya ialah kerana persekitaran hidup, sebabnya ialah kerana keruntuhan institusi kekeluargaan dan juga institusi kemasyarakatan itu sendiri. Sebabnya orang kata dalam tempoh kita mengalami proses urbanisasi yang agak cepat, dalam tempoh 20-30 tahun yang lepas, kita tidak memberi penekanan yang cukup untuk memastikan bahawa

sistem sokongan untuk memastikan institusi kekeluargaan dan juga kemasyarakatan ini boleh dikukuhkan sekali.

Satu daripada perkara yang berlaku di negara ini ialah, kita fikir kita telah mengalami pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang sungguh menakjubkan dalam tempoh 42 tahun yang lampau. Tetapi kalau kita fikir balik, 42 tahun dahulu masyarakat Malaysia, masyarakat Malaya pada ketika itu, Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu, begitu rendah sekali, begitu simple sekali. Dalam masa 42 tahun, kalau kita kira satu generasi 20 tahun, begitu ubahnya, *transformation*'nya begitu cepat. Tidak banyak negara dalam dunia dalam sejarah pembangunan manusia mengalami perubahan yang begitu cepat dalam tempoh yang begitu singkat. Jadi, walaupun itu satu yang baik dan menunjukkan kejayaan kita, tetapi kita kena kekalkan sistem-sistem sokongan untuk memastikan bahawa manusia itu sendiri tidak terjejas.

Saya ingin balik kepada soal persekitaran hidup ini, supaya Kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan misalnya kenalah berbincang sebagai dua kementerian dalam kerajaan untuk memastikan bahawa di masa-masa yang akan datang dan juga sekarang kalau sempat, apa yang perlu ialah pihak-pihak berkuasa tempatan, *local authorities* sama ada Bandaraya, Perbandaran atau pun Majlis-majlis Daerah ini, yang sebenarnya bertanggungjawab untuk meluluskan pelan-pelan pembangunan dan perumahan di dalam kawasan-kawasan di seluruh Malaysia ini, kenalah mengenakan piawaian-piawaian yang lebih mempunyai sifat kemanusiaan.

Sekarang ini yang menyumbang ke arah masalah yang timbul yang menyebabkan kita perlu rang undang-undang ini ialah persekitaran hidup keluarga itu yang wujud sekarang ini dalam, orang kata *concrete jungles* yang dibina dalam beberapa tahun yang lepas, inilah yang menyebabkan kita berdepan dengan masalah-masalah ini. Kementerian Yang Berhormat kena cakap dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mempengaruhi pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mengenakan syarat-syarat yang tertentu, untuk memastikan bahawa dalam membuat pelan-pelan tempatan dan juga pelan-pelan struktur kawasan, *locality* yang tertentu, supaya bukan sahaja setakat *zoning* dari segi kegunaan tanah dari segi *commercial, residential, mix commercial-residential, industrial*, tetapi memastikan secara keseluruhannya cukup kawasan riadah, cukup

kawawan yang mana remaja ini, kanak-kanak ini dan juga masyarakat boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang memanusiaikan diri mereka sendiri.

Kerajaan dan pihak-pihak berkuasa tempatan hendaklah memastikan bahawa dalam mana-mana *submission* untuk program ini, projek pembangunan sama ada rumah kos rendah, kos sederhana, kos tinggi dan sebagainya, kenalah ada piawaian untuk menentukan bahawa dalam kawasan itu ada ruang-ruang yang tertentu, yang disediakan untuk tujuan tanah kosong, untuk tujuan *nursery*, untuk tujuan dewan orang ramai dan sebagainya, untuk tujuan riadah. Kita boleh pergi, kawasan saya mengalami pertumbuhan jenis ini yang amat dahsyat sekali, kurang dahsyat sedikit daripada rakan saya daripada Bayan Baru, tetapi cukup dahsyat. Kita tumbuh flat yang 15 tingkat, bermacam *concrete structures* ini, macam cendawan dan kalau kita lihat, siapa duduk di situ. Mereka yang duduk di situ datang daripada satu persekitaran, satu warisan yang dia tidak pernah pun duduk macam itu, yang mana ada konsep *common property*, dulu dia duduk di kampung, *common property* dia lain, dia boleh main dengan jiran, tidak ada pagar dan sebagainya, sekarang dia duduk dalam keadaan macam itu.

Tetapi memang ada piawaian Majlis Perbandaran meletakkan syarat-syarat kena ada tanah kosong sekarang ini, kena ada tanah sikit atau pun ruang untuk dijadikan surau atau dewan orang ramai, tetapi tidak cukup, dan ini yang menyebabkan akan menyumbang, kalau kementerian Yang Berhormat hendak buat research kita boleh, kita pergi buat *research*, bila masuk sahaja orang dalam satu skim perumahan rumah kos rendah, yang 4 blok, 15 tingkat, Yang Berhormat boleh suruh pegawai-pegawai Yang Berhormat buat *research*. Lagi 10 tahun tengok apa hendak jadi dekat situ, dan saya yakin lagi 10 tahun akan wujud masalah-masalah, kes-kes juvana ini, kes-kes penyalahgunaan dadah di kalangan mereka yang duduk di situ.

Jadi hendaklah kita pastikan ada kelengkapan-kelengkapan ini, pada piawaian yang lebih orang kata lebih jelas, lebih *generous* sedikit, maknanya untuk sekian-sekian ketumpatan penduduk dalam satu-satu *locality*, kena disediakan sekian-sekian besar ruang untuk *nursery*, untuk dewan orang ramai, untuk taman permainan dan sebagainya dan hendaklah disediakan tempat-tempat ini yang boleh di'*access*'kan oleh penduduk-penduduk ini.

Saya juga macam misalnya baru ini, sebab saya duduk dalam Perpustakaan Negara kita juga dapati misalnya kadar pembacaan sekarang ini tidak berapa, kadar literasi adalah tinggi tetapi kadar pembacaan tidak berapa tinggi dan ini disebabkan walaupun Perbadanan Perpustakaan-perpustakaan Awam Negeri dan juga Negara telah ada membuat banyak perpustakaan bergerak, perpustakaan kecil, perpustakaan daerah, perpustakaan desa, tetapi tidak cukup sebab kita sekarang ini melalui proses perbandaran. Proses perbandaran, bila satu-satu kawasan itu jadi bandar, dia kenalah dirancang dengan baik, dia kena ada ruang-ruang yang tertentu, kena ada sekolah dekat situ, kena ada perpustakaan, kena ada pusat komuniti, kena ada taman permainan dekat situ secara yang *integrated*.

Saya nampak misalnya di Subang Jaya, di Shah Alam, dalam kawasan-kawasan yang seperti itu, ia agak tersusun pembangunannya, jarak di antara penduduk dengan sekolah, kanak-kanak hendak pergi adalah dekat, jarak di antara penduduk hendak pergi ke padang dekat, jarak di antara penduduk hendak pergi ke stadium dekat dan jarak di antara penduduk hendak pergi kepada kemudahan-kemudahan awam yang lain adalah dekat.

Itu mungkin Majlis Perbandaran Shah Alam dengan Majlis Perbandaran Petaling Jaya ataupun Subang Jaya sebab pihak berkuasa tempatannya bagus, dia menetapkan piawaian-piawaian ini. Saya tidak tahu kalau dibuat kajian dibandingkan antara - mungkin kadar masalah-masalah juvana Majlis Perbandaran Shah Alam lebih tinggi atau rendah. Tetapi banyak kawasan lain yang mana benda-benda ini tidak diberi perhatian seperti yang diberi perhatian oleh Majlis Perbandaran Shah Alam ataupun Petaling Jaya ataupun Subang Jaya. Jadi, timbul masalah ketumpatan penduduk dalam satu kawasan yang cukup tinggi dan ini semestinya menimbulkan masalah.

Saya harap kalau kementerian Yang Berhormat hendak address masalah ini masa depan salah satu daripada kunci penyelesaiannya ialah ke arah untuk menyelesaikan, untuk menetapkan piawaian-piawaian yang tertentu. Dengan kerajaan negeri pun kena bincang jugalah. Misalnya, Kerajaan Pusat selalu okay, Kerajaan Pusat membuat satu ketetapan bahawa rumah kos rendah kena ada tiga bilik dan dua bilik mandi. Jadi, Kerajaan Pusat sudah tetapkan tetapi kadang-kadang kerajaan negeri pula boleh adjust, boleh buat satu bilik mandi ataupun dua bilik mandi. Jadi, benda ini menimbulkan satu

lagi persoalan yang telah saya bangkitkan. Kita boleh luluskan rang undang-undang di sini dan tujuan kita adalah murni. Tetapi dari segi pelaksanaannya kita sedar bahawa untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan rang undang-undang ini ia perlu penyelarasan dan kerjasama di antara Kerajaan Pusat, kerajaan-kerajaan negeri dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan.

Saya pernah sarankan supaya ada intergovernmental council yang menyelaraskan rang undang-undang ini. Saya sebagai Ahli Parlimen kalau saya hendak lepas tanggungjawab saya, saya boleh kata, ya kita sudah buat rang undang-undang ini di Parlimen, Kerajaan Persekutuan. Tetapi bila ada masalah kita tengok balik down the line dia ada masalah mungkin dengan kerajaan negeri atau mungkin dengan pihak berkuasa tempatan. Jadi, kenalah ada penyelarasan di antara kerajaan-kerajaan ini. Maksudnya tahap-tahap kerajaan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga dengan pihak-pihak berkuasa tempatan barulah akan terjamin bahawa niat dan hasrat kita meluluskan rang undang-undang seperti di Dewan Rakyat ini tercapai. Kita tidak hendak melepaskan tanggungjawab kita dengan mengatakan bahawa kita sudah buat benda ini dan selesai. Tetapi saya ingat punca ketidakberkesanan setengah daripada undang-undang yang kita luluskan di sini ialah kerana the *intergovernmental communication* ini dan kerjasama adalah tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita hendak selesaikan masalah OC, hendak dapat CF untuk projek-projek perumahan sekarang dengan kita buat ini *low cost housing* yang terlalu *high density* sangat sekarang ini. Jadi, kalau kita buat benda semacam ini untuk memenuhi syarat untuk membolehkan pembangunan dijalankan, saya takut tidak lama kemudian kita akan membina the urban slump in the future dan kementerian Yang Berhormat lagi 20 tahun pening kepala lagi banyak daripada apa yang ada sekarang.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian ada satu bab (*clause*) di sini yang mengatakan bahawa untuk umur 14 tahun ke bawah tidak boleh dikenakan hukuman yang tertentu, di bawah kanun keseksaan, untuk beberapa tahun ke bawah tidak boleh dikenakan hukuman mati dan sebagainya. Saya sangat bersetuju tentang perkara ini dan perkara ini juga secara tidak langsung, secara khusus dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga dari Bagan tadi, mereka kanak-kanak, kita tidak mahu mereka memulakan alam dewasa mereka mempunyai rekod yang buruk. Apabila

mereka mempunyai rekod yang buruk memasuki alam dewasa mereka, maka mereka sudah terasing daripada mainstream dan mungkin disebabkan daripada itu mereka akan mempunyai masalah dalam alam dewasa mereka.

Saya ingin mencadangkan supaya kalau kesalahan itu tidak teruk sangat, kesalahan bukanlah *capital punishment*, bukan kesalahan – saya tidak tahu seksyen mana dalam kanun keseksaan. Tetapi kalau kesalahan-kesalahan yang minor itu kita berilah *custodial centre* untuk sesiapa jaga atau *probationary centre*. Tetapi menyuruh mereka melakukan khidmat masyarakat. Mereka boleh duduk di rumah tetapi kita ada satu program humanity service untuk mereka yang terancang yang melibatkan mereka kena berikan tenaga dan masa untuk buat khidmat masyarakat tetapi dikemaskan lagi dengan program kaunseling dan sebagainya. Jadi, tidak payahlah kita hendak buat banyak sangat macam asrama ataupun macam *jail juvenile* ini yang mana kita mengasingkan mereka ini pada tahap umur yang rendah daripada *till group* dia dibubuh dalam satu tempat dan tempat itu kita namakan tempat kanak-kanak yang ada masalah. Jadi, dia hidup dengan stigma itu. Bagi mereka yang memang sudah kes teruk itu tidak boleh buat apalah. Tetapi untuk mereka yang boleh kita salvage ini janganlah kita cop di dahinya stigma ini, selepas itu dia kena hidup dengan stigma ini dan baru umur 16 tahun, 17 tahun. Jadi, kadang-kadang kalau kita buat ini mungkin untuk mengemaskan struktur ataupun menjalankan apa yang ada dalam rang undang-undang ini, okay kita buat asrama ini, ada mahkamah dan sebagainya. Tetapi falsafah kita ialah untuk memperbaiki dia dengan cara yang tidak memudaratkan dia, yang minimumkan untuk memudaratkan dia.

Saya setuju di sini misalnya ada kesalahan-kesalahan yang tertentu yang mana kita tidak hantar dia ke penjara. Kadang-kadang masuk jail ini menjadikan orang itu lebih teruk daripada menjadi lebih baik, khususnya untuk kanak-kanak yang ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Saya tidak hendak bercakap banyak tentang fasal-fasal dalam rang undang-undang ini kerana saya lebih hendak cakap dari segi keseluruhan falsafah kita dalam pada kita hendak menangani masalah ini. Kita perlu rang undang-undang ini kerana kita kena perkemaskan pelaksanaan program-program *intervention* yang kita perlu buat. Tetapi pada umumnya kita hendaklah terdorong dari satu perasan bahawa sebenarnya kita hendak mengubah persekitaran hidup untuk memastikan bahawa institusi-institusi dalam masyarakat kita kalaulah yang itu elok,

insya-Allah masalah-masalah yang memerlukan rang undang-undang ini dan juga rang undang-undang lain di dalam tanggungjawab kementerian Yang Berhormat tidak perlu kita laksanakan.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Batang Lupar.

**12.53 tgh.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999. Saya memang berasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah boleh menyatukan tiga undang-undang di bawah satu kepala dan dibawa ke Dewan ini.

Oleh kerana perkara ini berlaku jadi masalah-masalah yang dibangkitkan dalam rang undang-undang ini terbahagi kepada dua perkara. Perkara yang pertama iaitu kanak-kanak yang terlibat dalam satu masalah iaitu penganiayaan, penderaan dan sebagainya. Kanak-kanak yang sedemikian berkemungkinan mempunyai satu cara pengendalian dan pengawasan dan dimensi yang berlainan. Satu lagi kumpulan kanak-kanak yang melakukan kesalahan dari segi jenayah dan sebagainya dan kanak-kanak ini juga mempunyai satu kawalan dan pengawalan dan penekanan yang berlainan. Masalah ini telah dibangkitkan dalam satu rang undang-undang dan di bawah bidang kuasa satu pengawasan yang telah ditetapkan dalam undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kanak-kanak memanglah satu masalah yang besar kepada negara kita. Tidak dapat dinafikan iaitu kanak-kanak pada masa sekarang adalah bakal pewaris kepada negara ini pada masa hadapan. Jadi, kalau di peringkat ini kanak-kanak ini tidak dibelai dan tidak dijaga dengan begitu rapi dan baik nescaya pewaris negara ini nanti akan membinasakan apa yang telah kita buat dengan asas yang kukuh. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, maka tindakan kita pada peringkat ini sebagaimana Yang Berhormat bagi Balik Pulau telah sebutkan tadi kita dipertanggungjawabkan oleh pihak generasi yang akan datang supaya anak-anak muda kita pada masa yang akan datang mewarisi negara ini mendapat pengawasan, pembetulan, pemulihan dan sebagainya dengan sebaik mungkin.

Jadi, masalah ini Tuan Yang di-Pertua, adalah berbangkit daripada beberapa perkara. Kalau kita lihat di persekitaran kita sendiri kita telah mengenali kenapa anak belia ini menjadi sampah masyarakat dan tidak berguna umpamanya dan menjadi orang buangan di persisiran kampung dan bandar. Kita tidak pernah bertanya kepada kita sendiri kenapa ini berlaku. Kalau kita bertanya pun kadang-kadang kita tergagap-gagap mencari jawapan. Apabila jumpa jawapannya kita tidak pernah mengambil penekanan yang khusus untuk menjaga mengapa mereka ini tidak boleh dibaikpulihkan.

Umpamanya kalau anak-anak ini menjadi anak-anak yang bermasalah, melakukan jenayah atau menjadi manusia yang tercicir, pokok pangkalnya berkemungkinan berasal daripada ibu bapa, mungkin juga masyarakat. Jadi, di manakah letaknya tanggungjawab dan peranan ibu bapa. Saya juga mengucap tahniah kepada kerajaan pada masa sekarang mengadakan kursus-kursus terutama sekali di kalangan anak-anak Melayu untuk menjadi ibu bapa, melatih para belia menjadi ibu bapa. Kerana belia ini akan menjadi ibu bapa dan akan melahirkan anak pada satu ketika nanti. Kalau belia ini tidak menjadi ibu bapa yang sebaiknya, yang sempurna dan boleh mendidikkan anak-anak mereka, maka anak-anak mereka itu nanti berkemungkinan akan menjadi anak yang terbuang yang terlibat dalam jenayah, bahkan mereka sendiri akan menjadi orang yang pendera ataupun penganiaya anak-anaknya sendiri.

Jadi, dalam keadaan sedemikian kita mesti melihat pada awalnya bukan sahaja Kementerian Yang Berhormat nanti tetapi kementerian-kementerian lain, umpamanya Kementerian Pendidikan mestilah sepatutnya menyerapkan sosial, moral dan ilmu '*parenting*' ini ke dalam kokurikulum mereka kerana dengan itu kita boleh melatih anak-anak muda kita. Anak-anak muda kita semasa kini yang masih di bangku sekolah mungkin di peringkat Darjah I lagi yang akan bakal menjadi bapa pada masa yang akan datang. Sepuluh tahun, dua puluh tahun itu tidak lama generasi manusia. Tetapi dalam masa yang sama mereka akan berkahwin dan akan bercerai.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk sesi pagi sudah cukup. Yang Berhormat bolehlah sambung di sebelah petang.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Batang Lupar, sila sambung.

**2.30 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tadi saya ingat hendak cakap seorang dalam Dewan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak ramai yang hadir.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih kepada pegawai, ramai pegawai yang hadir.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bercakap berhubung dengan *parenting* kerana soal ilmu *parenting* ini memang amat penting kepada membangunkan masyarakat kanak-kanak yang bermutu kerana daripada dahulu lagi semasa saya masih muda-muda lagi, soalan *parenting* ini pernah kita bangkitkan. Ada rakan saya mengatakan kadang-kadang orang pandai kahwin, dia boleh beranak, buat anak pandai tetapi jaga anak tak pandai.

Jadilah anak-anak ini nanti manusia yang tercicir, manusia yang tidak berguna sangat kepada masyarakat. Inilah maka saya mengalu-alukan tindakan kementerian yang mengadakan latihan *parenting* kepada anak-anak muda sebelum mereka dibolehkan berkahwin kerana dalam mengajar belia-belia soal ilmu *parenting* ini, kita boleh mengajar mereka, tanggungjawab mereka di bawah undang-undang, bermakna tanggungjawab di bawah undang-undang termasuklah mengetahui dan mempelajari undang-undang sebagaimana yang telah kita bentangkan di sini, Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999.

Belum mencukupi bagi seseorang itu mendapat sijil dan sebagainya untuk berkahwin kalau ilmu sebagai ibu bapa itu tidak diketahui, tanggungjawab sebagai ibu bapa itu tidak diketahui dan berkahwin walaupun boleh melafazkan semuanya. Walaupun telah dihalalkan untuk berkahwin, tetapi tidak mengetahui apa itu tanggungjawab sebagai ibu bapa di bawah undang-undang.

Ini maknanya adalah berat sekali tanggungjawab seseorang itu sebelum menjadi bapa dan hendak berkahwin. Ini perlu diberitahu kepada semua masyarakat kalau hendak berkahwin. Jangan kahwin begitu sahaja, kena tahu ilmu jadi ibu bapa. Begitu juga tanggungjawab sebagai ibu bapa dalam masalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah sosial kalau kita lihat disekitar bandar dan sebagainya, kita melihat anak-anak muda belia bahkan orang tua pun, masalah sosial ini merangkumi semua, membuang sampah merata-rata, mencemar alam di merata-rata, membakar hutan dan rimba, semua sekali ini masalah sosial dan mencemarkan sungai dan suasana, ini semua masalah sosial. Bermakna ini mesti diketahui sebagai bukan sahaja masalah kerajaan tetapi juga masalah kita, masalah manusia sejagat kita manusia dalam masyarakat dan sebagainya.

Masalah ini mesti diketahui, umpamanya telefon awam jangan dibinasakan, ini untuk masyarakat keseluruhannya. Ilmu yang sedemikian begitu jugalah soal-soal moral, macam mana kanak-kanak jangan dibiarkan merokok ataupun membeli minuman keras mengikut garis-garis panduan undang-undang dan garis-garis moral, ada dalam satu-satu agama dan *society* yang berkenaan.

Umpamanya, undang-undang melarang seorang budak membeli rokok ataupun membeli arak di kedai - di bawah umur 18 tahun tetapi sebagai ibu bapa mestilah melihat perkara ini dikuatkuasakan, jangan menunggu pihak polis atau pihak penguatkuasa menangkap. Begitu juga penjual, janganlah hendak meraih untung semata-mata, mesti melihat undang-undang ini dijaga dan dikuatkuasakan. Ini adalah tugas dan tanggungjawab masyarakat keseluruhannya dan tanggungjawab orang yang menjadi ibu bapa itu memberitahu kepada anak-anak mereka ataupun kalau hendak membeli arak ataupun membeli rokok, kalau tidak boleh anak-anak membelinya, biarlah dia sendiri berjalan kaki ataupun naik basikal ataupun naik kereta, beli benda ini jangan suruh anak-anak kita, supaya dengan sendirinya kita telah menunjukkan amalan ataupun praktik yang betul kepada anak-anak kita, jangan membuat sesuatu perkara yang bercanggah dengan undang-undang.

Jadi, ilmu *parenting* ini banyak oleh kerana ini adalah soal-soal cara hidup manusia di alam dunia ini mengikut garis-garis panduan yang baik, nilai yang baik dan agama, undang-undang dan sebagainya.

Jadi saya berharap sebelum kita menguatkuasakan undang-undang ini, melihat latar belakang ini dahulu, kenapa masalah sosial berlaku di negara kita, kenapa masalah jenayah berlaku di negara kita dan terutama sekali kepada orang-orang Melayu di mana ada mengatakan iaitu nisbah ataupun *percentage* masyarakat anak belia Melayu itu lebih banyak terlibat dengan jenayah dan dadah. Kita mesti bertanya kepada diri kita sendiri, kenapakah perkara ini berlaku, kenapakah ini berlaku di kalangan masyarakat Melayu, apakah tindakan orang-orang Melayu sebagai orang Melayu, siapakah bersalah dalam soal ini.

Kalau persoalannya kita sendiri yang bersalah, kita mesti mengubah cara hidup kita, kita mengubah tindakan kita, cara harian kita dan pandangan kita kepada semuanya. Adakah masalah ini oleh kerana kita sibuk mengejar harta benda untuk hidup senang lenang, kereta besar, rumah mewah, rumah besar dan sebagainya untuk menjadi orang yang dimuliakan, untuk menjadi manusia yang dihormati, tetapi dalam masa yang sama telah mencirikan anak-anak kita sendiri. Di manakah letaknya tugas dan tanggungjawab ini, adakah mencari wang bank yang besar, kereta besar, rumah mewah ini diutamakan ataupun mencirikan anak-anak kita sendiri. Tugas dan tanggungjawab ini mesti dikenalpasti. Priority kita mestilah betul. Inilah kesalahannya. Kita tidak boleh pergi ke pasaraya dan di tepi jalan, di mana-mana, di pekan ataupun di pasar mengatakan anak-anak ini adalah anak kecikiran, anak-anak yang melakukan kesalahan, anak-anak yang terbuang. Yang sebenarnya yang perlukan nasihat, perlukan bimbingan, perlukan asuhan, mungkin yang perlu dihukum ialah ibu bapa yang telah mencuaikan anak-anak yang sedemikian.

Jadi, kalau kita tidak melihat dari perspektif yang betul, generasi yang akan datang akan berterusan sedemikian kerana anak-anak yang tercicir di pasaraya dan di pekan ini akan menjadi ibu bapa pada masa yang akan datang, akan mempunyai anak yang tercicir juga.

Jadi, sebagai ibu bapa pada masa sekarang, kita mesti melihat/pulang ke rumah sendiri, tengok sendiri dahulu. Jangan kejar kereta besar, jangan hendak beli *Mercedes*, *BMW* dan sebagainya, jangan hendak beli rumah banglo yang tujuh bilik ataupun bilik mandi lapan, setiap satu bilik tidur semua ada bilik mandi. Kita kena mengejarkan benda yang betul. Masyarakat kita mesti ditumpukan dahulu, kejatuhan mana-mana masyarakat,

kejatuhan mana-mana tamadun ialah kerana sumber manusia yang telah kehilangan kualitinya.

Jadi, dari situlah letaknya ilmu *parenting* ini. Amat penting sekali kepada masyarakat kita terutama sekali kepada masyarakat Melayu. Kita tidak boleh mengatakan oleh kerana orang Melayu itu tidak betul ataupun agama mereka dipersalahkan – tidak!

Ini bukan salah orang, kadang-kadang kita hendak membuat agama tetapi tidak sedar apa agama itu beritahu pun tak tahu. Apa bimbingan agama kita kata pun kita tidak amalkan, bersembahyang, berpuasa tetapi tidak mengamalkan hikmah di sebalik amalan yang kita buat seharian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada tanggungjawab orang yang membimbing masyarakat, umpamanya pihak guru-guru dari peringkat tabika, tadika dan kindergarten sebagainya. Peringkat ini kita mencanai dan memupukkan satu nilai-nilai yang murni dan baik kepada anak-anak kita. Kalau di peringkat ini kita tercicir, akan tercicirlah anak-anak ini. Kalau anak-anak ini tidak mempunyai bimbingan yang baik di peringkat ini, akan hilanglah panduannya nanti kerana kalau ibu bapa telah mengabaikan tugas dan tanggungjawab mereka di rumah dan diserahkan pula ke pihak-pihak sekolah dan sekolah juga mengabaikan tugas dan tanggungjawab mereka, hanya mengajar anak-anak ini membaca, menulis dan mengira sampailah ke universiti, tidak mempunyai nilai yang murni, tidak mempunyai nilai yang baik, tidak mempunyai nilai yang sempurna, anak-anak ini juga bakal menjadi manusia yang tidak sempurna.

Jadi, di sinilah letaknya. Di rumah kita mesti kena bimbing anak-anak kita dengan sebaik-baiknya. Memberi keselesaan kepada mereka untuk berfikir dan menjadi manusia yang sempurna di peringkat sekolah. Kita juga mesti mengadakan satu situasi yang sempurna sama ada untuk belajar, untuk hidup, untuk berfikir menjadi manusia yang sempurna, manusia yang kreatif, manusia yang mungkin boleh menjadi pemimpin negara ini pada masa yang akan datang.

Jadi, di peringkat sekolah, saya ingin menyentuh soal guru-guru, umpamanya di peringkat tadika, anak-anak ini dibimbing. Kadang-kadang ada kita dapati di sekolah-sekolah ini, anak-anak ini mendapati mereka tertekan dan digertak dan didisiplin sebegitu rupa, dibuat *regim* yang begitu rupa, menjadi budak ini menjadi seorang anak yang

tertekan, tidak pandai bercakap, malu bercakap, takut dengan orang dan sebagainya. Apabila masuk sekolah ke Darjah 1 umpamanya, budak yang masuk Darjah 1 sudah menjadi manusia yang sudah besar dan tahu memahami selok belik alam persekolahan tetapi hakikatnya budak-budak daripada Darjah 1, Darjah 2 dan 3 ini adalah anak-anak yang masih muda, sekali macam *still a child*, dengan izin, mesti dibimbing, dibuat sebagai anak-anak kecil sekali.

Saya bercakap berlandaskan dua penyelidikan yang telah saya buat. Tadika-tadika biasa dengan tadika-tadika yang dibimbing oleh pihak-pihak *international school*. Saya bukan mengatakan sistem dan bimbingan mereka ini baik, tetapi kalau kita lihat macam mana mereka membimbing. Di tadika *international school* ini dia panggil anak-anak ini, "*Hello darling*", "*Hello dear*", "*sweetheart*", "*sweetpie*" dan macam-macam nama yang indah-indah dan baik-baik. Jadi, budak-budak ini bila pulang ke rumah pun dengan muka ceria dan sedap kerana tidak ada benda yang jahat, tetapi di sebaliknya pula di sekolah tadika-tadika biasa, kita akan jumpa "Eh, kamu ini bodoh, tak buat ini. Kenapa bodoh sangat budak ini. Engkau tengok ini si Amat buat betul, si Lim buat betul, kamu buat salah, kamu bodoh". Jadi, yang negatif sahaja yang ditunjukkan.

Jadi, timbullah satu masyarakat yang negatif. Di sebaliknya pula di sekolah yang satu lagi ini, membimbing anak-anak muda bukan diajar untuk belajar mengira dan membaca tetapi dibimbing untuk menjadi pelajar yang boleh menerima, pelajar yang boleh belajar pada masa akan datang, apabila mereka masuk ke alam persekolahan yang tertentu. Begitulah seterusnya di peringkat satu dan dua.

Anak-anak ini tidak payahlah..., saya bukan mengatakan tidak boleh tidak menerima, menggunakan rotan ataupun teguran kasar di peringkat-peringkat sekolah yang tinggi kerana jikalau di peringkat ini, anak-anak ini dibimbing begitu '*harsh*' ataupun *regim* yang begitu keras, nescaya anak-anak ini akan menjadi anak yang pendiam, anak-anak yang melihat dunia ini adalah negatif, anak-anak yang akan melihat semuanya tidak menyebelahi kepada dirinya. Habisnya pula ia akan menjadi anak-anak yang memberontak, anak-anak yang tidak percaya dengan diri sendiri, anak-anak yang tidak percaya dengan kata-kata orang lain kerana dia tidak pernah diajar dengan benda-benda yang baik, tidak pernah diajar dengan benda-benda yang betul, tidak ada dibimbing dengan cara yang positif.

Saya berharap pihak guru-guru di peringkat ini, siapa sahaja yang hendak menjadi guru kalau di peringkat mengajar Darjah 1, 2, 3 dan 4 ini, guru-guru ini mempunyai satu latihan khusus untuk mengajar anak-anak sebagaimana kita *treat* anak-anak kita sendiri di rumah, melainkan orang ini jadi ibu bapa yang memukul anak di sekolah, di rumah lain ceritalah.

Saya kata kalau membimbing anak-anak macam kita bimbing anak kita di rumah, maknanya kita peluk anak kita, kita cium anak kita, kita rapat dengan dia, kena pegangan dan sentuhan ini adalah satu benda yang tidak ada nilai harganya kepada anak-anak dari segi *child psychology*. Walaupun kita kata *darling, sweetheart* dan sebagainya tetapi tidak ada sentuhan, '*darling sweetheart*' ini hilang begitu sahaja.

Guru-guru di peringkat ini walaupun sibuk, walaupun banyak kerja dan sebagainya, mungkin banyak 45 atau 50 orang dalam sebuah bilik darjah tetapi adalah tidak menjadi keberatan kepada guru itu bila habis sekolah itu, okay bye bye darling, selamat jalan adik, anak dan sebagainya itu, ini menanamkan perangai budi pekerti yang baik kepada anak-anak. Ini akan mendatangkan satu kesan yang jauh lebih baik, daripada kita memberi ancaman dan sebagainya kepada anak-anak ini dan boleh diingat oleh anak-anak ini berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya menyentuh, tadi saya kata *parenting*. Kedua, saya kata guru dan ketiga, saya ingin menyentuh persoalan tanggungjawab masyarakat. Sebahagian tadi telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau mengatakan, kalau kita hendak bina kawasan perumahan umpamanya, kita kena menyediakan tempat-tempat permainan, laman untuk berjogging untuk berlari, beriadah dan sebagainya. Bukan sahaja pihak pemaju, bukan sahaja pihak kontraktor tetapi yang khusus sekali pihak kerajaan, sebelum projek-projek perumahan itu diluluskan, benda-benda macam ini mesti dibuat, disediakan, disyaratkan dibuat. Jadi satu prasyarat setiap kawasan perumahan, setiap kawasan *housing estet* itu disediakan dengan benda-benda yang sedemikian dan tempat lapang ini ataupun kemudahan-kemudahan yang disediakan ini, tempat permainan, tempat riadah dan sebagainya ini mestilah diberi sebagai satu prasyarat untuk memberi CF di Semenanjung ini ataupun OP di Sarawak. Di Semenanjung *Certificate of Fitness* (CF) dan di Sarawak dikatakan *Occupation Permit* (OP).

Jadi, sebelum OP ataupun CF ini diberi, orang-orang itu, pemaju itu disyaratkan mesti menyiapkan tanah-tanah untuk riadah dan halaman-halaman untuk bermain dan berkumpul. Ini kerana, sebagaimana Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau sebutkan tadi, memang saya bersetuju kerana kalau kita daripada orang kampung, biasa rumah kita satu kebun untuk sebuah rumah dan satu kebun sepuluh ekar umpamanya, halaman kita memang besar dan indah sekali dengan pokok-pokoknya, dengan tepi sungainya dan sebagainya.

Jadi, kita boleh berlari-lari dan bermandi-manda di tempat-tempat yang sebesar itu, tetapi bila kita sampai ke dalam bandar duduk di rumah pangsa dan sebagainya, kita tidak ada lagi '*common ground*' ataupun *area* untuk kita beriadah dan bermain. Ini mesti disediakan. Menjadi tugas dan tanggungjawab kerajaan dan masyarakat mesti menyediakan ini, pihak-pihak pemaju mesti diwajibkan menyediakan ini, jangan tanah lapang sahaja oleh kerana berlaku banyak sangat apabila disediakan, disyaratkan dan disediakan tanah lapang, kemudian akan dibina apabila rumah itu sudah habis dijual, rumah habis dijual, pemajupergi, tanah lapang, lepas itu lima tahun selepas itu dia minta buat kedai pula, bangunan tinggi-tinggi mencari keuntungan yang besar-besar.

Jadi, kadang-kadang rancangan kerajaan itu bunyinya ada, tetapi kesan tidak ada langsung. Jadi, ini tugas dan tanggungjawab masyarakat. Juga, saya akan sebut soal *extended family*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat rumah, alhamdulillah, sekarang kerajaan telah mewajibkan setiap rumah mesti ada tiga bilik. Dua bilik mandi umpamanya, dahulu pernah sebelum tahun 1990 rumah yang dibuat itu cuma dua bilik sahaja. Saya pernah, tujuh tahun yang lepas, berucap dalam Dewan ini mengatakan rumah yang sebegini memang rumah ini tidak Islamik kerana ibu bapa ambil satu bilik. Kalau anak seorang, dilahirkan anak perempuan alhamdulillah, seorang sahaja dia duduk di sana, tetapi lahir lagi anak lelaki pun duduk di sana, sebelum akil baligh bolehlah kita duduk di dalam itu, kalau anak ini sudah mencapai satu tahap umur mereka nanti, macam mana anak ini hendak duduk sebilik adik beradik. Walaupun adik beradik dan macam mana kita hendak mengatasinya. Sekarang kita sudah ada tiga bilik maknanya anak lelaki satu bilik dan anak perempuan satu bilik.

Dalam keadaan sedemikian bolehkah kita mengamalkan satu konsep yang dikatakan '*extended family*'? Tidak boleh, maknanya nenek kita tidak boleh duduk. Macam mana Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam cakap tadi mengatakan biar nenek ini jaga anak-anak, jangan gunakan orang gaji. Orang gaji biar buat kerja cuci kain, cuci pinggan mangkuk, cuci periuk belanga, basuh kualiti, memasak dan sebagainya dan nenek akan jaga anak ini. Tetapi di mana nenek hendak duduk, kalau bilik hanya ada tiga? Tidur dalam jamban!

Jadi, apabila kerajaan merancang dan menubuhkan satu konsep '*extended family*' ini kita mesti menyeluruh, jangan menyebut '*extended family*' sahaja. Rumah murah yang kita jual pun kena buat, siapa yang layak menerima?

Tuan Yang di-Pertua, di Singapura telah dibuat semenjak tahun 80-an. Kita boleh beli rumah yang ada tiga bilik, kita boleh beli rumah yang ada empat bilik, lima bilik pun ada. Ini semua rumah di bawah Majlis, di bawah '*management council*' pada peringkat itu, pada tahun 80-an.

Jadi, konsep '*extended family*' walaupun tidak dilaksanakan, kita sudah ada di sini tetapi tidak boleh dilaksanakan. Oleh kerana bilik-bilik rumah pangsa, daripada rumah kampung tidak boleh di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Panjangkah pendek ini? Kalau panjang sangat boleh dipotong. Jadi, menteri pun tidak ada, tidak apa. Memang dimaafkan.

'*Extended family*' ini kalau kita tidak ada mekanismenya jadi jangan bina yang lebih daripada tiga bilik ini dikatakan kondominium, dijual dengan harga RM400,000, RM800,000. Sepatutnya ada juga rumah yang lima bilik, empat bilik ini dijual dengan harga yang lebih murah, dengan *furnished* dan pembuatannya bertahap rumah murah. Tetapi tidaklah semurah apa yang kita jual sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf mungkin berlainan pendapat di sini. Saya bersetuju rumah murah ini dinaikkan sedikit harganya. Tidak berkemungkinan seorang pemaju boleh membuat rumah sebegitu murah dan menyediakan kemudahan yang kita kehendaki. Umpamanya hendak minta tiga bilik, empat bilik ataupun lima bilik. Harga mesti kena dinaikkan sedikit. Saya percaya rakyat Malaysia berkemampuan membeli

tetapi dengan syarat ditentukan. Jadi, ini tugas dan tanggungjawab masyarakat untuk melaksanakan *society* ataupun masyarakat yang terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, jadi berpindah saya kepada undang-undang ini. Undang-undang ini cukup lengkap kerana tiga undang-undang telah dilaksanakan di bawah satu bill, satu tajuk dan akan ditadbir atau dikawal selia oleh satu majlis. Jadi, saya berharap majlis ini mengawal selia perundangan ini, kehendak perundangan ini, akan melihat dua kelompok manusia yang mereka akan jaga itu nanti sebagaimana yang saya sebutkan awal-awal tadi iaitu satu masalah anak-anak keluar daripada rahim ibunya, sampai ke peringkat umur 18 tahun yang mungkin dianiaya, didera dan sebagainya oleh ibu bapa ataupun penjaganya. Ini juga berkehendakkan satu pengawalseliaan, satu pengawasan yang berlainan daripada yang satu lagi.

Jadi, pengawalan ini ada garis panduan ditunjukkan, ditetapkan di dalam undang-undang ini. Walaupun ada satu, dua undang-undang ini yang saya belum dapat mengatakan saya bersetuju, umpamanya di bawah seksyen 43, mengatakan “(b) *memperoleh seseorang kanak-kanak bagi maksud pelacuran atau bagi maksud persetujuan, kecuali dengan jalan perkahwinan, dengan mana-mana orang lain, sama ada di dalam atau luar Malaysia*” dan hukuman diberi ialah beberapa ribu ringgit sahaja ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak bersetuju dengan persoalan yang satu ini kerana kes orang yang mengambil anak-anak ini ataupun budak-budak perempuan ataupun lelaki untuk pelacuran di dalam ataupun di luar negeri daripada penjagaan ibu bapanya ataupun penjaganya menjadi pelacur. Dengan hukuman yang disamakan dengan orang yang membuat kesalahan lain dalam rang undang-undang ini kerana ini adalah masalah yang begitu menyedihkan.

Saya pernah diberitahu seorang budak dari Malaysia ini diculik dan dibawa ke Thailand, selepas itu ibu bapa itu terjumpa anaknya di Thailand telah menjadi seorang pelacur. Begitu sedih si ibu dan bapa ini yang telah lima tahun mencari anaknya. Apabila dia pergi ke Thailand, berjumpa dengan anak ini sudah pun menjadi pengemis di kaki lima di Thailand dengan tangan dan kaki dipotong. Cerita ini sama ada betul atau tidak, saya tidak tahu tetapi inilah cerita yang saya dengar dan saya diberitahu. Jadi, bagaimanakah perasaan seorang ibu dan bapa berjumpa anak yang hilang selepas lima

tahun di kaki lima di Thailand menjadi pengemis. Mula-mula dilacur, selepas itu menjadi pengemis. Tetapi inilah hukuman yang kita hendak tentukan, kalau orang yang membuat kesalahan ini didapati.

Saya tidak begitu yakin ini mencukupi. Sepatutnya persoalan orang hendak membawa anak ini lari ataupun menculik anak ini dan dibuat menjadi pelacur atau pengemis ini sepatutnya mendapat satu penekanan khusus di bawah satu peruntukan khusus di dalam undang-undang ini sebagai satu kesalahan yang berat kepada mereka.

Jadi, kenapa pula dia tidak dituduh dalam undang-undang jenayah biasa. Oleh kerana di bawah undang-undang ini mempunyai peruntukan, bukti yang berlainan daripada undang-undang jenayah biasa. Jadi, maknanya bukti (*requirement*) berlainan daripada undang-undang jenayah biasa. Jadi, dari segi hukuman walaupun dia punya bukti ringan dan senang sedikit tetapi hukumannya mesti diberatkan sama macam undang-undang juvana biasa, menculik orang dan sebagainya.

Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat semula peruntukan terutama sekali menculik anak-anak dibawa untuk dilarikan dan dijual atau dilacur di mana-mana tempat di dunia ini. Kerana ini adalah tidak memadai seseorang itu hanya dihukum RM5,000 ataupun RM10,000 dan bagaimana perasaan si ibu bapa yang anak mereka diculik dan hilang daripada jagaan mereka.

Jadi, saya berharap dalam keadaan ini pun - soalan penderaan iaitu berperingkat-peringkat apabila laporan diterima. Apabila laporan diterima, perundangan di sini adalah memastikan iaitu seseorang yang memberi maklumat akan dirahsiakan. Kalau membuat maklumat yang salah, yang palsu boleh dihukum dan sebagainya. Penyiasatan akan dibuat.

Jadi, penyiasatan ini saya percaya akan dibuat oleh pihak orang yang dilantik di bawah ini dan pegawai polis. Yang pentingnya, apabila soal penyiasatan disebut, kita mesti mempunyai satu kumpulan ataupun '*team*' yang benar-benar mahir menyiasat kerana menyiasat masalah persoalan golongan biasa memang berlainan daripada menyiasat hal kes-kes penderaan ataupun penganiayaan anak-anak yang masih kecil yang mana, anak-anak ini mungkin tidak boleh memberi penerangan yang tertentu dan mungkin cara pihak penyiasat itu berlainan kerana dia menggunakan cara-cara menyiasat jenayah biasa (*criminals*). Sebagai pegawai polis umpamanya, '*culture*' polis itu sendiri

atau budaya penyiasatan itu sendiri mungkin tidak sesuai dengan budaya yang perlu dikehendaki di bawah penyiasatan kes-kes penganiayaan kanak-kanak ini.

Jadi, pegawai-pegawai yang dilantik di bawah ini mestilah mempunyai ilmu-ilmu yang tertentu, pengalaman-pengalaman yang tertentu ataupun bimbingan dan latihan yang tertentu supaya lebih berkesan dan boleh melaksanakan pekerjaan mereka dengan rapi lagi. Kalau tidak, saya bimbang anak-anak yang teraniaya ini, yang tercedera ini di peringkat awalnya tidak mendapat satu layanan dan merasa lega, senang apabila sudah didapati oleh pihak polis kerana masih di bawah jagaan pihak polis ataupun jagaan pihak penyiasat ini dia masih merasa tertekan, dia masih merasa takut, dia masih merasa bimbang dan sebagainya. Ini kita melibatkan diri dalam persoalan kanak-kanak kerana kanak-kanak ini berlainan daripada orang tua, orang tua mungkin mempunyai ketahanan diri yang lebih tinggi daripada kanak-kanak.

Jadi, semua pegawai yang terlibat dalam persoalan ini. Saya berharap pihak kementerian apabila melantik orang yang menjadi penyiasat, pengasuh, pelindung dan sebagainya mestilah orang-orang yang bukan sahaja berpengalaman tetapi juga diberi latihan-latihan yang sempurna supaya dapat melaksanakan kehendak undang-undang ini dan memberi kesan yang baik kerana di bawah kes-kes ini kita mesti melihat dua perkara:

- (i) masalah anak-anak yang teraniaya; dan
- (ii) masalah kes jenayah dilakukan oleh mereka yang terlibat dengan penganiayaan dan penderaan itu.

Dalam kes ini walaupun ada dalam undang-undang ini kita hendak menghakimi pesalah tetapi dalam masa yang sama anak-anak ini kalau ibu bapa yang terlibat, mungkin akan dikembalikan kepada ibu bapa mereka melainkan ibu bapa ini tidak lagi berkesanggupan menjadi seorang yang dikatakan ibu bapa. Terpaksa anak ini diserahkan kepada satu 'rumah selamat' ataupun banyak terminologi yang disebutkan di sini iaitu 'rumah selamat', 'rumah bimbingan' dan sebagainya. Jadi, kalau ini berlaku maknanya anak-anak ini akan dipisahkan daripada ibu bapa atau penjaga yang berkenaan. Jadi, saya berharap pihak yang dilantik ini mempunyai kemampuan mengendalikan tugas dan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kalau kita lihat undang-undang kebiasaannya apabila undang-undang ini dibuat kita sentiasa melihat apa yang berlaku dalam situasi

dan keadaan di Semenanjung Malaysia. Kita jarang sekali melihat keadaan di Sabah dan Sarawak. Umpamanya, perlantikan pegawai – kalau dilantik pegawai-pegawai di peringkat daerah-daerah di Semenanjung Malaysia kita berkata persoalan ini kita boleh membuat perhubungan dan perjalanan dalam masa sejam ataupun dua, ataupun tidak sampai sehari pun. Tetapi di kawasan pedalaman, di kawasan luar bandar di Sarawak umpamanya, ada kalanya perjalanan itu memakan masa sehari ataupun dua hari.

Jadi, oleh kerana perkara yang sedemikian apabila melantik pegawai-pegawai, melantik orang yang diberi kuasa di bawah undang-undang ini mesti melihat soalan geografi negeri yang besar seperti Sarawak. Mesti ada perlantikan dan pegawai-pegawainya di peringkat-peringkat daerah dan pegawai-pegawai ini jangan dilantik begitu sahaja. Peringkat pegawai-pegawai ini mesti diberi kemudahan-kemudahan yang mencukupi supaya boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka di peringkat daerah-daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyebut kenapa saya menyebutkan perkara ini selepas ini nanti. Jadi, saya pindah kepada persoalan jenayah. Ini anak-anak yang tercicir, anak-anak yang tercicir maknanya, anak-anak yang telah melakukan satu kesalahan, anak-anak yang melakukan jenayah dan sebagainya dan termasuk daripada orang yang boleh diambil tindakan di bawah undang-undang ini. Ini lagi satu perkara yang berlainan daripada yang mana anak-anak yang teraniaya dan tercedera. Di sini anak yang boleh mencederakan orang dan boleh menganiayakan orang. Anak-anak ini pula kita mesti memberi satu penekanan yang berlainan.

Jadi, maknanya majlis ini – pegawai-pegawai ini sesiapa sahaja terlibat dengan perundangan ini mesti mempunyai dua muka (*face off*). Satu, melihat anak-anak yang teraniaya, satu lagi melihat anak-anak yang boleh menganiayakan orang. Jadi, di sini kita walaupun kita cukup mengatakan di sini penangkapan, penyiasatan, pembawaan ke mahkamah dan sebagainya dan anak-anak ini apabila dibawa ke mahkamah tidak boleh digambar, tidak boleh dibuat dalam media-media dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama kalau perkara itu masih dikendalikan oleh '*police station*' yang sama, masih dibawa ke mahkamah yang sama, walaupun ada garis panduan menentukan yang mahkamah digunakan untuk mengendalikan undang-undang ini adalah mahkamah yang berlainan, pintu yang berlainan dan sebagainya, tetapi masih dalam satu bangunan yang

sama. Jadi, besar kemungkinan hakikat yang tersirat dalam undang-undang ini tidak dapat dilaksanakan kerana anak-anak ini masih terdedah kepada semua orang, orang ramai, terdedah kepada media, terdedah kepada apa sahaja.

Jadi, saya berharap bukan sahaja kita perlu mengadakan mahkamah yang berasingan, kita perlu juga mengadakan polis yang berasingan untuk menangani masalah-masalah di bawah undang-undang ini supaya anak-anak ini apabila ditangkap nanti tidak keluar gambar-gambar mereka dalam media-media, tidak dikenali oleh orang ramai dan mendapat pendedahan yang begitu besar dan sebagainya, kerana kita tidak berkemungkinan dapat mengambil tindakan secara menyeluruh apabila namanya terdedah, namanya tersebar. Kita mungkin tidak berkemampuan hendak mendakwa semua orang di bawah undang-undang ini. Apabila laporan dibuat, penyiasatan dimula, penangkapan dibuat, pihak-pihak yang terlibat, umpamanya pihak polis mestilah bertindak sebagaimana menangani masalah kanak-kanak, bukan menangkap, menyiasat dan menangani masalah orang tua ataupun penjenayah-penjenayah biasa.

Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku lebih kurang tujuh atau lapan bulan yang lepas. Ceritanya macam ini, dua orang kanak-kanak daripada sekolah rendah, maknanya belum sampai ke peringkat yang tinggi – sekolah rendah (primary), darjah empat. Apabila dimarah oleh gurunya di sekolah kerana tidak buat kerja rumah, dua orang budak ini pulang masa tengah hari itu. Gurunya tinggal di sekolah, dia pergi ke rumah guru ini, dia tidak buat apa-apa, dia makan semua makanan guru itu, dia makan habis-habisan. Guru ini orang bujang, dia masak untuk petang. Dia makan, dia tidak curi, tidak ada apa benda tetapi telah menceroboh rumah guru ini. Dia makan semua lauk, nasi dan sebagainya di dapur guru ini. Guru ini balik pada waktu petang, nampak makanan telah habis, rumah dinaiki tetapi tidak ada barang atau benda yang kecurian.

Jadi, guru telah melaporkan perkara ini kepada pihak polis. Apabila guru ini melaporkan kepada pihak polis, polis datang buat siasatan. Pada masa yang sama ibunya pergi ke kebun, bapanya pergi menangkap ikan ke laut. Kedua-dua orang anak ini ditangkap, dibawa ke satu tempat yang perjalanannya satu jam naik bot, selepas itu naik kereta satu jam, maknanya dua jam perjalanan. Itu, sudah ada orang sediakan dengan bot, sedia dengan kereta. Selepas itu tidak ada tempat kerana tidak ada tempat pemulihan, tidak ada tempat yang selamat, tempat perlindungan semuanya tidak ada –

tempat daerah. Ini semua saya sebutkan tadi. Oleh kerana undang-undang yang menentukan perkara ini mesti ada.

Jadi, sampai ke tempat itu anak ini tidak ada tempat lain, takut lari, disimpan masuk dalam sel polis, boleh. Rang undang-undang ini membolehkan, kalau tidak ada tempat yang selamat, tidak ada tempat perlindungan dan tidak ada tempat apa-apa, boleh disimpan dalam sel polis ataupun jel. Undang-undang membolehkan tetapi 'it is the last resort'. Anak ini sudah masuk ke dalam pihak polis, selepas itu dihadapkan ke hadapan Majistret Juvana. Apabila dihadapkan ke hadapan Majistret Juvana, dimasukkan ke dalam sel polis atas reman mahkamah. Tidak ada orang hendak terima.

Tiga hari kemudian ibu bapa dia jumpa saya, semua orang telefon, habis-habis semua alasan yang diberi kepada saya ialah mengatakan ini adalah arahan mahkamah, terlepas mahkamah siapa pun tidak boleh terlibat lagi oleh kerana kita tidak boleh ganggu, telefon magistrate kata magistrate, "Tolong lepas kerana arahan mahkamah". Nanti '*contempt of court*'.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, budak itu duduklah dalam sel sampai mahkamah tetapkan haribulan perbincangan diadakan tetapi anak itu sudah masuk sel. Anak ini di bawah umur 14 tahun.

Jadi, saya berharap dalam mengendalikannya undang-undang ini perkara yang sedemikian tidak berlaku supaya kanak-kanak ini sudah ada stigma, sudah ada 'trauma' duduk dalam sel ....

**Seorang Ahli:** Sel mahkamah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sel mahkamah. Jadi, saya berharap kalau undang-undang dikatakan nanti untuk negeri Sarawak. Perkara yang sedemikian di tiap-tiap daerah itu diadakan tempat berlindung, tempat-tempat selamat semua diadakan. Memang berat sedikit untuk kementerian mengadakan kemudahan ini secara serentak tetapi inilah hakikatnya kalau kita betul-betul melaksanakan apa yang tersurat dan tersirat dalam undang-undang ini dengan sempurna kerana Sarawak itu jauh berlainan dengan keadaan di semenanjung. Undang-undang ini ditubuhkan oleh orang yang memikirkan keadaan di Kuala Lumpur, Lembah Kelang. Ia tidak melihat apa yang berlaku di Batang Lupar ataupun di Ulu Baram yang mana perhubungan jalan bot - 3 hari kadang-kadang jalan kaki - 3 jam, jalan bot - 2 jam. Jadi, kalau ini tidak dilihat

nescaya sekali lagi negeri macam Sabah dan Sarawak tidak akan mendapat nikmat soalan begini yang mana masalahnya tetap sama.

Undang-undang ini digubal untuk semua manusia yang sama dan menyelamatkan masyarakat yang sama. Hanya berkemungkinan mengikut data yang ada pada kita masalah jenayah dan dadah melibatkan juvana di Sarawak adalah jauh lebih rendah daripada apa yang berlaku di Semenanjung. Tetapi soalannya kita lihat yang rendah itu jangan kita anggap benda ini tidak berlaku.

Dalam kita menangani masalah jenayah kanak-kanak ini, Tuan Yang di-Petua, saya berharap juga apa yang kita kehendakki sebagaimana menteri kata tadi, "*friendly*" dalam segala segi kita mesti melihat apa seorang hakim di Amerika kata, kalau seorang penjenayah itu kita selidik dulu sebab-sebab (*reason*) mengapa ia menjadi penjenayah. Kita letakkan asas oleh kerana ibu bapa ia dahulu kena dera, ibu bapa dia pendera, anak ini jadi penjenayah, kita maafkan dia oleh kerana kesalahan ibu bapanya dahulu. Ini berkemungkinan kalau dia menggunakan pistol dan pisau, hari ini kita tidak hukumkannya kerana ibu bapanya dan masyarakatnya dahulu salah. Yang salah itu mesti salah juga. Anak semasa sekarang jadi penjenayah tetap penjenayah juga. Kalau dia membuat kesalahan, dia mesti menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dia buat mengikut undang-undang yang kita gubal ini.

Tuan Yang di-Petua, oleh kerana ada permintaan yang tertentu, saya mengundurkan diri dahulu dan saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Petua:** Ya, sila.

**3.15 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Petua, Rang Undang-undang ini lebih elok kalau dipanggil Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1999.

Tuan Yang di-Petua, di dalam Islam terutama dalam agama-agama khasnya agama Islam mengambil berat hal kanak-kanak ini amatlah dititikberatkan sebab Nabi suci kita, Nabi Muhammad s.a.w. adalah seorang anak yatim piatu dan baginda dipelihara oleh datuknya, kemudian bapa saudaranya. Kita juga diberitahu bagaimana penghormatan Nabi Muhammad s.a.w. kepada pengasuhnya, Halimatus Saadiah. Sehingga apabila Halimatus Saadiah datang ke satu majlis, Nabi yang menjadi ketua

negara sanggup membuka serbannya untuk menghampar supaya Halimatus Saadiah ini duduk di atas serban yang dipakai di kepala baginda. Ini menandakan bahawa bagaimana pendidik-pendidik yang begitu rupa yang dihormati sampailah ke peringkat Nabi menjadi ketua negara dan rasul dan pemimpin utama.

Begitulah juga kita lihat nabi-nabi yang utama, Nabi Isa a.s. (Jesus), juga anak yatim. Beliau dipelihara oleh ibunya tanpa bapa sehinggalah menjadi seorang rasul dan pemimpin yang terkenal.

Begitulah juga, Nabi Ibrahim a.s. adalah anak yang dihanyutkan dan dipelihara oleh Aisyah, isteri Firaun, sehingga besar dan menjadi pemimpin yang agung di atas muka bumi ini.

Kalau kita lihat ketiga-tiga pemimpin agung ini, Nabi Muhammad s.a.w., Nabi Isa a.s. dan Nabi Musa a.s. adalah kanak-kanak yang dipelihara bukan oleh ibu bapa asal mereka. Oleh itu dalam penjagaan kanak-kanak ini kalau di sudut tiga agama ini mestilah kita mengambil perhatian yang cukup serius kerana ibu bapa atau penjaga menentukan akhlak seseorang itu pada masa hadapan. Sebab itulah soal anak yatim, memelihara kanak-kanak adalah satu perkara yang cukup besar yang ditekankan oleh agama kita iaitu agama Islam dan lain-lain agama.

Memang rang undang-undang ini ada beberapa perkara yang boleh dilihat sebagai positif terutama sekali suasana jenayah yang berlaku sekarang ini di Malaysia sudah sampai ke peringkat jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak dan di Amerika kita semua tahu bahawa kanak-kanak sekolah boleh menembak guru, menembak rakan mereka, mengamuk dalam kelas, menggunakan senjata-senjata api. Oleh itu, kita harap akta ini dapat membentuk satu generasi pada masa akan datang supaya kita dapat mengawal jenayah di peringkat kanak-kanak tidak merebak ke negara kita. Walaupun sekarang di negara kita, jenayah di peringkat eksekutif tinggi seperti Datuk membunuh isteri, korporat Petronas dituduh membunuh isteri dan sebagainya. Jenayah di peringkat tinggi sekarang ini begitu merebak.....

**Tuan Yang di-Petua:** Yang Berhormat Tanjong Karang, bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya hendak cakap pendek ini. Jadi, kita harapkan jenayah di peringkat kanak-kanak ini dapat dibendung. Pemeliharaan kanak-kanak amatlah penting dan terutama sekali kanak-kanak orang Islam supaya pihak

kementerian dapat memberi jaminan bahawa kalau hendak diserahkan kepada orang lain hendaklah agamanya itu dipelihara supaya ianya tidak diserahkan kepada orang lain yang berlainan agama yang akhirnya boleh berlaku ketidakharmonian dalam masyarakat pada masa yang akan datang. Ini pihak kementerian mesti memberi jaminan supaya tidak berlaku kekeruhan pada masa akan datang.

**Tuan Yang di-Petua:** Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sedikit sahaja saya hendak tanya. Terima kasih Tuan Yang di-Petua, Yang Berhormat ada sebut kanak-kanak Islam, jadi saya hendak minta penjelasan. Kita lihat memanglah kerajaan sudah buat bermacam-macam untuk mendidik kanak-kanak tetapi kita dapati Parti PAS sejak akhir-akhir ini gunakan kanak-kanak ini. Tanam semangat benci kepada pemimpin sampai kanak-kanak tidak boleh beza PAS itu agama, agama itu PAS. Kemudian kita lihat sampai kepada satu tahap baru-baru ini ada reformasi, demonstrasi, kanak-kanak sekolah bawa pisau ikut sama-sama berkempen. Jadi, kanak-kanak bawah umur ini tidak boleh berpolitik. PAS hari ini sudah mula jual baju untuk kanak-kanak, "*I Love PAS*". Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat kalau kita betul-betul hendak membina anak kita sebagai generasi yang berguna?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Memanglah membina kanak-kanak ini mengenal perjuangan biarlah daripada kecil. Barangkali itu reaksi juga di Kangar, Perlis, kanak-kanak darjah satu diminta hadir ke stadium untuk menyambut Perdana Menteri, bukan Perdana Menteri yang berucap tetapi malam itu berucap sebagai Presiden UMNO. Jadi, apabila kanak-kanak hadir, ibu bapa kena hadir sebab kalau tanpa kanak-kanak hadir barangkali ibu bapa tidak dapat hadir. Ini kita lihat barangkali juga berlaku di Stadium Kangar itu di mana kanak-kanak berhujan dan sebagainya, bukan dengar ucapan Perdana Menteri tetapi lebih mirip Presiden UMNO dan memukul parti-parti pembangkang di hadapan kanak-kanak. Jadi, kita masing-masing pakat jaga kali ini supaya kedua-dua pihak jangan eksploit kanak-kanak ini.

Tuan Yang di-Petua, perkara seterusnya saya ingin sentuh ialah buruh kanak-kanak. Ini memang kita sama-sama menentang, mengeksploitkan kanak-kanak dalam apa bentuk perniagaan dan buruh tetapi pihak kementerian hendaklah membezakan antara buruh kanak-kanak dengan konsep kanak-kanak membantu ibu bapa. Misalnya, kita di

kampung-kampung dahulu daripada darjah enam atau kecil daripada itu kita telah membantu ibu bapa pergi ke sawah memelihara kerbau dan sebagainya. Begitulah juga di kalangan masyarakat Cina jikalau mereka membuka kedai basikal anak-anak mereka membantu bekerja sampai bertungkus-lumus. Itu bukan ditakrifkan sebagai buruh kanak-kanak sebab mereka itu membantu ibu bapa mereka. Buruh kanak-kanak memang kita tentang iaitu mereka cari makan, upah yang tertentu, tetapi kalau mereka menolong ibu bapa mereka maka kita mesti bezakan antara buruh kanak-kanak dengan konsep menolong keluarga atau melatih mereka bekerja daripada kecil dan mereka yang dilatih oleh ibu bapa mereka ini tahu walaupun pergi ke universiti, mereka tahu ibu bapa mereka dahulu bekerja begitu .... [*Disampuk dan Yang Berhormat Machang bangun*] Saya hendak ke *airport* ini. Boleh, boleh.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Sedikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat kalau ada parti politik menggunakan kanak-kanak untuk pungut derma, boleh atau tidak boleh? Yang Berhormat setuju atau tidak setuju kalau kanak-kanak digunakan untuk memungut derma sebuah parti politik?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kanak-kanak digunakan tetapi kalau derma itu untuk sekolah mereka, itu tidak apa. Banyak, misalnya kita buat jamuan teh ataupun ceramah sekolah dan kita kutip derma untuk sekolah. Kalau kanak-kanak itu datang tolong kutip, kita memang memberi sumbangan agak lebih kalau dibandingkan dengan orang-orang tua yang kutip. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, ada soal, ada jawab, Insya-Allah [*Ketawa*].

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Maknanya Yang Berhormat, penjelasan sekali lagi. Maknanya kalau orang menggunakan kanak-kanak itu adalah strategi politik untuk dapat wang lebih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya ingat ramai juga budak-budak sekolah St. John kutip derma di merata stesyen bas dan sebagainya dan kita lihat budak-budak sekolah kutip derma dengan lambang bulan sabit dan kita beri kerana itu budak-budak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, hendak habiskan cepat ini. Oleh itu, kita lihat dalam masyarakat Cina, misalnya mereka melatih anak mereka bekerja bersama ibu bapa, walaupun dia pergi ke universiti, kemudiannya dia teringat kepada kerja ibu bapanya dan

mereka menyambung kerja-kerja ibu bapa mereka. Semasa mereka bekerja di bawah 18 tahun itu bukanlah dianggap buruh upahan atau buruh kanak-kanak tetapi lebih bersikap latihan yang diberi oleh ibu bapa mereka. Janganlah sampai mereka bekerja dengan ibu bapa, adanya rang undang-undang ini kita boleh bertindak misalnya kepada anak-anak seperti itu dan masyarakat kita pun begitu juga. Kita melatih anak-anak khasnya dikampung untuk bekerja membina ekonomi keluarga, bukan dalam konsep mengambil upah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini disebut bahawa yang paling kami bimbang ialah satu Fasal yang disebut iaitu mereka yang mengandung di luar nikah selepas ini ada tempat untuk mereka melahirkan anak. Kalau orang itu sudah termengandung, tugas kita memang kena menyelamatkan anak dalam kandungan itu tetapi janganlah fasal yang ada dalam enakmen ini, dalam rang undang-undang ini seolah-olah ada satu boleh digambarkan seperti menggalakkan orang mengandung di luar nikah kerana ada tempat untuk bersalin. Perkara inilah kita perlu bendung sungguh-sungguh. Kita sebut tadi bahawa kalau yang sudah termengandung, memanglah, hendak elakkan daripada anak itu dibuang di tepi longkang ataupun disangkut di surau, madrasah atau di mana-mana kuil, eloklah kita selamatkan ibu yang mengandung itu daripada membuang anak di tepi-tepi jalan. Tetapi janganlah sampai fasal ini menggalakkan pasangan yang belum kahwin ataupun yang di bawah umur sehingga mereka tahu bahawa kalau mengandung ada tempat untuk mereka bersalin.

Perkara ini perlu dijaga, sebab kalau kita tersalah membawa fasal ini seolah-olah digambarkan kepada anak-anak muda bahawa jangan bimbang, kalau termengandung ada tempat untuk kita beranak. Kita harap kerajaan betul-betul mengawasi perkara ini supaya janganlah sampai ke peringkat kita dituduh menghalalkan zina. Dalam rang undang-undang iniyang perlu diambil perhatian sungguh-sungguh oleh pihak kementerian kerana kita lihat disebut tadi bahawa kalau mereka mengandung, jangan bimbang ada tempat untuk mereka melahirkan anak dan kalau disalah tafsirkan bahagian ini, maka diketahui oleh anak-anak muda, maka mereka kata “Tidak apa, kalau terjadi apa-apa, jangan buang anak, kita mengadu kepada kementerian, ada tempat untuk beranak.” Jadi, perkara ini kita harap diambil perhatian sungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita harap apabila mereka yang termengandung ini dan melahirkan anak di tempat itu, kalau boleh pihak kementerian cuba *identify* bapa kepada budak itu sebab sekarang ini ada berbagai-bagai cara untuk mengetahui siapa budak kepada bapa itu kerana kita boleh test melalui DNA, RNA dan sebagainya yang kita boleh tahu supaya barangkali masa budak itu kecil dia tidak teringat sangat kepada bapanya. Tetapi bila dia sudah dewasa, dia juga kadang-kadang ingin mencari siapa bapanya. Macam gadis di Melaka yang dirogol itu, anaknya telah besar sekarang, kita tengok muka budak itu, kita kenal bapa dia siapa [*Ketawa*] macam itulah lebih kurang.

Bila seseorang itu sudah besar, dia tidak tahu bapanya, maka lahirlah pelbagai slogan seperti “Aku tidak minta lahir di dunia” dan “*Born to be free*” macam-macam. Setengah orang dia suka lagu “*Let me alone, release me*” atau macam-macam lagi yang kita lihat kerana mereka ini merasakan bahawa mereka tidak ada bapa. Saya katakan tadi, kalau sudah terlanjur gadis dan anak itu diselamatkan. Pihak kementerian berusaha *identify* kan bapa, manalah tahu setelah mereka sama-sama dewasa maka si anak ini ingin mencari siapakah bapanya dan dia terasa dirinya kembali mulia daripada dia tidak ada bapak langsung di atas muka bumi ini.

Kajian-kajian yang dibuat di negara barat didapati bahawa mereka yang tidak tahu siapa bapanya itu, hidupnya agak merana, tekanan jiwa dan selalunya mereka mengambil dadah apabila mereka ini terasa amat sangat tekanan jiwa kepada mereka kerana mereka tidak tahu siapa ibu bapa mereka. Kita harap pihak kementerian mengambil perhatian tentang pandangan ini.

Perkara seterusnya ingin saya sentuh saya ialah menghantar anak-anak yang nakal ke Henry Gurney. Kita harap ini adalah penyelesaian yang terakhir, sebab kanak-kanak yang masuk ke Sekolah Henry Gurney atau sekolah akhlak ini selalunya selepas tamat pengajian ini, akhlak mereka tidak baik. Mereka berasa terasing daripada masyarakat, macamlah orang dewasa yang keluar daripada Pulau Jerjak. Mereka yang balik daripada Pulau Jerjak kalau dia minum di kedai kopi di kampung, orang kampung sendiri pun tidak mahu berkawan dengan dia sebab ini lepasan Pulau Jerjak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Macang bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Last ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Yang Berhormat kata tadi, sebolehnya kanak-kanak yang dijatuhkan di bawah Akta Rang Undang-undang Kanak-kanak ini kalau boleh langkah untuk hantar ke Sekolah Henry Gurney ialah langkah terakhir. Saya ragu-ragu sama ada Yang Berhormat baca atau tidak rang undang-undang ini. Pasal dalam rang undang-undang ini memang itu hasratnya. Ada satu seksyen yang menyebut bahawa jika tidak ada apa-apa hukuman lain yang sesuai barulah boleh dihantar. Di bawah Seksyen 91, jelas bahawa itu adalah langkah yang terakhir. Jadi, kalau Yang Berhormat baca akta ini, saya rasa Yang Berhormat tidak bercakap begitu. Saya rasa itu yang dimaksudkan oleh akta ini, memang sama pun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Yalah saya hendak ingatkan lagi sebab tadi pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bagan dan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Kadangkala kita cepat sangat bertindak menghantar ke Sekolah Henry Gurney, memang kalau budak yang keluar daripada sekolah yang dipanggil sekolah budak jahat, itu istilah yang dipanggil, maka dia walaupun sudah berakhlak baik dianggap jahat lagi, maka akhirnya dia kembali kepada kejahatannya, itu sebagai peringatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir.Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Menteri bangun ya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Inilah perasaan tanggapan yang hendak kita buang, mengatakan daripada sekolah budak jahat. Sekarang ini kita sudah lama tukar nama itu kepada Sekolah Tunas Bakti. Saya harap Yang Berhormat menjadi contoh jugalah kepada orang ramai.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih Menteri memberi penjelasan. Saya kata anggapan orang, macam juga kanak-kanak cacat, kita sudah panggil kanak-kanak istimewa tetapi anggapan orang walaupun dia balik daripada Pulau Jerjak, dia sudah baik tetapi bila balik daripada Pulau Jerjak orang hendak minum kopi sekali pun orang tidak mahu, begitu juga sekolah ini – sekolah namanya baik. Tetapi walau bagaimanapun tanggapan orang awam “Anak kami pergi sekolah mana? Sekolah kanak-kanak jahat.” Sebab itulah kita kata kalau sudah tidak ada ikhtiar lain barulah dihantar ke sekolah itu. Kalau boleh cara perundingan dan cara *consultation*, cara lain maka kita

dapat menyelamatkan kanak-kanak itu ke jalan lain lebih baik, kalau tidak ada jalan, maka ke situlah.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu tentang proses ambil anak angkat. Kebelakangan ini orang-orang kaya terutama sekali mereka yang hartanya banyak, korporat-korporat, anak tidak ada. Oleh itu mereka ambil anak angkat, kemudian anak itu dibinkan kepada mereka. Tujuannya untuk mengawal harta itu, ianya bertentangan sekali dengan agama Islam. Anak angkat tidak boleh kita binkan kepada orang yang memelihara anak itu. Kita harap pihak kementerian dapat membuat kajian perkara ini sebab kita ada juga mendengar bahawa orang-orang yang berada ini, dia tidak tahu misalnya bila dia meninggal dunia nanti, harta hendak pergi ke mana? Maka mereka bubuh binkan anak itu kepada nama mereka, sedangkan anak angkat tidak boleh dibinkan kepada orang yang memelihara. Perkara ini pihak kementerian diharap mengambil perhatian yang serius.

Perkara yang seterusnya soal pelacur kanak-kanak. Di Malaysia ini kalau ada pun tidaklah lagi ditahap yang paling merbahaya. Tetapi pelacur kanak-kanak begitu hebat sekali di Thailand dan Filipina termasuk di negara China. Orang yang hendak melawat ke negara Cina sekarang ini antara yang dibisik oleh taukeh-taukeh yang membawa pelancong ke negara Cina, dia kata boleh dapat budak-budak, adalah bahasa-bahasa yang setengah orang gila orang yang di bawah umur ini dengan tawaran RM3,000 dan sebagainya. Di Thailand dan Filipina kita lihat dengan begitu jelas kalau kita berada di bandar itu walaupun satu jam kita duduk di main road, di kaki lima, kita boleh lihat kanak-kanak di bawah umur yang kita agak umurnya baru 14, 15 tahun dibawa oleh lelaki yang gilakan kanak-kanak seperti itu. Kita harap bendung sungguh-sungguh perkara ini kerana ianya mengejutkan.

Apabila akhbar *The Sun* mendedahkan perkara yang berlaku kepada kanak-kanak sekolah di Kajang bagaimana mereka berkumpul di satu tempat, mereka diberi minuman arak, selepas itu budak-budak sekolah itu dibawa untuk menonton video lucu, kemudian selepas itu budak-budak itu dibuat kerja maksiat terhadap mereka. Ini didedahkan oleh akhbar *The Sun* yang gambar-gambarnya sekali ditunjukkan kepada kita. Ertinya trend untuk melacurkan kanak-kanak ini sedang melanda negara kita dan dengan adanya akta

ini kita harap ia akan menjadi satu langkah kawalan yang baik pada masa yang akan datang. Kita harap bila diwartakan nanti bertindaklah dengan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan saya dan kebimbangan-kebimbangan kami terhadap rang undang-undang atau akta ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Machang.

**3.31 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahas Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999. Tuan Yang di-Pertua, bila saya mendengar ucapan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian rasa sejuk hati saya dengan menyebut contoh junjungan besar Rasulullah dan sebagainya, rasa sejuk hati saya. Mungkin Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bercakap begitu daripada hati nurani dia sebagai seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab. Tetapi ramai khususnya daripada parti beliau sendiri yang nampaknya apabila kita tinjau dari segi perbuatan-perbuatan beliau terhadap kanak-kanak tidak seperti apa yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi.

Saya boleh menyebut banyak contoh yang sedang belaku khususnya di negari Kelantan, misalannya bagaimana tindakan parti Yang Berhormat menggunakan kanak-kanak sekolah, Sekolah Arab Tahfiz, Pulau Condong di kawasan saya. Apabila UMNO membuat ceramah dia kerah budak ini keluar beramai-ramai, hadir ke tempat ceramah UMNO dan memberi laungan 'boo!' kepada penceramah-penceramah UMNO. Ini kerja-kerja yang dibuat oleh parti Yang Berhormat. Kemudian bila UMNO ceramah menggunakan kanak-kanak ini untuk membohongi penceramah-penceramah UMNO, membuat kacau dan sebagainya. Semua ini kanak-kanak yang digunakan.

Jadi, kalau saya dengar ucapan Yang Berhormat tadi, saya rasa sejuk hati. Tetapi apa yang berlaku sebenarnya tidak sedemikian tentang penggunaan kanak-kanak. Bukan itu sahaja, hendak memunggut derma, tabung parti. Kalau sekolah kita pun faham, rayuan hari pahlawan boleh guna budak-budak sekolah untuk memunggut derma kerana hendak mengenang jasa pahlawan, itu pun kita setuju. Untuk kepentingan sekolah, pelajaran kita setuju. Tetapi kalau untuk gunakan parti, bagi kepentingan parti, saya rasa perbuatan ini sudah melampau. Yang lebih anehnya lagi ialah Menteri Besar Yang Berhormat sendiri mempertahankan sikap ini, sikap menggunakan kanak-kanak untuk kepentingan parti

politik ini, Yang Berhormat nampaknya tidak bersetuju. Tetapi parti Yang Berhormat melalui Mursyidul Am PAS sendiri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan mempertahankan, kata boleh menggunakan kanak-kanak ini.

Jadi, nampak ada satu percanggahan yang amat nyata antara dua perkara itu. Jadi, kalau Yang Berhormat bagi Kubang Kerian boleh memajukan persoalan ini supaya menjadi dasar parti Yang Berhormat, alangkah amannya. Tidak ada kezaliman, penganiayaan kepada kanak-kanak yang berlaku. Tetapi kalau itu yang berlaku apakah generasi yang kita hendak bentuk di masa akan datang. Kalau kita biarkan tindakan-tindakan sedemikian, misalannya bila ada ceramah, pergi buat bising, kemudian melaungkan berbagai-bagai, 'boo!' orang. Ini peringkat kanak-kanak, kita didik sedemikian rupa, apa generasi yang kita hendak lahir di masa akan datang. Kita berjuang kerana Islam tetapi apakah ini cara Islam, apakah ini cara kita hendak bentuk generasi Islam yang berakhlak mulia di masa akan datang? Kalau ini yang diajar oleh parti Yang Berhormat, saya percaya generasi yang lahir akan datang ialah generasi yang kurang ajar, generasi yang menganjurkan perpecahan.

Jadi, kalau boleh apa Yang Berhormat ucapkan dalam Parlimen itu dimajukan sebagai dasar parti. Alangkah amannya dalam negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, kalau cakap seperti bikin orang kata. Tetapi kalau Yang Berhormat cakap sahaja, tidak menggambarkan sikap dan pendirian parti Yang Berhormat, saya tidak percaya apa Yang Berhormat ucapkan itu akan menjadi kenyataan pada suatu hari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada sahabat saya dari Machang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa PAS juga, aktivis-aktivis PAS yang berkhidmat di sesetengah sekolah kerajaan, dia menggunakan anak murid dan 'brain wash' anak murid supaya memperkatakan sifat-sifat yang tidak elok, sifat-sifat yang keji terhadap pemimpin-pemimpin negara, satu perkara.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa akhbar PAS juga menggunakan kanak-kanak dalam ruangan-ruangan tertentu dan ini digunakan sebagai satu *front* untuk anak-anak ini juga akhirnya membenci kerajaan di masa akan datang.

Dan juga kita melihat bagaimana sekolah-sekolah tadika anjuran PAS di mana budak-budak yang masih lagi daripada umur yang muda sudah pun di '*brain wash*' dengan pendirian-pendirian supaya orang yang bukan lagi daripada kelompok-kelompok mereka adalah orang yang harus dihina dan orang yang harus dinafikan existentya di dalam dunia ini.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu. Saya bercakap ini, saya ada bukti bagaimana penggunaan kanak-kanak ini di peringkat sekolah untuk membenci pemimpin negara di sekolah-sekolah bukan sahaja di sekolah agama, bukan sahaja di PASTI peringkat tadika tetapi di sekolah-sekolah menengah Kerajaan Persekutuan pun ada perkara ini wujud.

Tuan Yang di-Pertua, baru ini di kawasan saya, bagaimana seorang anak penyokong PAS berumur 12 tahun, bapanya penyokong kuat PAS kemudian mengoyak poster UMNO, mengoyak bendera UMNO, kebetulan nasibnya tidak baik malam itu dia kena tangkap. Bila ditangkap dibawa ke balai polis, umurnya baru 12 tahun. Perbuatan kanak-kanak ini yang berumur 12 tahun bertindak demikian dan laporan polis telah dibuat. Penggunaan kanak-kanak ini melakukan jenayah seperti ini, sepatutnya ayahnya sebagai penyokong PAS kena larang, jangan buat demikian, sebab kita pun boleh naik bendera, dia boleh naikkan, jangan ganggu orang lain. Tetapi budak-budak yang baru berumur 12 tahun ini ditangkap oleh polis kerana mengoyak poster. Insiden-insiden yang saya sebutkan ini memang jelas berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, satu malam di kawasan saya dia kerah budak-budak sekolah Arab umurnya lebih kurang 11 atau bawah 15 tahun sebelum sampai tingkatan tiga, hadir di tempat majlis ceramah UMNO kemudian '*boo*' dan sebagainya dalam majlis itu. Dia berkopiah kemudian memakai pakaian Melayu. Sekolah itu sekolah tahfiz tetapi akhlak yang dianjurkan itu cukup jelik sekali.

Kalau inilah yang kita hendak lahirkan generasi yang akan datang saya rasa di bawah dasar yang dibuat oleh PAS ini saya rasa cukup susah. Generasi yang akan lahir daripada sikap yang demikian ialah generasi yang kurang ajar, generasi yang tidak menghormati hak dan ketertiban orang lain, generasi yang tidak menghormati undang-undang maka akan porak-perandalah. Sebab itulah, saya sayu mendengar ucapan Yang Berhormat itu, saya faham Yang Berhormat berucap daripada hati sendiri tetapi tolonglah

nasihat kawan-kawan dan kepimpinan Yang Berhormat supaya jangan menggunakan kanak-kanak ini dan rang undang-undang ini kita buat adalah untuk mengawal keadaan ini supaya kanak-kanak ini tidak disalahguna di masa-masa yang akan datang.

Ini adalah satu perbuatan yang saya kira cukup jelik daripada sebuah parti yang hendak memperjuangkan Islam. Saya pun kadang-kadang terfikir apakah bentuk generasi Islam akan datang yang kita hendak bentuk. Yang Berhormat menyebut Junjungan Besar Rasulullah dihormati sehingga zaman kanak-kanaknya diiberikan penghormatan untuk meletakkan batu dan sebagainya. Lahirnya Junjungan Besar Rasulullah itu kerana beliau mempunyai akhlak mulia tetapi kalau kita ajar kanak-kanak untuk 'boo' orang lain, untuk mengoyak poster orang lain, ini saya rasa jauh, apatah akhlak Rasulullah yang kita hendak bentuk. Akhlak seperti Yang Berhormat Kubang Kerian pun tidak sampai setakat itu, saya rasa, kalau itulah yang sedang dibuat.

Bila kita bayangkan akhlak Rasulullah, apa akhlak Rasulullah, akhlak Rasulullah ialah Al-Qur'an. Kalaulah itu yang hendak dilahirkan, alhamdulillah, syukur dan amannya dunia ini. Tetapi apa yang dibuat nampaknya yang sedang berlaku sekarang, tidak seperti itu, cukup jauh daripada itu.

Bagaimana PASTI, PASTI ini ialah sebuah tadika yang dipelopori oleh PAS yang sekarang 'hidup segan mati tak mahu', ada sekolah yang kelasnya ada 30-40 orang, digunakan untuk menghasut, memijak gambar-gambar pemimpin Malaysia, pemimpin kerajaan, dihasut yang kerajaan ini adalah kerajaan yang tidak Islam, kerajaan kafir, kerajaan 'toghut' dan sebagainya. Di peringkat sekolah lagi sudah diberi asuhan seperti itu dan apabila kita menyuarakan hasrat ketidaksenangan kita terhadap tindakan seperti ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempertahankan pula bahawa ini boleh dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, cukup malang kalau orang yang mempelopori sebuah parti yang kononnya untuk memperjuangkan Islam tetapi tindakan-tindakan seperti ini tidak dibendung. Sebab itu generasi yang akan datang kalau kita hendak bentuk sebuah generasi yang baik, contoh Yang Berhormat sebutkan tadi akhlak Junjungan Besar Rasulullah adalah terbaik tetapi dalam amalan kita juga kita mestilah mempraktikkan terutamanya apabila sebuah parti yang memperjuangkan Islam mesti menepati kehendak-

kehendak itu , jangan sahaja kita bercakap mengenai soal Islam tetapi apa yang kita buat tidak selari dengan kehendak Islam.

Lihat bagaimana, kalau guru, saya bayangkan bagaimana akhlak yang hendak dilahirkan oleh parti Yang Berhormat. Kalau anak Menteri Besar kerana kesalahan disiplin seorang anak murid boleh pukul anak murid dengan lima jahitan di kepala, cuba bayangkan. Bagaimana bengisnya seorang guru bertindak terhadap anak murid.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, bukankah Menteri Besar Kelantan telah mengatakan kalau ada kes sila dakwa anaknya semoga kalau dakwa di dunia dia akan terlepas dosanya mungkin tidak dibicarakan lagi di akhirat. Kalau ada kes sila dakwa anaknya. Anak Saidina Omar juga pernah didakwa dan dipukul sendiri oleh ayahnya. Jadi Saidina Omar mendakwa anaknya, begitu juga Menteri Besar Kelantan, dia kata kalau ada kes dakwa anaknya, dia tidak melindungi, hendak gari, garilah. Jadi inilah contoh dia tidak menggunakan kuasa untuk melindungi anak, soal perbuatan itu kalau ada kes, dakwa. Itu sahaja yang kita mahu.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Yang Berhormat, jangan bandingkan Menteri Besar Kelantan dengan Saidina Omar, itu jauh bezanya. Saidina Omar telah dijamin syurga oleh Allah S.W.T Nik Aziz belum dijamin syurga, jangan dibanding. Inilah perbandingan yang tidak tetapi yang saya selalu kata, bila dia bercakap dia tunjuk contoh Nabi tetapi bila dia bercakap dia buat contoh Nabi.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dakwa anak Tok Guru kalau ada kes, itu sahaja.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya nanti saya jawablah. Belum habis lagi saya jawab. Saya akan masuk ke situ.

Soal pendakwaan soal kedua Yang Berhormat, tetapi daripada sikap ini yang saya hendak tunjukkan perbuatan itu, ini bukan kali yang pertama. Orang yang sama ini, anak yang sama sebelum ini sudah ada laporan polis, ini bukan kali pertama dia buat, sebelum ini sudah ada laporan polis memukul anak murid, ini kali yang kedua ia berlaku, bukan kali pertama, malangnya kali yang kedua ini lebih serius lagi, lima jahitan, yang dahulu orang tidak report, walaupun ada report tetapi kesnya adalah diklasifikasi di bawah Seksyen 323 iaitu *compoundible case*, senyap, kali kedua berlaku lagi. Betullah

hukuman mesti mengikut hukuman, itu pun saya setuju dan saya sudah beritahu dalam Dewan ini supaya membawa tuduhan, jangan dibiarkan begitu, itu betullah. Tetapi yang saya hendak bayangkan bagaimana sebuah sekolah agama yang mempunyai seorang guru agama yang mengajar anak murid mengambil tindakan disiplin sedemikian rupa.

Apakah ini satu contoh yang baik. Dalam Islam cara hendak mendidik budak-budak bukan dipukul dengan kerusi, ini saya hendak tunjuk bagaimana apabila berhadapan dengan masalah disiplin tindakan yang diambil oleh guru sekolah agama ini, bagaimana tindakan diambil. Mungkin barangkali kalau orang yang tidak berpelajaran, ada juga di sekolah lain yang anak muridnya degil tetapi tidak sampai memukul dengan kerusi sehingga lima jahitan.

Kalaulah sekolah agama membuat contoh pendidikan sedemikian, alangkah malangnya, cukup malang. Sebab sekolah ini sekolah agama dan yang melakukan pula adalah anak kepada Menteri Besar Kelantan. Perbuatan ini cukup memalukan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan pula partinya kononnya memperjuangkan Islam, jadi masyarakat kelompok yang lahir daripada contoh. Kalaulah masalah disiplin sekalipun kepada budak ini, takkanlah sampai lima jahitan dipukul dengan kerusi. Islam tidak ajar sedemikian, memanglah bila bersalah dihukum, saya pun kata mesti dihukum, saya setuju dengan Yang Berhormat, mesti dihukum, mesti dibawa. Tetapi yang menjadi anehnya ada pula pemimpin PAS pergi hendak bela, cari bapa untuk sains surat, supaya tidak dibawa ke mahkamah, hendak mengelak pula.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar pula kata, elok dihukum, kalau elok dihukum mengapa peguam PAS pergi cari bapa budak ini, suruh sains surat untuk selesai kerana itu adalah isu politik, dia takut malu. Kalau hendak suruh hukum jangan sains, jangan panggil budak itu, hukum ke mahkamah, biarkan proses undang-undang berjalan. Ini tidak, pergi ambil bapa budak ini ke Terengganu, bawa JKR.10 ke negeri Kelantan, sains surat kompaun selesai. Ini menunjukkan hendak lari daripada proses undang-undang. Seperti Yang Berhormat katakan tadi, hukumlah tetapi ada orang yang buat macam ini, orang itu ialah peguam daripada PAS sendiri, maknanya tidak mahu terima hakikat bahawa perbuatan ini adalah tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada masalah rang undang-undang yang ada di hadapan kita. Saya hendak bangkitkan beberapa perkara khusus, pertamanya saya lihat

bahawa rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini Rang Undang-undang Kanak-Kanak 1999 secara automatik selepas pelaksanaannya akan memansuhkan dua undang-undang yang sedang berkuatkuasa sekarang ini iaitu satunya *Juvenilea Court Act* ataupun Akta Mahkamah Juvana 1947 dan satu lagi ialah Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991.

Kedua-dua akta yang sedang berkuatkuasa ini akan dimansuhkan secara automatik dan pemakaiannya ialah satu sahaja undang-undang iaitu Rang Undang-undang Kanak-Kanak 1999. Apabila saya membaca rang undang-undang ini saya dapati sebahagian besar daripada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 diambil kira. Tetapi terdapat beberapa peruntukan yang mana peruntukan asal di dalam Akta Mahkamah Juvana wujud tetapi di dalam peruntukan rang undang-undang sekarang ini ditiadakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak suarakan ialah satu dari segi mahkamah. Di bawah Seksyen 3A(1) asal Akta Mahkamah Juvana 1947 kuasa mahkamah untuk membicarakan kes-kes juvana ini diberi kepada sama ada Mahkamah Majistret atau Mahkamah Seksyen iaitu Mahkamah Majistret Kelas Satu atau Mahkamah Sesyen. Itu Seksyen 3A(1) akta lama yang menyebut:-

*“Walau apa pun peruntukan lain di dalam akta ini tetapi tertakluk kepada peruntukan undang-undang bertulis yang berhubungan dengan prosedur jenayah dan Mahkamah Rendah, sesuatu Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret boleh secara terus membicarakan mana-mana juvana yang dikatakan telah melakukan suatu kesalahan”*

Itu di bawah Akta Mahkamah Kanak-kanak tahun 1947. Maknanya diberi kuasa kepada Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen dan dari segi praktiknya semua kes juvana di Malaysia dibicarakan oleh Majistret Kelas Satu. Tetapi di bawah akta yang baru ini kuasa Mahkamah Majistret ditiadakan dan diberi hanya kepada Mahkamah Sesyen.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan saya ialah oleh kerana Mahkamah Sesyen ini dalam sesebuah negeri ia tidak banyak, ada satu. Dari segi praktik yang akan berlaku, misalannya di negeri Kelantan, Mahkamah Sesyen hanya terdapat di Kota Bharu, di 14 jajahan lain tidak ada. Apabila kita memberi kuasa kepada Hakim

Mahkamah Sesyen untuk membicarakan kes ini, misalannya bagaimana kalau kesalahan itu berlaku di Gua Musang, bermakna semua mereka yang terlibat di Gua Musang terpaksa turun ke Kota Bharu untuk dibicarakan kes ini, apabila kita menetapkan ianya dibicarakan di Mahkamah Sesyen, melainkan pihak kementerian mesti berunding dengan pihak Jabatan Kehakiman selepas ini supaya mewujudkan Mahkamah Sesyen di seluruh negara.

Saya beri contoh tadi jelas, misalannya Kelantan di Jeli, daripada Gua Musang ke Kota Bharu ia mengambil masa tiga jam untuk sampai, maknanya kalau hendak bicara besok, dia kena turun hari ini lagi. Yang duduk pedalaman dia terpaksa turun dengan kereta api atau turun dengan sungai sampai ke Gua Musang dan ke Kota Bharu. Yang menjadi masalahnya saya bimbang kalau tidak ada suatu perundingan antara kementerian dengan pihak mahkamah akan menyusahkan orang ramai. Saya percaya kes-kes juvana tidak hanya berlaku di Kota Bharu. Kalau kes berlaku di Kota Bharu memang tidak apalah, boleh dibicarakan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu tetapi kalau berlaku di Gua Musang, Jeli, Machang, Pasir Puteh, Pasir Mas semua pihak terpaksa turun ke Kota Bharu untuk didengar kes mereka. Saya bimbang ini akan menyusahkan ibu bapa.

Kedudukan dahulu elok pasal kuasa diberi kepada Majistret dan Majistret sekarang ini boleh dikatakan di setiap jajahan sudah wujud, sudah ada bidang kuasa atau *Resident Magistrate* yang mendengar kes-kes. Jadi, bagaimana hendak mengatasi masalah ini supaya tidak membebankan orang ramai. Caranya ialah kementerian berunding dengan kementerian kehakiman supaya dalam masa tertentu, mahkamah seksyen ini boleh bersidang di jajahan-jajahan. Selain daripada orang ramai turun ke tempat di mana ada Mahkamah Sesyen, hakim yang pergi turun mendengar kes. Ini tidak akan menyusahkan orang ramai. Kalau tidak, bayangkan perbelanjaan, Tuan Yang di-Pertua, dari Gua Musang hendak pergi ke Kota Bharu, tambah perjalanan 3 jam, tambang, bukan sahaja saksi, ibu bapa kanak-kanak ini – ini akan menyusahkan orang ramai. Proses perjalanan keadilan ini mesti dipermudahkan supaya keadilan itu boleh bukan sahaja diperlakukan tetapi mestilah dilihat telah diperlakukan. Itu perkara yang pertama.

Yang kedua, saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan hukuman. Saya berpendapat bahawa kesalahan yang dilakukan oleh kanak-

kanak, tanggungjawab pertama yang mesti memikul – tanggungjawab melakukan kesalahan ini ialah ibu bapa. Orang pertama yang mesti dipertanggungjawabkan ialah ibu bapa kanak-kanak itu. Kalau anak-anak mencuri atau anak-anak melakukan kesalahan, orang pertama yang mesti dipertanggungjawabkan ialah ibu bapa. Kalau ibu bapanya sudah tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab, barulah tanggungjawab ini boleh diambil alih oleh kerajaan atau institusi-institusi kerajaan yang dibentuk melalui akta ini.

Di bawah Akta Mahkamah Kanak-kanak yang lama iaitu Seksyen 12, hukuman yang boleh dijatuhkan – memberi keutamaan kepada ibu bapa ini untuk dipertanggungjawabkan iaitu Seksyen 12 (1)(d), Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut.

*“Jika Mahkamah Juvana berpuas hati bahawa satu kesalahan telah dilakukan, maka mahkamah itu hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa lain yang boleh dijalankan menurut kuasa akta ini, mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuasa mempunyai kuasa, (d) – untuk memerintahkan ibu bapa atau penjaganya menyempurnakan satu bon yang menjalankan pemeliharaan dan penjagaan yang sepatutnya”.*

Ini wujud di bawah Akta Juvana yang lama tahun 1947 di bawah Seksyen 12. Tetapi di bawah akta baru ini, hukuman ini telah diperuntukkan di bawah Seksyen 91. Apabila saya melihat Seksyen 91, peruntukan ini tiada iaitu untuk mempertanggungjawabkan ibu bapa supaya mewujudkan satu bon menjaga anaknya berkelakuan baik dalam tempoh tertentu dengan jumlah jaminan tertentu, ini tidak wujud di bawah Seksyen 91 yang baru - tidak wujud iaitu sebahagian besarnya ada tetapi Seksyen 12 (d) ini telah diganti baru dengan memerintahkan supaya kanak-kanak itu membayar denda, pampasan atau kos. Seksyen 91 (d) yang baru iaitu perintah untuk membayar kos.

Jadi, saya mencadangkan jika boleh Seksyen 12(1)(d) lama ini yang wujud di bawah Akta Mahkamah Kanak-kanak tahun 1947 diadakan supaya memberi ruang kepada ibu bapa yang telah membuat kesilapan, yang telah mengabaikan tanggungjawabnya, yang gagal menjalankan tugasnya untuk kali pertama diberi kesempatan menjaga anak ini dengan diberi terma-terma tertentu dengan bon dalam tempoh tertentu supaya menjaga jagaan dengan baik.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Hendak minta penjelasan. Saya tengok Seksyen 93 (1) itu, kalau saya tidak silap, sudah ada pasal bon. Yang mana ibu bapa yang tidak sempurnakan bon, ibu bapa itu boleh didenda sebanyak RM5,000 dalam 93(2). Mungkin Yang Berhormat ....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Seksyen berapa itu?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** 93.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** 93 berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** 93(1) dengan 93(2). Mungkin ada overlook, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Memang benar Yang Berhormat, ya. Seksyen 93, "telah diberi kuasa kepada ibu bapa untuk execute satu bon bagi menjaga kanak-kanak menyempurnakan satu bon bagi kelakuan baik kanak-kanak itu dengan atau tanpa jaminan dengan satu atau lebih syarat penjamin bahawa ibu bapa atau penjaga ditemani oleh kanak-kanak hendaklah melaporkan diri". Ini ialah kuasa tambahan. Kuasa tambahan yang diberikan di bawah Seksyen 93. Maksud saya ialah kebertanggungjawaban ibu bapa itu mesti diberi keutamaan iaitu bagi setiap kes yang wujud - pertama sekali, hukuman yang perlu dijatuhkan ialah memberi peluang kepada ibu bapanya bukan sebagai kuasa tambahan kepada mahkamah tetapi kuasa keutamaan iaitu pertama sekali sebelum apa-apa hukuman lain dijatuhkan ia mestilah diberi keutamaan kepada penjaga itu sendiri kerana apabila melakukan kesalahan yang mesti bertanggungjawab dalam kes kanak-kanak ini ialah ibu bapa sendiri. Orang lain adalah pihak ketiga sama ada kerajaan dan sebagainya. Yang perlu bertanggungjawab ialah bapanya sendiri.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkataan *prima facie* dalam Seksyen 90(a). Sebelum daripada ini, peruntukan kanun acara jenayah mengenai *prima facie* ini banyak kekeliruan dan daripada kes-kes yang diputuskan di mahkamah pun banyak menimbulkan kekeliruan yang amat jelas sehingga kanun acara jenayah terpaksa dipinda

di mahkamah ini dan mentakrifkan apakah maksud *prima facie* itu. Tetapi dalam akta ini digunakan perkataan *prima facie* tetapi tidak ada tafsiran apa makna *prima facie*. Sepatutnya pada pandangan saya, perkataan *prima facie* itu mestilah didefinisikan di peringkat awal di bawah Seksyen 2 iaitu seksyen-seksyen definisi iaitu perkataan *prima facie* itu mestilah *prima facie* seperti yang ditakrifkan oleh kanun acara jenayah seperti yang dipinda, barulah tidak menimbulkan kekeliruan selepas daripada ini.

Memang benar akta ini menggunakan perkataan *prima facie* tetapi makna *prima facie* itu tidak didefinisikan di dalam akta ini. Saya bimbang takut nanti di mahkamah akan berlaku kekeliruan sama ada *prima facie* itu '*beyond reasonable doubt*' atau *prima facie* itu *prima facie* seperti yang ditakrifkan baru di bawah kanun acara jenayah dan jika ada pentakrifan demikian, ianya akan menjadikan peruntukan ini lebih jelas.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai *sanction to prosecute*. Ini merupakan satu perkara baru yang diperkenalkan oleh akta ini. Sebelum ini semua kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh juvana ataupun kanak-kanak boleh didakwa terus ke mahkamah tanpa mendapat sangsi *to prosecute* ataupun sangsi untuk mendakwa daripada Timbalan Pendakwaraya. Tetapi akta ini telah bagi menjamin bahawa hanya kes-kes yang perlu sahaja dibawa ke mahkamah telah memberi kuasa kepada pendakwaraya untuk memberi sangsi kepada semua pendakwaan kes di bawah akta ini. Maknanya jika sesuatu pendakwaan dibuat tanpa sangsi ataupun *sanction* daripada pendakwaraya, pendakwaan itu adalah *null and void*, tidak sah.

Yang membimbangkan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah seperti yang saya bangkitkan dari segi perlaksanaan tadi, Timbalan Pendakwaraya ini biasanya duduk di ibu negeri tiap-tiap negeri masing-masing. Tetapi kesalahan mungkin berlaku di tempat-tempat lain. Proses keadilan itu akan menyulitkan, akan melambatkan proses itu. Barangkali satu peraturan perlu dibuat, bagaimana sangsi ini dapat dipercepatkan bagi mempercepatkan proses perbicaraan. Dalam proses biasa, saya menyebut misalannya untuk mendapat sangsi dalam kes 39(b) misalannya, orang yang dituduh mengedar dadah. Sangsi kadang-kadang lima enam bulan belum turun lagi daripada Timbalan Pendakwaraya, memakan masa yang agak lama. Kadang-kadang empat lima bulan sangsi itu belum diperolehi kerana semua mesti dirujuk di bawah Kementerian Kesihatan mesti mendapat sangsi, itu mesti mendapat sangsi. Jadi, yang saya bimbangkan ialah

proses perbicaraan nanti akan memakan masa yang lama. Mestilah ada satu perundingan antara kementerian supaya sangsi-sangsi bagi kes di bawah juvana ini dipercepatkan – dipercepatkan supaya ianya proses keadilan ataupun perbicaraan itu boleh berlangsung dengan cepat, tidaklah kanak-kanak tersebut menunggu proses yang lama untuk menunggu perbicaraan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga telah memperkenalkan satu peruntukan yang jelas dan baru mengenai penjagaan anak-anak. Kalau sebelum daripada ini *Guardianship Act* ataupun akta-akta lain ialah berkuatkuasa untuk orang-orang bukan Islam tentang anak angkat tetapi dengan pengenalan akta ini dengan peruntukan-peruntukan yang seumpamanya boleh digunakan akta ini akan berkuatkuasa untuk bukan Islam sama, orang Islam sama bagi mempermudah proses mengambil alih anak angkat. Ini adalah satu perkara baru yang saya patut beri pujian kepada kementerian kerana telah menyelesaikan banyak masalah.

Masalah anak angkat di kalangan orang-orang Islam sebelum daripada ini cukup merumitkan dengan proses pentadbiran mahkamah kadi yang begitu perlahan, dengan pegawai-pegawai yang tidak terlatih. Kadang-kadang menimbulkan banyak masalah. Sekarang mereka yang ingin mengambil anak angkat atau memelihara anak angkat yang terbiar ataupun anak orang lain yang perlu dia jaga, maka proses telah dipermudahkan di bawah akta ini dan saya percaya ini akan mengambil masa yang cepat. Ini saya ucap syabas kepada kementerian kerana berjaya menyelesaikan masalah ini dengan begitu cepat dan insya-Allah saya rasa selepas daripada ini, mereka ini tidak akan menghadapi masalah yang rumit.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya hendak bangkitkan berhubung dengan peruntukan Seksyen 32. Seksyen 32 ini ialah larangan untuk menggunakan kanak-kanak bagi mengemis dan sebagainya. Walaupun Seksyen 32(a) telah melarang dengan jelas menggunakan kanak-kanak untuk mengemis, menerima sedekah, ha....tadi Yang Berhormat Kubang Kerian masuk ini tidak bolehlah, jangan guna lagi kanak-kanak untuk minta sedekah selepas ini, tidak boleh. Mengemis, menerima sedekah sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua.

Tetapi yang saya bangkitkan tadi ialah berhubung dengan penggunaan kanak-kanak untuk memungut derma parti misalnya. Ini pun bahaya juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita biarkan. Sama ada seksyen ini mengawal perbuatan-perbuatan sedemikian, menggunakan kanak-kanak di bawah umur daripada memungut derma bagi kepentingan parti politik. Ini untuk mengemis, okay. Menerima sedekah, okay. Tetapi untuk menggunakan kanak-kanak bagi mendapatkan derma parti politik. Ini banyak digunakan oleh parti PAS, menggunakan kanak-kanak supaya orang kasihan dan orang beri banyak apabila kanak-kanak minta, dia hendak bagi seringggit, dia bagi dua ringgit. Ini yang digunakan.

Saya tidak nampak peruntukan ini meliputi atau menjangkau perbuatan-perbuatan sedemikian. Saya bimbang dan ini perlu dibendung. Kalau kita tidak bendung, ianya akan menjadikan satu fenomena baru bahawa kanak-kanak yang belum matang ini akan digunakan oleh parti politik untuk mencari kepentingan parti dengan memeperalatkan mereka memungut derma bagi kepentingan parti.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jerantut bangun.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat penjelasan daripada sahabat saya bagi Machang. Baru-baru ini di dalam *Harakah*, ada keluar gambar seorang budak kecil perempuan yang memakai tudung mengatakan patut tukar daripada kerajaan BN kepada kerajaan PAS. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Machang berkenaan penggunaan budak-budak kecil di dalam iklan-iklan dari segi parti politik ini. Patut dimasukkan juga dalam akta ini, saya rasa.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Itu satu contoh jelas lagi. Bagaimana penyalahgunaan, penggunaan kanak-kanak untuk mencari pengaruh politik oleh parti PAS ini. Ini pun juga perlu dibendung. Takkanlah budak kecil faham bagaimana tidak suka dengan kerajaan, apa dia faham mengenai demokrasi. Dia tidak faham lagi. Saya tidak percaya budak yang sekecil ini faham. Tetapi barangkali di gantungan itu diberi oleh orang lain untuk dipakai, diambil gambar – hendak menunjukkan bahawa sekarang

ini tengok budak-budak pun tidak mahu kepada kerajaan. Ini memperalatkan budak-budak ini. Ini perbuatan yang cukup bahaya.

Ini sepatutnya juga dimasukkan di bawah Seksyen 32 – larangan kepada mana-mana anggota parti politik pertubuhan ataupun individu daripada menggunakan kanak-kanak bagi mencari publisiti politik murah seperti ini. Ini pun juga bahaya. Kalau kita tidak bendung, bahaya. Tetapi saya tidak nampak peruntukan Seksyen 32 ini mencakupi atau mengawal perbuatan-perbuatan seperti ini. Yang saya kata ini perlu dibendung kerana sudah terdapat kenyataan jelas daripada Menteri Besar Kelantan selaku Pengerusi Ulama. Dia kata ini tidak mengapa, boleh. Maksudnya kalau guna budak umur 7, 8 tahun untuk gantung bendera bagi menyatakan sokongan politik pada mana parti politik, jadi dia itu tidak memperalatkan. Sebab dia sudah menyatakan perbuatan demikian adalah boleh. Dia kata tidak apa. Malah dia pertahankan dan jika ini dibiarkan, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang seperti yang saya katakan tadi – generasi kita yang akan lahir di masa-masa akan datang ialah satu generasi yang berakhlak tidak sepertimana yang digambarkan oleh sebahagian daripada pemimpin-pemimpin PAS.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan berhubung dengan akta ini. Pada keseluruhannya saya mengucapkan syabas kepada kementerian yang sekarang ini sudah menggabungkan dua akta yang berkuatkuasa ke dalam satu akta baru atau rang undang-undang baru yang memudahkan pentadbiran dan perjalanannya. Saya minta jika ada apa-apa perkara yang telah saya bangkitkan tadi yang boleh diperbetulkan melalui perintah Menteri misalannya, supaya dapat dirunding bagi mempermudah perjalanan ini supaya undang-undang yang akan kita laksanakan ini tidak menjadikan satu kepayahan atau kesusahan atau beban kepada orang ramai.

Walaupun kita mengenakan undang-undang bersikap untuk mencegah dan memperuntukkannya tetapi aspek keadilan dan tanggungan yang perlu dipikul oleh rakyat jelata perlu diambil kira dan rundingan-rundingan perlu dibuat dengan kementerian-kementerian lain supaya proses perjalanan keadilan di bawah kedua rang undang-undang yang akan diluluskan ini menjadi suatu kenyataan. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Gelang Patah.

**4.10 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 pada petang ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia kerana dapat mengadakan satu undang-undang yang baru ini untuk menggabungkan aspek pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dalam satu akta. Saya kira ini adalah satu akta yang ada ciri-ciri penyayang sejajar dengan wawasan negara kita ini untuk mencapai satu negara maju yang mempunyai ciri-ciri penyayang dan bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa mengikut *Convention of the Rights of the Child* pada 2 September 1990 ada beberapa syarat di mana kita perlu ambil kira kepentingan kanak-kanak seperti yang terkandung dalam *the convention* iaitu dengan izin:

- (i) *defy a child as a person under the age of 18 unless national laws fixed and earlier age of majority.*
- (ii) *encompass the whole range of human rights of the child, civil, political, economic, social and cultural.*
- (iii) *demonstrated that the freedom a child needs to develop his or her intellectual, moral and spiritual capacity calls for among others a healthy and safe environment access to medical care and minimum standards of food, clothing and shelter.*
- (iv) *established the right of a child to be an actor in his or her own development to express opinion and to have them taken into account in making of decision relating to his or her life.*
- (v) *acknowledge the primary roll of the family and parents in the care and protection of children and the obligation of the state to help them in carry out this duties.*

Saya berpendapat untuk menyempurnakan kehendak-kehendak dalam *The Convention of the Rights of the Child* ini kalau kita harapkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sahaja tidak akan dapat menjaga kepentingan kanak-kanak di negara kita ini. Kita perlu menggembelngkan usaha daripada kementerian yang lain seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tentang peranan pihak berkuasa tempatan dalam pembangunan sesuatu projek itu kita perlu ambil perhatian tentang kepentingan kanak-kanak seperti mengadakan taman permainan kanak-kanak yang berkualiti yang mana alat-alat yang dibina di taman permainan kanak-kanak itu mesti mempunyai ciri-ciri keselamatan supaya bila kanak-kanak kita bermain di di taman permainan kanak-kanak itu adalah dalam keadaan selamat. Kita dapati bahawa banyak taman permainan kanak-kanak tidak dijaga dengan baik oleh pihak berkuasa tempatan. Kita dapati ada alat-alat permainan yang sudah patah, ada yang tajam tetapi tidak dibaiki. Ini sangat merbahaya.

Kita mendapati bahawa terdapat parit-parit besar dan jambatan-jambatan yang mana rel tidak dipasang dengan baik dan ada rel yang sudah patah tidak diganti balik dengan cepat. Ini akan menjadikan satu perkara yang tidak baik kerana kemungkinan budak-budak akan jatuh ke dalam parit yang dalam itu. Di Kuala Lumpur saya sendiri mendapati seperti di PWTC main hole-main hole yang mana saya kira dalamnya main hole itu lebih kurang enam kaki. Tetapi main hole itu penutupnya sudah tiada di sana lagi, telah hilang tetapi sehingga sekarang saya dapati boleh dikatakan kita lalu sana sudah lebih satu tahun belum diganti balik. Saya khuatir suatu hari kanak-kanak lalu sana dan jatuh ke dalamnya akan menjadi maut. Ini adalah misalan-misalan yang mana pihak berkuasa tempatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu ambil perhatian tentang kes ini.

Selain daripada itu kita perlukan kerjasama supaya pembangunan taman-taman perumahan kalau dapat dibangunkan dengan *standard, zero defect* misalnya dengan mempunyai tempat riadah, tempat sukan yang cukup selain daripada membina permainan kanak-kanak patut diadakan gelanggang badminton, gelanggang bola keranjang dan mengadakan gelanggang bolasepak dan lain-lain kerana ini adalah sangat penting. Satu perkara yang ingin saya ambil peluang di sini ialah memuji pihak kerajaan negeri Johor yang mana keputusan Exco bahawa semua projek perumahan mesti me'*reserved*'kan

sepuluh peratus tanah perumahan dijadikan tanah lapang. Oleh kerana polisi yang bagus ini seperti di kawasan saya Taman Mutiara ini di mana projeknya luasnya lebih 1600 ekar telah merizabkan tanah sebanyak 160 ekar jadi hutan bandar. Dalam rekaan itu saya yakin dan percaya ini akan dapat mendatangkan satu manfaat dan faedah kepada penduduk-penduduk terutama kanak-kanak di taman itu kerana mempunyai tempat rekreasi, tempat sukan dan tempat riadah yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya berpendapat bahawa pihak Kementerian Kesihatan pun perlu ambil bahagian bersama-sama untuk menjaga kepentingan kanak-kanak. Di sini saya ingin memberikan sedikit pandangan tentang pentingnya kita dari segi kesihatan, kerana apabila kita katakan kesihatan bukan kesihatan fizikal sahaja, ini termasuk kesihatan mental. Untuk mewujudkan kesihatan dengan keseluruhannya iaitu fizikal dan mental kita perlu kerjasama dari pihak Kementerian Kesihatan akan pakar-pakar mereka, terutama pada masa sekarang telah diwujudkan post doktor pendidikan keluarga yang mana baru diadakan. Saya yakin dan percaya dengan kerjasama daripada pakar-pakar ini akan dapat memberikan kerjasama kepada pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membimbing anak-anak kita dalam hal-hal kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan masyarakat Cina dalam pendidikan kita menegaskan tentang lima aspek yang penting untuk membimbing kanak-kanak dari kecil. Aspek yang pertama iaitu aspek moral, kanak-kanak itu bila dibimbing dengan baik mereka akan menjadi seorang yang berdisiplin, bermoral, rendah diri, bertimbang rasa dan mempunyai keyakinan diri untuk mengelakkan diri sendiri daripada gejala-gejala sosial yang negatif. Ini adalah satu usaha yang patut kita bersama-sama pertingkatkan supaya kita dapat mengurangkan kes-kes gejala sosial yang negatif.

Kedua adalah aspek ilmu pengetahuan, memberikan kanak-kanak bimbingan ilmu pengetahuan supaya kanak-kanak kita menjadi seorang yang mempunyai aspek kecerdasan yang mana mereka akan bersungguh-sungguh belajar dengan baik dan menjadi seorang yang tekun dan rajin belajar supaya dapat mempertingkatkan ilmu mereka. Dalam hal ini, kita perlu kerjasama rapat daripada Kementerian Pendidikan supaya kita dapat mewujudkan pendidikan yang berkualiti di negara kita ini dan pendidikan yang berkualiti itu dengan ciri yang mana kita dapat mewujudkan satu

suasana kanak-kanak kita suka membaca. Bila mereka suka membaca dalam pendidikan mereka akan menjadi seorang yang berguna pada masa yang akan datang.

Yang ketiga iaitu dari segi rohani dan jasmani. Ini yang sangat penting kita perlu sama-sama berusaha supaya memberikan tekanan tentang aspek-aspek yang mana kita dapat memberikan penumpuan kepada kehendak kanak-kanak kita dalam aspek sukan dan aspek rohani. Ini kita perlu kerjasama dari Kementerian Belia dan Sukan supaya melalui kerjasama kementerian ini kita dapat memberikan peluang kepada kanak-kanak kita ambil bahagian dalam aspek sukan, jasmani dan rohani ini.

Yang keempat iaitu aspek kemasyarakatan. Ini adalah sangat penting supaya pihak kementerian dapat sentiasa mengadakan projek-projek yang mana dapat mengadakan peluang kepada kanak-kanak kita terutama kanak-kanak kita di Malaysia dari berbilang kaum supaya mereka dapat peluang bergaul antara satu sama lain dalam majlis seperti yang dianjurkan oleh KRT, JKKK atau apa-apa majlis patut sentiasa diadakan supaya kita dapat mempertingkatkan perpaduan antara satu sama lain di masa budak-budak kita dari masa mereka kecil kita sudah dapat memupuk semangat suka bercampur dengan orang lain, semangat bersatu padu, semangat toleransi antara satu sama lain.

Aspek kelima iaitu aspek kesempurnaan. Sebaik sahaja kita melalui aspek ini, melalui bimbingan kita kepada anak-anak kita, mereka akan menjadi seorang yang bila diberikan tugas, dia akan membuatnya dengan sempurna dan bukannya membuat kerja 'cincai' sahaja. Dengan hal yang demikian, apabila mereka diberikan kerja sekolah atau diberikan tugas dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah, mereka akan memberikan usaha yang tinggi dalam segala tugas yang diberikan kepada mereka. Apabila mereka dewasa kelak dan mengambil bahagian dalam persatuan NGO atau apa-apa kerja yang diberikan, mereka akan dapat menghasilkan satu hasil yang cukup baik kepada kita kerana untuk menuju ke Wawasan 2020 kita perlu membimbing lebih ramai kanak-kanak untuk kita menuju ke tahap kesempurnaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang yang terkandung dalam akta ini, saya dapati bahawa dalam seksyen 17 (1)(a) iaitu "*Kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dcederakan dari segi fizikal atau dcederakan dari segi emosi atau dianyai dari segi seks oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau*

*seseorang anggota keluarga luasnya*". Dalam tinjauan saya dalam seksyen-seksyen lain, dalam kandungan pengertian kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan saya dapati tiada satu seksyen pun di mana apabila seorang majikan menganiayai atau menyeksa buruh kanak-kanak kerana apabila mereka mencapai umur 16 tahun, mereka boleh diambil bekerja dalam kilang. Jika ada majikan yang menyeksa atau menganiayai mereka, apakah ada seksyen dan peruntukan di dalam undang-undang ini yang membolehkan diambil tindakan kepada majikan? Saya perlukan penerangan daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang keemasan di sini mengharapkan apabila undang-undang ini telah dihasilkan dan apabila ia telah berkuatkuasa, saya harap pihak berkuasa akan dapat menjalankan tugasnya dengan adil dan bertimbang rasa. Saya juga sebagai wakil rakyat sentiasa mendapat aduan daripada orang ramai di mana anak-anak mereka pergi ke karaoke atau disko walaupun dengan kebenaran ibu bapa mereka seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, mereka ditangkap kerana di bawah umur 21 tahun dan seperti di Johor Bahru, mereka telah ditahan di rumah orang tua dan ibu bapa mereka perlu menunggu sekurang-kurangnya seminggu apabila kes mereka dibawa ke mahkamah dan selepas itu barulah mereka boleh datang mengambil anak-anak mereka. Ini sudah menjadi kes yang kebanyakan orang tidak puas hati sebab itulah saya berharap pihak berkuasa perlu bertimbang rasa dalam menjalankan tugas ini. Saya berpendapat, segala tindakan undang-undang, *legal action will be the last resort*. Kita perlu lebih menumpukan terhadap pendidikan kepada orang ramai.

Dalam hal undang-undang ini, saya fikir kita perlu lebih mengutamakan pendidikan kepada masyarakat dan ibu bapa supaya kita dapat menyedarkan orang ramai, kesedaran sivik dan melalui kesedaran ini kita dapat kerjasama dari orang ramai. Jika penguatkuasaan undang-undang tidak dijalankan dengan sempurna akan menimbulkan sikap benci masyarakat kerana mereka merasakan bahawa pihak berkuasa tidak menjalankan tugas dengan adil dan bertimbang rasa. Saya khuatir kita tidak akan mendapat kerjasama daripada orang ramai. Jika kita tumpukan kepada beberapa bilangan pegawai untuk menjalankan satu tugas yang terkandung dalam undang-undang itu dan

jika penguatkuasaan itu dijalankan dengan tidak baik, kita akan mendapat satu kesan sampingan yang buruk dan ini yang perlu kita ambil perhatian tentang hal ini.

Secara keseluruhannya, saya sangat menyokong semua peruntukan dalam rang Undang-undang Kanak-Kanak ini kerana ia diadakan demi kepentingan kanak-kanak kita kerana golongan ini sangat penting kepada pembangunan negara kita ini. Dengan kata-kata demikian, saya ucapkan ribuan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Santubong.

#### **4.34 ptg.**

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana telah membawa cadangan Rang Undang-undang Kanak-Kanak 1999 hari ini iaitu penggabungan tiga akta yang merangkumi Mahkamah Juvana 1947, Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan juga Perlindungan Kanak-Kanak 1991 yang akan memberikan keseragaman dalam pelaksanaan dan tafsiran. Ianya juga telah dapat mengelakkan beberapa pertindihan atau kekeliruan dan juga yang akan mengukuhkan lagi penguatkuasaan.

Langkah ini amat dialu-alukan oleh kerana banyak perkara dalam akta-akta sebelum ini sudah, dengan izin, overtaken by time and circumstances dan juga pelbagai jenis jenayah yang lebih sofistikated telah timbul atau pelbagai jenis jenayah siber sebagai contoh dan juga dari segi, dengan izin, 'severity' jenayah yang dilakukan kepada kanak-kanak dan juga oleh kanak-kanak.

Syabas sekali lagi kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat atas pembentangan rang undang-undang pada hari ini walaupun saya kasihan kepada kementerian ini sebab seakan-akan tugas dan tanggungjawab hanya terletak di atas bahu kementerian ini sahaja. Bahkan kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan, Kementerian Kerja Raya semuanya mesti bertanggungjawab. Saya sangat-sangat berharap agar kementerian ini akan dapat men'sensities'kan kementerian-kementerian lain untuk menjadi lebih kanak-kanak friendly.

Tuan Yang di-Pertua, peranan memang banyak dijalankan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebagai *focal point*, tetapi pada masa yang sama untuk lebih realistik peruntukan untuk kementerian ini harus setimpal. Walaupun budget belum lagi tetapi saya telah difahamkan bahawa peruntukan kementerian ini hanya 0.4% sahaja iaitu satu angka yang mungkin tidak cukup dan tidak realistik kalau hendak menjalankan penguatkuasaan akta ini sahaja ini pun tidak memadai. Jadi oleh yang demikian saya memang cukup yakin bahawa rakan-rakan khususnya dari Barisan Nasional akan memberi sepenuh sokongan kepada kementerian ini khususnya untuk mendapatkan peruntukan yang lebih banyak supaya kita lebih realistik agar kementerian ini dapat menjalankan tugasnya dengan sebaik yang mungkin.

Saya juga bersetuju mesti diadakan lebih banyak *social amenities after school* (selepas sekolah), dengan izin, seperti padang permainan dan tempat-tempat rekreasi atau riadah yang lain bagi mempertingkatkan lagi proses pertumbuhan atau dengan izin 'growing up' kanak-kanak secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga cadangkan agar diadakan juga, dengan izin, *social impact assessments* dari segi pembangunan yang pesat sekarang ini iaitu *industrialization*, urbanisasi, migrasi dan sistem nilai hidup akibat pembangunan yang begitu pesat harus diadakan dan dimulakan oleh kementerian ini. Dengan adanya rang undang-undang ini kementerian perlu banyak menjalankan program-program kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat tentang adanya undang-undang ini. Pertambahan peruntukan, insya-Allah, harus diberi dari segi melipat gandakan program pertambahan pegawai-pegawai yang harus menjalankan tugas dan dari segi keluasan yang hendak dicapai dan disampai, dengan izin, *outreach*. 'Road Show' harus dijalankan di seluruh pelusuk negara sehingga ke peringkat akar umbi di mana banyak masalah tercetus dan di mana selalu ketinggalan dari segi mendapat maklumat adalah di akar umbi. Jadi saya berharap bahawa secara menyeluruhlah untuk mendapatkan maklumat. Saya memang akui kementerian ini adalah yang teramat '*child friendly*' dan di mana kementerian lain harus juga mencontohi.

Di dalam MAPEN, Jawatankuasa Perpaduan adalah jawatankuasa yang pertama. Jadi ini menunjukkan betapa pentingnya kementerian ini dari segi menjaga perpaduan.

Subjek-subjek lain tidak dapat dibincang kalau kisah-kisah perkara-perkara berkaitan perpaduan belum dapat diatasi.

Jadi saya hendak menyentuh dari segi rang undang-undang. Kalau kita melihat kepada Bahagian II, Fasal 3 dari segi tanggungjawab Majlis. Jadi di sini saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar dapat dimasukkan khasnya di dalam fungsi majlis iaitu secara pemulihan akhlak kanak-kanak yang melibatkan komuniti. Sebab kanak-kanak ini bila ditempatkan di rumah bimbingan atau di '*homes*', jadi mereka ini adalah dalam proses membesar tetapi telah diasing-asingkan daripada pembesaran dalam komuniti itu sendiri. Jadi kalau dapat kita masukkan supaya anak-anak ini dapat berinteraksi dengan masyarakat dan tidak lari atau avoidance daripada masyarakat khasnya bila keluar daripada rumah-rumah untuk membetulkan akhlak kanak-kanak ini.

Ini harus diberi penekanan dari segi perlaksanaan institusi pemulihan akhlak. Ini juga adalah satu cara dari segi kita memberi perkhidmatan sokongan kepada keluarga yang bermasalah. Jadi didikkan mereka dan libatkan mereka di dalam komuniti itu sendiri supaya semua pihak akan menjalankan satu tugas yang berat bukan sahaja kepada keluarga yang bermasalah tetapi komuniti harus terlibat sama.

Mengenai Bahagian VII, Fasal 46 dan 47 iaitu bagi kanak-kanak yang tidak dapat dikawal oleh ibu bapa atau penjaga, jadi sebenarnya masalah ini memang berleluasa. Ramai ibu bapa yang tidak dapat atau tidak tahu bagaimana cara untuk mengawal anak-anak mereka ini sehingga mereka tidak tahu bagaimana caranya untuk kalau dapat menempat sementara anak-anak ini di bawah jagaan institusi-institusi supaya anak-anak ini dapat dipulihkan. Jadi di sinilah saya juga berharap agar kementerian dapat memainkan peranannya dan memberitahu bahawa ada terdapat perkara-perkara ini yang boleh membantu dari segi mendidik atau memberi kaunseling kepada anak-anak yang di luar kawalan atau yang tidak dapat dikawal oleh ibu bapa walaupun telah berusaha. Ada jenis anak-anak yang sebegini.

Satu lagi mengenai Bahagian IV, Fasal 15 iaitu dari segi laporan media mengenai penjenayah kanak-kanak. Saya ingin memberi pandangan yang berlainan sedikit, tetapi ini harus dijalankan dengan melihat kepada jenis-jenis jenayah. Ada jenis jenayah yang kita harus sebarkan dalam surat khabar bukan hendak menunjuk-nunjuk tetapi supaya ianya menjadi satu pembendung. Sebab kadang-kadang dikatakan atau

didengarkan kawan-kawan melakukan jenis-jenis jenayah, tetapi mereka macam telah diberi satu tanggapan yang berlainan.

Jadi saya berharap untuk menghindarkan diri khasnya dari segi peers atau kawan-kawan supaya dengan tersebarnya berita mengenai beberapa jenayah yang dibuat tetapi ini harus kita jalankan dengan berhati-hati. Kita pilih jenis yang boleh disebarkan dalam media supaya ianya dapat menjadi pembendung atau kita mengelakkan pula kawan-kawan yang lain sama-sama terjerumus. Satu contoh yang berlaku di Johor Bahru iaitu perlumbaan haram. Bila perlumbaan haram ini telah dikesan dan satu kemalangan yang begitu hebat telah berlaku, saya difahamkan melalui bacaan daripada surat khabar iaitu kawan-kawannya telah dibawa bersama-sama ke rumah mayat untuk melihat kawan ini yang kemalangan adanya yang dilaporkan di dalam surat khabar, termuntah-muntah dan mereka bertaubat.

Mungkin ini cara untuk kita membendung dan mengelak supaya yang lain-lainnya khasnya kawan-kawan atau peers tidak mencontohi atau mengikuti apa yang telah dijalankan oleh kawan-kawan yang lain. Jadi di sini pepatah dengan izin, *'prevention is better than cure'* harus kita gunakan.

Jadi saya seperti ramai kawan-kawan yang lain juga tidak berapa setuju dari segi hukuman yang telah dicadangkan. Lihat di Bahagian V, Fasal 31 hukuman bagi penderaan seksual penganiayaan hanya RM20,000 dan tidak melebihi 10 tahun. Saya rasa ini memang langsung tidak setimpal. Bagi saya elok hukuman mati, sebab telah menggelapkan masa depan kanak-kanak yang telah dilakukan penderaan seksual.

Baru-baru ini bayi berumur enam bulan pun boleh juga dibuat penderaan seksual. Lebih-lebih lagi jangan kita menunggu kematian, tetapi yang tidak mati pun saya rasa RM20,000 dengan 10 tahun itu adalah amat sedikit untuk nyawa seorang. Jadi yang ini saya mempertikaikan dan kalau dapat kita beratkan seberat-beratnya.

Inilah yang membuatkan jenayah berulang-ulang sebab dia rasakan amaun begitu kecil untuk satu jiwa atau seorang manusia. Jadi bagi saya tidak setuju dan kalau dapat pihak kementerian melihat sekali lagi dari segi *severity*, hukuman-hukuman yang tidak setimpal khasnya penderaan seksual dan penderaan kanak-kanak.

Jadi dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Bharu.

**4.46 ptg.**

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga dengan kesungguhan kerajaan memberi perhatian wajar kepada kanak-kanak iaitu khazanah terpenting negara. Akta Kanak-kanak 1999 ini jika dibanding dengan akta-akta yang sedia ada seperti Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 adalah lebih komprehensif, ia lebih menepati kehendak semasa, iaitu kehendak zaman dan tuntutan global seperti terkandung di dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak. Kita sedia maklum bahawa Konvensyen Hak Kanak-kanak merupakan pernyataan dunia iaitu kanak-kanak harus diberi hak untuk menikmati semua yang difikirkan wajar untuk orang-orang dewasa umpunya, kanak-kanak juga harus diberi hak sivil dan politik, hak sosial, hak kebudayaan dan hak ekonomi.

UNICEF, badan yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menjaga dan memajukan kepentingan kanak-kanak seluruh dunia berpandangan, bahawa pembangunan dalam erti kata sebenar, harus mengimbangi antara kemajuan ekonomi dengan kemajuan manusia. Satu aspek penting pengukuran pembangunan manusia pada pandangan UNICEF adalah kedudukan tahap keadaan kebajikan kanak-kanak dan kadar perubahan ke arah pembaikan keadaan kanak-kanak. Oleh itu, bagi kita melihat keadaan di Malaysia, kita harus melihat kedudukan tahap pembangunan bukan sahaja dari segi indikator ekonomi, tetapi perlu kita melihat juga indikator mengenai tahap kebajikan kanak-kanak serta kadar perubahan kemajuannya.

Laporan UNICEF mengenai keadaan kanak-kanak seluruh dunia pada tahun 1997 memuatkan kaji selidik 150 buah negara termasuk Malaysia. Mengikut laporan tersebut, indikator terpenting bagi menentukan keadaan kanak-kanak di sesebuah negara ialah indikator '*under five mortality rate*' atau kadar kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun. Keadaan kanak-kanak didapati terbaik di negara Sweden yang berada di tangga 150. Malaysia berada di tangga 122, manakala Singapura berada di tangga 148, Thailand berada di tangga 89, Indonesia di tangga 53 dan Filipina 67. Keadaan di Malaysia tidak banyak beza dengan Amerika Syarikat yang berada di tangga 125.

Laporan UNICEF itu yang disokong oleh indikator-indikator UNDP di dalam laporannya mengenai pembangunan manusia pada 1996. 176 negara membangun termasuk Malaysia telah dikaji selidik oleh UNDP untuk laporan tersebut. UNDP telah meletak Malaysia dalam kelompok 26 negara membangun yang berjaya mencapai pembangunan manusia pada tahap yang tinggi.

Saya tidak hairan dengan pencapaian begitu baik negara Malaysia kerana memang Kerajaan Barisan Nasional sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat. Semenjak mencapai kemerdekaan 42 tahun lalu, kerajaan telah bekerja keras untuk memajukan negara dalam semua aspek.

Saya bersetuju dengan mukaddimah pada Rang Undang-undang Kanak-kanak yang antara lain mengajak kita menyatakan bahawa wawasan kita ialah menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju di mana keadilan sosial dan pembangunan moral, etika dan rohani adalah sama penting dengan kemajuan ekonomi kerana ia merupakan teras sebuah masyarakat Malaysia madani yang bersatu padu, progresif, damai, penyayang, adil dan berperikemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan di Malaysia mengenai kanak-kanak agak baik jika dibanding dengan negara-negara membangun yang lain, tetapi saya percaya kita semua yang berada di sini dan di luar Dewan ini masih tidak puas hati. Kita mahu keadaan kanak-kanak di Malaysia ini berubah kepada yang lebih baik. Kanak-kanak Malaysia masih terdedah kepada persekitaran yang tidak sempurna, tidak ideal. Persekitaran yang sedia ada masih menimbulkan masalah-masalah seperti kanak-kanak menjadi mangsa seks, ibu bapa yang mendera anak-anak, termasuk menjadikan anak itu mangsa seks ibu bapa, ibu bapa membiarkan anak menjadi mangsa seks kepada ahli keluarga yang lain atau orang-orang lain. Ibu bapa dan ahli keluarga menimbulkan ketegangan di dalam keluarga sehingga emosi anak menjadi rosak, anak-anak menjadi liar, anak-anak tidak menghormati ibu bapa, tidak menyayangi ibu bapa sehingga keluar dari rumah, lari dari rumah. Kanak-kanak menjadi penjenayah, kanak-kanak terlibat dalam masalah maksiat dan kita semua maklum begitu ramai kanak-kanak yang menjadi penagih dadah termasuk ubat batuk.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan, masalah kanak-kanak ini adalah cermin tahap pembangunan manusia di dalam negara kita. Walaupun di peringkat dunia kita dikatakan

baik, tetapi sebenarnya kita begitu kecewa lagi dengan masalah yang masih berleluasa berlaku terhadap kanak-kanak.

Saya bersetuju dengan rakan-rakan yang berucap sebelum saya bahawa lebih banyak perhatian harus diberikan kepada masalah ilmu dan kemahiran keibubapaan (*parenting skills*). Hakikatnya kanak-kanak bermasalah disebabkan ibu bapa gagal memikul tanggungjawab dengan baik. Sebahagian dair ibu bapa yang gagal ini adalah disebabkan tidak pernah belajar atau diajar ilmu dan kemahiran keibubapaan. Ibu bapa yang tidak berilmu dan berkemahiran dari segi mendidik dan memelihara anak besarlah kemungkinannya akan melakukan perbuatan-perbuatan yang memudaratkan anak-anak sendiri umpamanya menjadikan anak-anak mangsa seks mereka atau membiarkan anak itu menjadi mangsa seks orang lain atau mendera anak sehingga mudarat fizikal atau emosi mereka.

Saya pernah membuat *survey* tidak rasmi dan mendapati generasi saya dan generasi sebelum, ramai kanak-kanak wanita menjadi mangsa seks bapa sendiri, bapa tiri, datuk, bapa saudara, abang dan kadangkala adik lelaki selain daripada ahli-ahli keluarga yang lain mungkin sepupu dan lain-lain lagi. Masalah eksploitasi seks ini masih berlaku dengan meluas, ini terbukti apabila kita membaca berita-berita mengenai kes-kes tertentu dengan begitu banyak yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar, bagaimana dengan kes-kes yang tidak dilaporkan?

Kegagalan ibu bapa mencegah masalah ini menyebabkan kanak-kanak wanita yang telah menjadi mangsa itu terpaksa hidup dalam keadaan emosi tidak tenteram, ia merasakan dirinya jijik, kanak-kanak ini perlu kaunseling supaya terus menghargai diri dan dapat hidup sempurna, ibu bapa kanak-kanak tersebut juga perlu kepada kaunseling bagi mengubah persekitaran kanak-kanak yang menjadi mangsa itu supaya lebih menyokong kesejahteraan kanak-kanak.

Saya mohon kepada pihak kementerian supaya berunding dengan Kementerian Pendidikan agar ilmu dan kemahiran keibubapaan dijadikan sebahagian kurikulum khususnya di sekolah menengah, di kolej dan di universiti atau lain-lain institusi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanak-kanak ini mengandungi banyak pelindung bagi kanak-kanak tetapi saya lihat ada satu, dua perkara yang memerlukan penjelasan. Mengikut Konvensyen Hak Kanak-kanak ada termaktub di

dalam konvensyen itu hak untuk kanak-kanak membangun intelegnya, tetapi di Malaysia hak ini nampaknya tidak dimasukkan sebagai salah satu perlindungan ke dalam rang undang-undang ini.

Oleh itu, kita dapati di Malaysia ini masih ada begitu ramai kanak-kanak yang tidak pernah bersekolah atau dikeluarkan daripada sekolah oleh ibu bapa. Saya berharap angka yang saya hendak sebut ini salah, tetapi saya telah difahamkan bahawa hampir 3% kanak-kanak yang layak memasuki sekolah tidak bersekolah. Masalah kecuaiian ibu bapa tidak menghantar kanak-kanak ke sekolah bukan sahaja terdapat di kalangan masyarakat yang hidup di kawasan pedalaman seperti perkampungan Orang Asli, tetapi kecuaiian ini terdapat juga di kalangan ibu bapa di desa, di pekan bahkan di bandar-bandar seperti di kawasan saya sendiri Kota Bharu.

Dalam kawasan saya, saya berhadapan dengan masalah beratus-ratus keluarga yang berada di dalam keadaan yang sangat daif dan banyak pula keluarga daif itu mempunyai anak yang ramai, banyak keluarga yang mempunyai berbelas-belas anak, 12, 13, 14, 15 orang anak, disebabkan kedaifan ibu bapa hampir semua anak-anak itu tidak dihantar ke sekolah. Apakah nasib anak-anak ini apabila mereka dewasa kelak? Mereka buta huruf dan pastinya kurang mampu untuk hidup bahagia. Kita juga harus merasa bimbang disebabkan kanak-kanak ini tidak pernah menerima pendidikan, maka mereka mungkin menjadi *social misfit*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Saya tertarik apabila Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu menyatakan di kawasan beliau terdapat beratus-ratus keluarga miskin di mana akibatnya anak-anak tidak dapat ke sekolah. Saya ingin bertanya adakah ini menunjukkan bahawa sebenarnya Kerajaan PAS tidak mampu untuk mentadbir negara ataupun negeri mereka dan membiarkan keadaan kemiskinan melarat di seluruh negeri Kelantan? Terima kasih.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, ya, sebenarnya itulah keadaannya di negeri Kelantan, Kerajaan PAS tidak mampu menangani masalah ini. Saya difahamkan di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, semua negeri kecuali negeri Kelantan, masalah rakyat yang daif iaitu yang termiskin ini yang

tergolong di dalam golongan termiskin akan menjadi sifar di negeri-negeri lain kecuali di negeri Kelantan, itulah sebabnya saya mendapati kawasan saya dari tahun ke tahun angka mereka yang tergolong di dalam golongan termiskin makin bertambah, bukan berkurangan.

Berbalik kepada masalah kanak-kanak yang disebabkan tidak mendapat pendidikan menjadi social misfit, mereka juga mungkin kerana ingin dapat mencapai sesuatu dengan mudah mungkin terjebak dengan kegiatan maksiat dan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks keadilan sosial, masyarakat harus menerima hakikat bahawa kanak-kanak memiliki potensi untuk meningkat tahap kemajuan masyarakat dan potensi itu haruslah dihormati dan diberi peluang untuk diasah sehingga apabila sampai masa potensi itu bolehlah digunakan untuk kebaikan masyarakat. Ini bermakna masyarakat harus menghormati kanak-kanak iaitu masyarakat perlu memahami kanak-kanak juga ada hak-hak tertentu, seharusnya salah satu hak itu ialah hak kepada pendidikan. Malangnya, Rang Undang-undang Kanak-kanak tidak memberi hak ini kepada kanak-kanak.

Sekiranya ibu bapa tidak mampu atau bermasalah untuk menghantar anak-anak ke sekolah, saya mencadangkan supaya masyarakat mengambil alih dan memikul tanggungjawab itu. Kita harus memperkenalkan satu pendekatan di mana hak asasi kanak-kanak itu untuk mendapat pendidikan di sekolah dapat dilaksanakan. Hak untuk diberi tempat berteduh, hak untuk diberi makan, hak untuk pakaian memanglah penting dan dipertahankan di dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak di bawah seksyen 17 tetapi pada pandangan saya hak kepada pendidikan di sekolah adalah sama penting dan harus dimasukkan ke dalam seksyen 17.

Selain daripada memberi hak kepada pendidikan di sekolah, saya juga ingin mencadang agar semua kanak-kanak seawal mungkin diberitahu mengenai hak-hak mereka. Di Burkina Faso umpamanya negara itu telah menggubalkan undang-undang menjaga kepentingan kanak-kanak yang mewajibkan hak-hak kanak-kanak dijadikan sebahagian kurikulum sekolah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Pengetahuan seawal mungkin mengenai hak mereka dan bagaimana menuntut hak harus dihormati dan dianggap penting.

Semasa mereka masih kanak-kanaklah maka relevannya bagi mereka mengetahui hak-hak mereka. Apabila mereka sudah dewasa dan mereka mengetahui sebenarnya sewaktu mereka kanak-kanak terdapat pelanggaran hak-hak mereka, maka itu sudah terlambat, tidak boleh menukar keadaan kanak-kanak mereka lagi, alam kanak-kanak mereka dan remaja telah berlalu.

Oleh itu, saya mencadangkan Malaysia mengambil contoh Burkina Faso memperkenalkan hak kanak-kanak dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah dan juga menggalakkan tadika-tadika yang mempunyai pelajar-pelajar umur lima tahun hingga enam tahun memperkenalkan hak-hak kanak-kanak kepada pelajar-pelajar itu. Lebih awal mereka mengetahui hak mereka lebih baik untuk mereka.

Sehubungan ini saya ingin merujuk kepada Laporan 1997 UNICEF iaitu saya suka memetik luahan rintihan seorang kanak-kanak bernama Lakshmi di Kolkore, India Selatan yang menyatakan dengan izin, *"In school, they do not teach us our rights, we cannot wait until later to learn about them. To protect ourselves, we need that information right now."*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui sama ada Rang Undang-undang Kanak-kanak ini memberi perlindungan kepada kanak-kanak dari dieksploitasi sebagai buruh kanak-kanak. Kita sedia maklum bahawa masalah eksploitasi buruh kanak-kanak adalah universal, hampir semua negara menghadapi masalah ini termasuk Malaysia, yang idealnya kanak-kanak tidak harus dibebankan dengan kerja-kerja yang lebih sesuai dilakukan oleh dewasa.

Negara kita mengizinkan kanak-kanak membantu ibu bapa dalam menjalankan perniagaan keluarga atau family business. Tetapi apakah ada perlindungan di bawah Rang Undang-undang Kanak-kanak ini bagi kanak-kanak yang bekerja di luar bidang yang diizinkan oleh undang-undang. Umpamanya di Afrika Selatan, perlembagaan barunya memuktub hak kanak-kanak kepada perlindungan daripada amalan buruh yang mengeksploitasi kanak-kanak. Jika Rang Undang-undang Kanak-kanak ini belum lengkap dalam aspek ini, suka saya mencadangkan supaya perlindungan kepada kanak-kanak diperkukuhkan lagi dengan penambahan perlindungan kepada kanak-kanak daripada pekerjaan dan amalan buruh yang dianggap mengeksploitasi kanak-kanak.

Memang sudah terdapat di dalam Rang Undang-undang Kanak-kanak ini peruntukan untuk melindungi kanak-kanak daripada pelacuran, kegiatan mengemis, penajaan loteri haram, perjudian dan lain-lain. Tetapi apakah masalah mencegah kanak-kanak daripada dieksploitasi sebagai buruh memadai dengan peruntukan seksyen 17(1)(k)(ii) di mana disebutkan aktiviti-aktiviti lain. Saya berharap pihak kementerian sudi memberi penjelasan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada seksyen 4 Rang Undang-undang Kanak-kanak mengenai keanggotaan Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-kanak. Memandangkan isu mengenai kepentingan kanak-kanak harus diambil sama berat oleh semua pihak lelaki dan wanita dan memandangkan juga bahawa trend di seluruh dunia adalah ke arah perimbangan di dalam semua badan pembuat dasar, maka saya suka mencadangkan agar Majlis Pelindungan ini dianggotai oleh lelaki dan wanita pada jumlah yang seimbang.

Bagi melaksanakan hasrat tersebut, suka saya mencadangkan semua kementerian dan pihak yang dikehendaki menghantar wakil menduduki majlis itu harus mengangkat nama seorang wanita dan seorang lelaki, supaya pilihan boleh dibuat untuk memastikan perimbangan jantina. Pandangan wanita dan lelaki atas aspek-aspek tertentu berbeza berdasarkan pengalaman berbeza dan lain-lain faktor.

Demi memberi perkhidmatan terbaik untuk kanak-kanak, maka talents, dengan izin, wanita dan talents lelaki harus digemblengkan. Kanak-kanak kerugian jika mana-mana jantina terlalu dominan di dalam majlis itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya berpandangan, bukan sahaja kanak-kanak, tetapi masyarakat malah negara kerugian kerana hampir semua badan-badan pembuat dasar termasuk Parlimen ini tidak imbang dari segi keanggotaan wanita dan lelakinya. Ini merugikan masyarakat dan negara. Kita harus perbetulkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, saya mengalu-alukan seksyen 11(3) yang menetapkan seorang daripada dua orang penasihat hendaklah terdiri dari wanita. Dua orang penasihat itu akan membantu hakim di dalam mahkamah bagi kanak-kanak. Nampaknya peruntukan ini agak gender sensitive, peka jantina dan menepati kehendak zaman – syabas!

Tuan Yang di-Pertua, ...

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu menyatakan mesti ada perimbangan di antara lelaki dengan perempuan, tetapi sebenarnya pasangan suami isteri yang berkahwin selalunya ia memang inginkan kalau boleh dua pasang, dua lelaki dan dua perempuan – seimbang!

Apakah Ahli Yang Berhormat bersetuju kalau kita cadangkan supaya ibu bapa ini menghadiri kursus supaya dapat teknik membuat anak lelaki dan juga teknik membuat anak perempuan, [*Ketawa*] supaya setiap keluarga itu seimbang daripada ada yang dapat sepuluh anak lelaki lepas itu 15 anak perempuan, saya rasa pegawai kerajaan dan Ahli Yang Berhormat yang lain pun bersetuju. Kalau ada cara saya pun mahu kalau boleh mesti yang mula-mula lelaki, yang kedua perempuan, bergilir.

Yang kedua, minta penjelasan juga, tadi Yang Berhormat mengatakan kalau ibu bapa tidak dapat memberikan pendidikan ataupun mengambil berat tentang anak-anak, masyarakatlah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan ataupun memberi pelajaran kepada kanak-kanak tersebut. Apakah Ahli Yang Berhormat bersetuju kita perlu membuat perkara ini sebelum mereka mencapai dewasa kalau kita memberi pendidikan di peringkat awal jikalau ibu bapa mereka tidak dapat memberikan pendidikan akibat daripada masalah bercerai-berai atau kematian, kerajaanlah yang berbelanja memberi pendidikan. Kita tidak mahu jikalau mereka ini menjadi dewasa tanpa pelajaran akibat daripada porak peranda rumah tangga, maka jadilah mereka ini rakyat yang tidak berguna, rakyat yang bermasalah, rakyat yang bodoh. Misalnya penagihan dadah, belanja kita untuk membiayai pemulihan dadah lebih besar berbanding dengan jikalau kita memberikan pendidikan wajib kepada mereka yang masih kecil.

Begitu juga jikalau mereka bermasalah, dewasa jadi perompak, jadi orang yang bodoh, tidak faham undang-undang adalah menjadi lebih besar masalah dan perbelanjaan berbanding dengan perbelanjaan untuk memberi pendidikan wajib semasa mereka lebih kecil. Minta Yang Berhormat jelaskan. Terima kasih.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas dua perkara itu. Saya memang bersetujulah dengan Ahli Yang Berhormat bahawa harus dicarikan satu jalan untuk pasangan ibu bapa kalau hendak memilihkan anak mungkin diadakan kursus sebab saya difahamkan bahawa memang bapalah yang

menentukan jantina, bukan isteri yang menentukan jantina sama ada lelaki atau perempuan tetapi si bapa pun tak tahu bagaimana hendak menentukan, walaupun dari bapa yang menentukan, tetapi bapa tidak mengetahui bagaimana untuk menentukan jantina anak itu lelaki ataupun perempuan.

Oleh itu, elok benar kalau bapa bersama isteri, bersama bakal ibu berkursus untuk cara-cara, hendak kata jamin mungkin susah kerana ketentuan itu haruslah kita bertawakal kepada Allah S.W.T tetapi Allah juga mengajak kita atau berpesan kepada kita untuk berikhtiar dan memang ada di dalam dunia ini ilmu-ilmu yang boleh membantu ibu bapa.

Jadi, saya difahamkan ada alkalin dengan campuran asidnya, ia mesti ada campuran-campuran tertentu untuk membantu jantina tertentu, oleh itu elok sangatlah kalau ibu bapa yang ingin menentukan jantina anak sama-sama berkursus.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Belum lagi habis! Atas perkara itu?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, perkara itu sahaja.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Ha, boleh.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini perbincangan tentang sama ada anak itu berkemungkinan lelaki atau perempuan, ada kaedah seperti Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang tadi kata ini ada juga kena mengena dengan kaedah atau cara menguruskan rumah tangga suami isteri, yang lain itu kita semua maklumlah.

Saya hendak bertanya juga sekarang ini kalau kita baca dalam akhbar ataupun scientific magazine tentang *technology genetic, gene genetic science*. Dia kata, ini minta pandangan Ahli Yang Berhormat, kalau kita melihat kepada teknologi atau sains genetik melihat *genes* ibu dan bapa, ia boleh mengandaikan chances sama ada anak itu dari ibu dan bapa lelaki atau perempuan, sebab itu kadang-kadang kalau kita lihat seseorang itu anak mereka semuanya lelaki atau semuanya perempuan, macam saya tiga perempuan seorang lelaki, hati ini memang hendak tambah lelaki.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tak pandai!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Pokok Sena kata saya tak pandai. *[Ketawa]* Mungkin malam ini saya datanglah bawa kemenyan sedikit selepas pukul 12.00 malam berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Adakah pandangan Ahli Yang Berhormat tentang kaedah ini bahawa dengan teknologi baru, bahawa dengan sifat genetik suami dan isteri itu pakar-pakar doktor yang menggunakan ala cara sains genetik yang baru ini berkemungkinan ia boleh mengandaikan *chances* supaya anaknya lebih ramai lelaki ataupun perempuan. Apa pandangan Ahli Yang Berhormat tentang ala cara tradisi Melayu, tradisi kita Malaysia tetapi ala cara akan datang ini, *the futuristic world* ini menggunakan sains genetik, saya minta pandangan Ahli Yang Berhormat sedikit.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini memang banyak pengetahuan berkenaan dengan genetic engineering ya. *[Ketawa]*

Saya sebenarnya tertarik dengan apa yang telah dicadangkan oleh pihak-pihak infuturistik inilah dari segi pemilihan jantina, tetapi masalah moralnya pun juga harus kita ambil kira iaitu salah guna apabila *genetic engineering* ini membolehkan manusia memilih jantina ini pula dalam keadaan di mana wanita masih tertindas, di dalam keadaan dunia sekarang masih dalam keadaan tertindas.

Jadi, kemungkinan besar ramai memilih anak lelaki dan tidak wanita dan ini akan menyebabkan masalah pula di peringkat dunia. Jadi, walaupun saya pada dasarnya menyokong, ini tanpa mengetahui fatwa atas perkara ini, kita harus dipandu oleh fatwa, jadi tanpa saya mengetahui berkenaan dengan fatwa, saya sendiri menyokong apa yang baik kerana apabila kita mendapati pasangan di mana di pihak lelaki kemungkinannya memang sudah genetikanya iaitu dalam keluarganya, keturunannya ramai lelaki dan ia hendak sangat kepada anak perempuan, tetapi satu demi satu keluar lelaki, jadi berbelas-belas tunggu lagi hendak anak perempuan dan tidak keluar-keluar juga. Jadi, ini akan memudaratkan kesihatan ibu yang terpaksa melayani kehendak sisuami yang inginkan anak perempuan tetapi tidak dapat. Tunggu... *[Ketawa]* Sehingga berbelas pun tidak dapat juga. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Puan Hajah Illani binti Dato' Haji Isahak:** Jadi, kalau begitu '*genetic engineering*' ini memang baik untuk wanita itu kerana kalau ini berlaku, dia tidaklah begitu teruk, ya [*Ketawa*] Hendak tunggu anak. Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini keluar juga satu andaian, kalau dari segi sifat ataupun '*characteristic*' *gene* dua ibu dan bapa. Katalah kerana gen ibunya, keluarga itu hanya dapat menghasilkan anak perempuan sahaja daripada sifat-sifat gen ibu itu tetapi sibapa ini hendak anak lelaki? Apa ada pertimbangan silelaki, adakah Yang Berhormat benarkan bapa tadi untuk kahwin satu lagi? Untuk mendapatkan anak lelaki pula. [*Ketawa*] Sebab ini sudah dianggap .....[*Ketawa*]

**Puan Hajah Illani binti Dato' Haji Isahak:** [*Ketawa*] Ini sudah di luar daripada genetik.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab kalau tidak nanti ini juga hak untuk si suami mendapatkan seorang anak lelaki. Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena anaknya semuanya perempuan. [*Ketawa*] Dia hendak anak lelaki.....

**Puan Hajah Illani binti Dato' Haji Isahak:** [*Ketawa*] Ini sengaja hendak '*provoke*' saya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Teori ini Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena nampak, dia pandang saya satu macam sebab mungkin itu dalam fikirannya.

**Puan Hajah Illani binti Dato' Haji Isahak:** Yang Berhormat, sebenarnya kita semua sudah maklum bahawa bukan wanita yang menentukan jantina lelaki. Jadi, tidak timbullah kalau ambil seorang, dua orang kah, tiga orang kah, isteri bagi yang Islamnya. Saya rasa itu tidak akan menyelesaikan masalah. [*Ketawa*] Berbalik kepada satu lagi isu yang ditimbulkan untuk penjelasan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang iaitu berkaitan dengan pendidikan yang tidak mampu diberikan oleh ibu bapa atau kecuiaan di pihak ibu bapa, maka masyarakat harus mengambil alih tugas dan tanggungjawab ini.

Itu adalah pandangan saya dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat di atas sokongan dan saya juga bersetuju dengan beliau bahawa negara atau kerajaan akan membuat pelaburan yang bijak dengan kita membelanjakan dahulu dalam bidang pendidikan iaitu memberikan kewangan '*funding*' pembiayaan kepada kanak-kanak ini

yang memerlukan kepada pendidikan di waktu mereka masih kecil. Sebelum mereka menjadi '*social misfit*' atau gejala sosial, menjadi salah satu penyumbang kepada gejala sosial sebab seperti mana Yang Berhormat sendiri telah menerangkan bahawa '*social misfit*' ini seperti mana kita semua maklum begitu banyak sekali masalah-masalah yang terpaksa ditangani oleh kerajaan yang menelan belanja yang begitu besar yang mungkin boleh dikurangkan perbelanjaan ini apabila kita membelanjakan terhadap pendidikan kanak-kanak itu sewaktu dia kecil dan untuk mengelakkan dia menjadi '*social misfit*' atau gejala sosial dan dapat menyumbang terhadap masyarakat, bukan menjadi kerugian tetapi penyumbang.

Jadi, Yang Berhormat saya percaya kita sependapat atas perkara itu dan Tuan Yang di-Pertua, saya tiada lagi apa yang hendak diperkatakan melainkan ingin memohon sekali lagi kepada pihak kementerian agar berunding dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan masalah keibubapaaan ini diberikan perhatian serius. Bukan sahaja oleh kementerian Yang Berhormat tetapi Kementerian Pendidikan juga dan bukan sahaja Kementerian Pendidikan, mungkin juga kementerian boleh berunding dengan Kementerian Penerangan bagi mempelbagaikan pendekatan dan cara-cara untuk kita memperkenalkan ilmu dan kemahiran '*parenting*' ini.

Dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Sila, Yang Berhormat.

### **5.23 ptg.**

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua beri peluang kepada saya walaupun sudah hendak pukul 5.30 tetapi saya dapat mengambil bahagian untuk bersama-sama membincangkan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999.

Saya juga seperti rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah berjaya menyediakan satu rang undang-undang yang baru dan kita harap dengan adanya rang undang-undang ini, maka matlamat kita untuk membela nasib kanak-kanak yang terbiar akan menjadi satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Seksyen 17, iaitu pengertian kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Di dalam Seksyen 17, kita lihat

kanak-kanak yang perlu diberikan perlindungan di antaranya ialah kanak-kanak yang menerima penderaan fizikal, penderaan seks, emosi, buruh tetapi kita lihat tidak ada penderaan mental. Saya tekankan penderaan mental ini kerana sejak akhir-akhir ini kita lihat ada pihak-pihak tertentu, kemudian parti-parti politik pembangkang menggunakan kanak-kanak ini sebagai alat politik mereka dan mereka telah pun menanamkan di pemikiran kanak-kanak ini mengenai fahaman politik secara sempit seperti mana yang telah dinyatakan oleh sahabat saya dari Machang. Kalau ini caranya, maka kita akan melahirkan satu generasi yang kurang ajar seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Machang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita harap pihak kementerian kena juga mengkaji semula untuk memasukkan perkara ini kerana sebelum ini kita jarang mendengar kanak-kanak digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan politik. Tetapi hari ini gejala menggunakan kanak-kanak untuk kepentingan politik begitu meluas sekali. Bukan sahaja di negeri Kelantan, sudah sampai ke negeri Selangor dan bagi kanak-kanak ini yang tidak tahu apa erti politik tetapi ditanamkan semangat antidemokrasi. Kalau hari ini negara kita mengamalkan asas-asas demokrasi, kita bimbang kanak-kanak ini nanti apabila mereka besar, mereka tidak faham apa erti demokrasi sehinggakan hari ini, doa pun mereka sudah ubah. Dia punya tok guru membaca doa supaya nampak bulan sahaja.

Jadi, ini yang membimbangkan kita dan kita lihat di dalam surat khabar hari ini jangan nanti satu masa apabila kanak-kanak ini sudah dewasa mereka tidak boleh menerima keputusan-keputusan berasaskan demokrasi. Kita baca surat khabar hari ini di Indonesia, mereka ada dua kumpulan. Masing-masing kumpulan mengugut kalau kumpulan ini menang, kumpulan ini akan merusuh. Kalau kumpulan ini menang, kumpulan ini sanggup memperjuangkan sehingga menyebabkan pertumpahan darah.

Jadi, kalau ini tidak dibendung daripada kecil, maka masyarakat yang akan datang, belia-belia dan juga rakyat yang akan datang akan mempunyai pemikiran yang sempit dan kita harap penderaan dari segi mental ini harus diberi perhatian. Begitu juga kita lihat mental ini dari segi penekanan agama yang parti-parti politik pembangkang terutamanya PAS ini menggunakan agama dan kebetulan ada di kalangan pelajar-pelajar apabila di hujung minggu, hari Sabtu dan hari Ahad, pergi ke kampung-kampung berkempen dan menggunakan agama. Yang berkempen ini mahasiswi, wanita-wanita.

Di Tanjong Karang dia datang, dia kata '*makcik.....*', ini mahasiswa, ini pelajar berkempen. Dia beritahu dengan makcik, "*Makcik, kalau makcik nanti pangkah Barisan Nasional, kubur tidak terima*". Tetapi nasib baik makcik itu pandai. Makcik itu kata, "*Alhamdulillah, kalau kubur tidak terima, makcik boleh balik, duduk dengan pakcik*". Itu kalau orang yang pandai dan mempunyai fikiran yang waras, dia boleh jawab. Tetapi bagi mereka yang begitu kurang memahami agama dan yang bercakap ini pula seorang pelajar, akan mudah terpengaruh.

Tuan Yang di-Pertua, jadi fahaman-fahaman seperti ini yang ditanam daripada kecil, yang mana Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi mengatakan hak kepada kanak-kanak ini harus ditanam daripada mereka kecil, daripada mereka belajar di tadika. Tetapi saya percaya hak yang harus kita tanam ini bukan hak daripada kepentingan politik dan hari ini kita lihat kalau ada kanak-kanak ini daripada kecil fahamannya mengenai agama, akidahnya telah pun disalahkan daripada kecil, maka kita bimbang apabila mereka besar, mereka akan terus menjadi pengikut ajaran yang sesat.

Hari ini kita ada satu Pusat Pemulihan Akidah kepada mana-mana pihak tertentu yang didapati menyebarkan ajaran sesat kerajaan negeri ada menyediakan Pusat Pemulihan Akidah. Tetapi bagaimana kanak-kanak yang kecil ini yang hanya ditanamkan semangat dengan cara memahami agama secara sempit, yang ditanam semangat supaya jangan melibatkan diri di dalam pendidikan secara sekular. Seolah-olah pendidikan yang kita amalkan ini pendidikan hanya untuk dunia, menekankan akhirat semata-mata, maka hasrat kita untuk melahirkan masyarakat yang seimbang, insan yang seimbang di dunia dan di akhir tidak akan tercapai.

Jadi, saya rasa Seksyen 17 ini harus juga dipertimbangkan supaya kanak-kanak yang telah disalahgunakan ataupun diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu terutamanya parti-parti politik, tidak kiralah Barisan Nasional, PAS atau DAP sekali, maka mereka ini harus dibetulkan pemikiran mereka kerana mereka tidak memahami apa erti politik. Biarlah apabila mereka dewasa nanti, apabila mereka suda sampai berumur 21 barulah mereka boleh menilai yang manakah harus mereka sokong.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesalahan-kesalahan Seksyen 43 yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini, kita lihat kesalahan sumbang muhrim, tadi ramai yang bercakap, pelbagai masalah sosial tetapi kesalahan sumbang muhrim

walaupun ada di dalam undang-undang jenayah yang lain tetapi saya ingin cadangkan supaya kesalahan sumbang muhrim ini kalau boleh ditekankan di dalam akta ini. Kalau kita lihat kesalahan-kesalahan yang lain, hanya sebagai ejen ataupun sebagai pelanggan kepada kanak-kanak di bawah umur ini untuk tujuan seks mereka ini boleh dihukum sebat tidak lebih daripada enam sebatan. Tetapi tidak ada ditekankan di sini kepada pesalah-pesalah yang melakukan sumbang muhrim.

Saya kira inilah yang sepatutnya harus kita tekankan supaya masalah sosial ibu bapa yang harus menjaga anak-anak ataupun penjaga ini dapat memainkan peranan mereka. Kita tidak mahu berlaku seperti kata pepatah Melayu “Seperti haruan makan anak”. Jadi, kalau kesalahan-kesalahan seperti ini tidak kita beri penekanan dan kita mengenakan hukuman yang lebih hebat, kalau hanya kita tekankan sebagai pengguna ataupun ejen untuk mendapatkan khidmat seks daripada kanak-kanak bawah umur 16 tahun, boleh dikenakan hukuman sebat. Tetapi saya rasa kalau ada beraku sumbang muhrim yang di bawah umur, boleh jadi dengan umur 18 tahun ke atas mungkin ada maafnya. Tetapi bagi yang di bawah umur 16 tahun, kepada kanak-kanak yang berumur 10 tahun ke bawah terutamanya yang tidak tahu erti apa-apa. Tetapi oleh kerana mengharapkan ‘haruan-haruan makan anak ini’, maka kita harus memikirkan bahawa hukuman yang lebih ketat dan berat harus dikenakan kepada pesalah-pesalah yang melakukan sumbang muhrim ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Sila sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D..K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

- Yang Berhormat Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

- Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

Yang Berhormat Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor  Ramlah binti Mohd. Yusuff Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail Azita binti Nawī Nik Elyana binti Ahyat Taharah binti Mohamed
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999

(Ruangan 22)